



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA


# *Sejarah dan* **Pengurusan Seni**

SEKOLAH SENI MALAYSIA

TINGKATAN **4**







## RUKUN NEGARA

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**  
mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan  
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara  
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap  
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan  
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan  
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# Sejarah dan Pengurusan Seni

SEKOLAH SENI MALAYSIA

## Tingkatan 4

**PENULIS**


**Dr. Wahiza Binti Abdul Wahid  
Dr. Salwa Binti Ayob**

**EDITOR**

**Ishak Bin Ali Shah  
Nabilah Binti Abdul Razak**

**PEREKA BENTUK**

**Fatin Atiqah Binti Mohd Hijazi**

 **aras mega (m) sdn bhd**  
(164242-W)

**2020**





No. Siri Buku: 0167

KPM2019 ISBN 978-967-2212-74-4

Cetakan Pertama 2019  
© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (164242-W)  
No. 18 & 20, Jalan Damai 2,  
Taman Desa Damai, Sungai Merab,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.  
No. Telefon: 03-89258975  
No. Faksimile: 03-89258985  
Laman Web: www.arasmega.com

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Myriad Pro  
Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:  
Mudah Urus Enterprise  
No 143, Jalan KIP 8,  
Taman Perindustrian KIP,  
Bandar Sri Damansara,  
52200 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-6273 4337  
No. Faksimile: 03-6273 5337

## PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembedahan Pruf Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Perak.
- Semua tokoh karyawan secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

# KANDUNGAN

## PENDAHULUAN KENALI IKON

vii  
viii

### Unit 1 Sejarah Seni Islam Malaysia

1.1.1	Menyatakan definisi dan menghuraikan perkembangan sejarah seni Islam Malaysia	4
1.1.2	Menjelaskan konsep dan ciri-ciri karya seni Islam Malaysia dan perkaitannya dengan latar budaya tempatan	8
1.1.3	Menghuraikan unsur seni, prinsip rekaan, dan persepsi visual pada karya seni Islam Malaysia	11
1.2.1	Membuat penyelidikan tentang konsep dan proses kajian penghasilan karya seni Islam di Malaysia	14
1.2.2	Membuat eksplorasi dan membanding beza pelbagai proses, media dan teknik dalam penghasilan karya seni Islam di Malaysia	17
1.3.1	Menjana idea dan menghasilkan kertas kajian projek secara kreatif dan ekspresif dengan menekankan aspek formalistik berdasarkan pengetahuan dan pemahaman sejarah seni Islam di Malaysia	23
1.4.1	Membuat apresiasi karya seni Islam Malaysia secara lisan atau bertulis berdasarkan: (i) deskripsi ( <i>description</i> ) (ii) analisis ( <i>analysis</i> ) (iii) interpretasi ( <i>interpretation</i> ) (iv) pertimbangan ( <i>judgement</i> )	28
1.4.2	Mengamalkan etika dan disiplin pengkaryaan sepanjang proses penghasilan penulisan	32
1.4.3	Mengamalkan budaya pendokumenan	33

### Unit 2 Sejarah Seni Kraf Malaysia

2.1.1	Menyatakan definisi dan menghuraikan perkembangan sejarah seni kraf Malaysia	38
2.1.2	Menjelaskan konsep dan ciri-ciri karya seni kraf Malaysia dan perkaitannya dengan latar budaya tempatan	44
2.1.3	Menghuraikan unsur seni, prinsip rekaan dan persepsi visual pada karya seni kraf Malaysia	49
2.2.1	Membuat kajian dan penyelidikan tentang konsep dan ciri-ciri karya seni kraf di Malaysia	53
2.2.2	Membuat eksplorasi dan membanding beza pelbagai proses, media dan teknik pada penghasilan karya seni kraf di Malaysia	54
2.3.1	Menjana idea dan menghasilkan kertas kajian projek secara kreatif dan ekspresif dengan menekankan aspek formalistik berdasarkan pengetahuan dan pemahaman sejarah seni kraf di Malaysia	59
2.4.1	Membuat apresiasi karya seni kraf Malaysia secara lisan atau bertulis dari mana-mana karya tokoh tempatan berdasarkan: (i) deskripsi ( <i>description</i> ) (ii) analisis ( <i>analysis</i> ) (iii) interpretasi ( <i>interpretation</i> ) (iv) pertimbangan ( <i>judgement</i> )	62
2.4.2	Mengamalkan etika dan disiplin penulisan sepanjang proses penghasilan karya	65
2.4.3	Mengamalkan budaya pendokumenan sejarah seni kraf	66



## Unit 3 Pengurusan Seni

3.1.1	Menyatakan definisi pengurusan seni	70
3.1.2	Mengklasifikasikan jenis karya dan kemasan serta konsep pameran seni	71
3.1.3	Mengetahui prosedur menguruskan karya dari aspek: (i) penyimpanan (ii) keselamatan (iii) harta intelek	78
3.2.1	Mengeksplorasi pelbagai proses, media dan teknik melalui kajian lapangan berdasarkan: (i) pengurusan karya (ii) pengurusan pameran seni (iii) cabaran dan isu pengurusan seni	81
3.3.1	Menjana idea dan menyediakan kertas cadangan projek pengurusan seni berdasarkan: (i) pengurusan karya (ii) pengurusan pameran seni	86
3.4.1	Membuat refleksi berkaitan pengurusan seni berdasarkan: (i) pengurusan karya seni (ii) pengurusan pameran (iii) fungsi dan kepentingan institusi pengurusan seni (iv) harta intelek	93
3.4.2	Mengamalkan etika dan disiplin penulisan sepanjang proses penghasilan kertas cadangan projek	95
3.4.3	Mengamalkan budaya pendokumenan	96

## Unit 4 Keusahawanan Seni

4.1.1	Menjelaskan definisi keusahawanan seni serta kepentingannya	100
4.1.2	Menghuraikan ciri-ciri keusahawanan seni	102
4.1.3	Mengenal pasti nilai pasaran komersial dan trend pasaran seni	104
4.2.1	Mengeksplorasi dan menganalisis pasaran seni melalui kajian lapangan dari aspek: (i) nilai komersial karya seni (ii) trend pasaran seni (iii) undang-undang dan peraturan (iv) cabaran dan isu pasaran seni	108
4.3.1	Menjana idea dan menghasilkan kertas cadangan projek pemasaran seni berdasarkan: (i) karya seni (ii) pasaran semasa (iii) perancangan, pelaksanaan dan laporan pemasaran	118
4.4.1	Membuat refleksi tentang keusahawanan seni berdasarkan: (i) latar belakang penyelidikan (ii) dokumentasi kertas cadangan projek pemasaran seni	124
4.4.2	Mengamalkan etika dan disiplin penulisan sepanjang proses penghasilan kertas cadangan projek	126
4.4.3	Mengamalkan budaya pendokumenan sejarah dan pengurusan seni	127

# PENDAHULUAN

Kandungan buku teks Sejarah dan Pengurusan Seni Tingkatan 4 berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Buku teks ini merangkumi empat unit keseluruhan standard kandungan yang terdiri daripada empat elemen, iaitu Persepsi Estetik, Aplikasi Seni, Ekspresi Kreatif, dan Seni dalam Kehidupan.



Matlamat utama pembelajaran Sejarah dan Pengurusan Seni adalah untuk membina pengetahuan tentang sejarah dan pengurusan seni di Malaysia, membina kemahiran dan nilai seni dalam diri murid bagi membolehkan mereka mempunyai kesedaran dan penghargaan terhadap seni serta membina potensi murid melibatkan diri dalam keusahawanan yang melibatkan unsur seni dalam perniagaan.

Setiap unit dalam buku teks ini mengandungi halaman rangsangan yang direka bentuk dalam bentuk double spread, kandungan, aktiviti, dan latihan. Elemen-elemen tambahan yang dititik beratkan oleh KPM seperti Elemen Merentas Kurikulum (EMK), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Kemahiran Pembelajaran Abad ke-21, dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) turut dititik beratkan bagi memastikan objektif utama mata pelajaran Sejarah dan Pengurusan Seni Tingkatan 4 tercapai.



# KENALI IKON



## PINTAR IT

Merujuk kepada aspek keperluan tambahan maklumat seni yang perlu diterokai melalui laman sesawang atau internet.



## AKTIVITI

Merujuk kepada aktiviti mencipta projek atau tugas yang kreatif dan menarik.



## INFO MENARIK

Merujuk kepada maklumat atau fakta tambahan mengenai topik pembelajaran.



## TIP

Merujuk kepada maklumat tambahan bagi penambahbaikan tugas yang dibuat.



## KOD QR

Merujuk kepada penggunaan kod QR untuk maklumat tambahan yang diakses melalui telefon pintar terus ke laman sesawang.



## KBAT

Merujuk kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi



## GLOSARI

Menerangkan maksud sesebuah perkataan.



## TAHUKAH ANDA

Maklumat lengkap yang berkaitan dengan topik yang dipelajari.



## LATIHAN

Merujuk kepada soalan pengukuhan tentang sesebuah unit yang dipelajari dalam bentuk kognitif.

## Standard Pembelajaran

Standard pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid pada akhir pelajaran.

# TEROKAI DUNIA

# SEJARAH DAN PENGURUSAN SENI

:Terdapat empat unit yang akan dipelajari dalam mata pelajaran ini, iaitu

UNIT

1

Sejarah Seni Islam Malaysia



UNIT

2

Sejarah Seni Kraf Malaysia



UNIT

3

Pengurusan Seni



UNIT

4

Keusahawanan Seni





# Unit 1

# SEJARAH SENI ISLAM MALAYSIA

Drs. Sidi Gazalba (1977) berpendapat bahawa seni Islam ialah hasil karya yang terbentuk daripada budaya hidup sesebuah masyarakat yang bertunjangkan keredhaan Allah S.W.T. Seni yang dihasilkan semata-mata diniatkan untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T dalam manusia menjalankan kehidupan sebagai khalifah-Nya. Hasil daripada seni tersebut dapat mewujudkan kesenangan dengan kehidupan berakhlak dalam kalangan manusia di alam ini. Pengkarya seni Islam akan menyampaikan mesej tersebut dengan tujuan mendidik manusia supaya mendekati diri kepada Allah S.W.T.

Masjid Kg. Laut, Kelantan.

Rumah Demang Haji Abdul Ghani, Melaka.





## 1.1.1 DEFINISI DAN SEJARAH RINGKAS SENI ISLAM MALAYSIA

### Definisi Seni Islam

Seni didefinisikan sebagai sesuatu yang bersifat abstrak, dapat dipandang, disentuh, berbentuk atau boleh didengar. Seni boleh memberi maksud yang berbeza kepada setiap orang. Bagi orang yang beragama Islam, seni Islam ialah satu ekspresi tentang agama dan kepercayaan yang diamalkan. (D. Fairchild Ruggles, 2011).

Istilah seni Islam kini ditafsirkan sebagai hasil karya seni yang dihasilkan di negara-negara Islam. Kebanyakan negara tersebut telah menjadikan Islam sebagai agama rasmi, malah kesenian Islam bersifat menyeluruh dan sejagat, merangkumi segala bentuk seni Islam seperti seni bina, seni kraf, seni tampak dan sebagainya.

### Sejarah Seni Islam Malaysia

Semasa abad pertama tahun Hijrah, orang Arab ialah pelopor sejarah seni Islam Malaysia, iaitu bermula dengan kedatangan mereka pada abad pertama tahun Hijrah. Walaupun tujuan asal mereka adalah untuk berdagang, tetapi mereka tidak melupakan tanggungjawab sebagai pendakwah yang menyebarkan agama Islam. Secara langsung, kesenian Islam berkembang dalam kalangan masyarakat Tanah Melayu pada abad ke-13 Masihi. (Academia, 2015).



#### INFO MENARIK

Kesenian Islam dikatakan bermula sejak zaman Nabi Daud a.s. melalui kemerduan suaranya melafazkan puji-pujian kepada Allah S.W.T. sambil memetik kecapi.



#### PINTAR IT

Lakukan carian di Internet tentang jenis seni Islam yang terdapat di Malaysia.



Batu Bersurat Terengganu.



#### KOD QR




<http://arasmega.com/qr-link/sejarah-perdagangan-tanah-melayu/>

Umumnya, kesenian Islam di Malaysia kebanyakannya dihasilkan oleh orang Melayu yang fasih berbahasa Melayu, mengamalkan adat Melayu dan beragama Islam.

Berdasarkan kajian sejarah, tanda-tanda kewujudan seni Islam ialah pada abad ke-11, iaitu penemuan seni khat yang diukir di atas batu nisan di Nusantara. Perkembangannya semakin pesat pada abad ke-13 apabila sebahagian besar penduduk Nusantara memeluk agama Islam.

Selain itu, salah satu penemuan berbentuk batu bersurat di Terengganu pada abad ke-14 dan akhir abad ke-19 membuktikan kedatangan Islam di Tanah Melayu. Tulisan pada batu bersurat ini menceritakan perkara yang berkaitan dengan hukum-hakam Islam.

Rajah di bawah menerangkan laluan perdagangan yang aktif dijalankan di sekitar kawasan Tanah Melayu.




Rajah 1 Laluan perdagangan Tanah Melayu pada abad ke-8.



## Kronologi Perkembangan Sejarah Seni Islam Malaysia

Berikut ialah kronologi ringkas perkembangan sejarah seni Islam Malaysia dari abad ke-14 hingga kini.



### INFO MENARIK

Kaligrafi atau seni khat Islam dapat dilihat pada dinding masjid, batu nisan atau batu bersurat, di samping terdapat juga pada tembikar, mata wang, pakaian dan lain-lain.

Sebagai contoh ialah duit syiling emas segi lapan dari Johor yang dikenali sebagai kupang. Di atas permukaan syiling emas tersebut tertulis nama Sultan Abd. Al-Jalil Shah dan Khalifah al-Mu'min dalam bentuk kaligrafi.



### KBAT

Siapakah pengkarya seni Islam yang dinyatakan pada kronologi yang anda kenal? Nyatakan peranan tokoh tersebut kepada pembangunan seni Islam Malaysia.



## 1.1.2

## KONSEP DAN CIRI-CIRI SENI KARYA ISLAM MALAYSIA DAN PERKAITANNYA DENGAN LATAR BUDAYA TEMPATAN

Konsep dan ciri-ciri penghasilan karya seni bercorak Islam mempunyai perspektif secara menyeluruh dan sejagat yang menjadi amalan oleh pengkarya seluruh dunia, termasuk di Malaysia.

### Konsep dan Ciri-ciri Kesenian Islam

#### Unsur keindahan

- Tidak terletak kepada objek atau karya seni semata-mata.
- Mewujudkan rasa menyenangkan atau menggembirakan.
- Menimbulkan kepuasan kepada pencinta karya yang melihat melalui pancaindera atau deria rasa.

#### Nilai akhlak

- Mengutamakan soal akhlak dan kebenaran.
- Menekankan aspek moral yang positif.
- Dapat memperkukuhkan jiwa pengkarya dan pencinta karya.

#### Hubungan antara agama, etika dan nilai estetik

- Berhubung kait dengan agama Islam.
- Mendekatkan hubungan antara manusia dengan Allah S.W.T.
- Nilai etika menjadi asas pembentukan hasil karya.
- Nilai estetik diambil kira secara keseluruhan, iaitu luaran, agama dan etika.
- Tiada unsur *paganism* atau animisme.

#### Kepelbagaian dalam kesatuan

- Penggunaan pelbagai gaya, nilai dan idea dalam karya yang berlandaskan Islam.
- Variasi, tenaga dan daya tarikan yang tidak menyimpang dari segi persepsi Islam.
- Kepelbagaian yang dapat digabungkan menjadi satu melalui unsur-unsur dan prinsip rekaan seni Islam.
- Kesatuan yang dapat menimbulkan suasana tenteram, teratur dan selesa.

#### Mengutamakan alam semula jadi

- Menggunakan unsur-unsur alam semula jadi sebagai subjek utama dalam berkarya.
- Unsur semula jadi: tumbuh-tumbuhan dan kosmos serta pemandangan semula jadi.
- Idea dari alam semula jadi, sekiranya dilukis secara realistik atau dipermudahkan, akan tetap dianggap sebagai peniruan dalam kesenian Islam.

Rajah 2 Konsep dan ciri-ciri kesenian Islam.



KOD QR



<http://arasmega.com/qr-link/tiga-prinsip-dasar-kebudayaan-kebangsaan-1971/>

#### Standard Pembelajaran

1.1.2 Menjelaskan konsep dan ciri-ciri karya seni Islam Malaysia dan perkaitannya dengan latar budaya tempatan.

## Karya Seni Islam Malaysia dan Perkaitannya dengan Latar Budaya Tempatan

### Batu nisan Pahang

Penemuan batu nisan di Teluk Che Munah, Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang membuktikan kedatangan Islam di Pahang.

**Tarikh dijumpai:** Jun 1953

**Ukuran:** 30 cm panjang, 21 cm lebar, 3.5 cm tinggi

**Tarikh batu nisan:** 1028 (abad ke-11 Masihi/419 Hijrah)

*Sumber:* Berita Harian, 2015



#### Unsur keindahan

Tulisan khat thuluth digunakan di atas batu nisan ini yang tertulis sebuah syair dalam Bahasa Arab Tua dengan gaya halus tulisan khat.

#### Nilai akhlak

Memperkukuhkan jiwa pengkarya dan pemerhati bagi mendalami ilmu agama. Karya ini secara langsung mengukuhkan keimanan seseorang, mengingatkan soal kebenaran dan kesediaan tentang hari kematian. Selain itu, tulisan khat pada batu nisan memperkasakan tulisan Jawi.

#### Hubungan antara agama, etika dan nilai estetik

Membuktikan agama Islam telah mula bertapak di Tanah Melayu lebih awal daripada batu bersurat di Kuala Berang yang dikatakan tertua dan bertarikh abad ke-14. Nilai estetik pada batu nisan terletak pada tulisan khat thuluth, iaitu salah satu jenis seni khat dari Tanah Arab yang diukir halus dan masih jelas dilihat semasa batu nisan ini dijumpai pada tahun 1953.

#### Kepelbagaian dalam kesatuan

Penggunaan pelbagai unsur dan prinsip kesenian mewujudkan kesan kesatuan. Tulisan khat thuluth diukir pada permukaan dan bahagian tepi batu nisan dengan menggunakan ciri-ciri keseimbangan. Bentuk dan rupa serta hiasan pula memperlihatkan kesan kepelbagaian dan seterusnya membentuk kesatuan pada batu nisan.

#### Mengutamakan alam semula jadi

Motif alam semula jadi pada bahagian atas batu nisan (bahagian kepala) ialah motif bawang. Di bahagian bawah berhampiran dengan tapak terdapat motif bunga teratai yang diletakkan di sekeliling batu nisan dalam jarak yang berbeza.



KOD QR



<http://arasmega.com/qr-link/sejarah-batu-nisan-pahang/>



### Masjid Kampung Laut, Kelantan

Masjid ini dipercayai dibina di tapak asal sejak 300 tahun dahulu, iaitu pada abad ke-18 tanpa menggunakan sebarang paku. Tapak masjid dipindahkan ke Nilam Puri, iaitu tanah milik Yayasan Islam Kelantan selepas kejadian banjir besar yang melanda pada bulan Disember 1966.

**Unsur Keindahan** Masjid ini dibina daripada kayu cengal dan mempunyai 20 batang tiang termasuk empat tiang seri. Pembinaannya menjadi keunikan seni bina pertukangan Melayu dan Nusantara menerusi ukiran kayu dan pada asalnya tidak menggunakan sebarang paku. Masjid ini dipercayai memaparkan keindahan seperti yang terdapat pada reka bentuk sebuah Masjid Tua di Demak, Jawa Timur, Indonesia. Kemewahan ukiran kayu masjid begitu terserlah dengan motif buah betung. Bumbung berbentuk piramid sebanyak tiga tingkat terletak di bahagian utama masjid dan diletakkan tingkap untuk memberi ruang pencahayaan.

**Nilai akhlak** Menggambarkan kecekalan hati pedagang yang dipercayai belayar di Kepulauan Melayu untuk menyebarkan Islam pada abad ke-18. Kesulitan yang dialami menyebabkan mereka berjanji untuk membina sebuah masjid seandainya selamat tiba di pantai. Mereka mengotakan janji dengan mendirikan masjid ini setelah berlabuh dan mendarat di Kampung Laut, Kelantan. Pembinaannya membuktikan akhlak dan niat baik untuk tujuan penyebaran agama, sekaligus digunakan untuk tujuan beribadah.

**Hubungan antara agama, etika dan nilai estetik** Mempunyai pertalian erat dengan agama dan budaya masyarakat Melayu di Kelantan. Rumah ibu bertingkat tiga dikaitkan dengan falsafah ketuhanan. Maksud yang tersirat menjelaskan lapisan bawah yang diibaratkan penuh dengan kekotoran, tetapi semakin ke atas, kelihatan bersih dan akhirnya menuju ke alam luas dan kembali kepada Allah S.W.T. Nilai estetik pada bentuk bumbung bersegi tiga dan menirus ke atas, buah gutung dan menorah ialah lambang keunggulan masjid dan lambang keagungan Islam di Kelantan.

**Kepelbagaian dalam kesatuan** Bahagian bumbung, serambi, menara, balai-balai, kolah, loteng dan bahagian lain-lain digabungkan dalam membentuk kesatuan. Prinsip ukiran kayu ditekankan pada setiap bahagian masjid dengan penggunaan kayu cengal dan jati. Kepelbagaian dari aspek bahan, motif dan reka bentuk memberi kesan kesatuan pada binaan masjid ini.

**Mengutamakan alam semula jadi** Motif semula jadi melambangkan ciptaan Allah S.W.T, iaitu tumbuh-tumbuhan seperti buah gutung, bunga teratai, awan larat dan ragam hias dari motif flora banyak digunakan untuk bahagian ukiran masjid ini.



KOD QR



<http://arasmega.com/qr-link/sejarah-masjid-kampung-laut-kelantan/>



1.1.3

## UNSUR SENI, PRINSIP REKAAN DAN PERSEPSI VISUAL PADA KARYA SENI ISLAM MALAYSIA

### Karya Dua Dimensi (2D)

**Unsur seni:** Warna, garisan, ruang dan rupa.


Warna kontra digunakan bagi membezakan latar belakang dan subjek, iaitu tulisan jawi dari huruf Alif hingga Ya. Garisan halus dan tebal diaplikasikan ke atas setiap huruf jawi, iaitu kesan yang pada kebiasaannya dapat dilihat sekiranya menggunakan pen atau berus khas. Garisan menegak dan melintang berwarna hitam dan halus dilukis seakan-akan garis panduan untuk menyusun kesemua huruf Alif hingga Ya. Terdapat ruang yang hampir sama, iaitu pada jarak setiap huruf dan rupa yang berbeza antara setiap huruf jawi yang dilukis oleh pengkarya.

**Prinsip rekaan:** Kontra, keseimbangan dan kesatuan.

Susunan huruf disusun menegak dan melintang untuk memberi kesan dinamik. Bayangan huruf memberi kesan ilusi yang menarik. Terdapat kesan kontra antara warna latar, iaitu merah dan warna untuk tulisan kaligrafi, iaitu hitam. Huruf-huruf yang dilukis memperlihatkan keseimbangan, iaitu sekiranya permukaan dibahagikan kepada dua, kiri dan kanan, dan atas dan bawah, terdapat kesan seimbang pada keseluruhan catan.

**Persepsi visual:** Huruf jawi digunakan sebagai tema atau pernyataan hasil seni. Kaligrafi diolah dan disusun secara menegak dan melintang bagi mempamerkan kesan dinamik.

Secara visual, bayangan huruf pada karya memberi kesan ilusi yang menarik perhatian orang ramai. Warna hitam pada tulisan kaligrafi kelihatan kontra dengan warna latar catan. Karya ini menggabungkan nilai estetik seni Islam dengan budaya Melayu.



**Pengkarya:** Ahmad Khalid Yusof

**Tahun:** 1971

**Tajuk:** Alif Ba Ta

**Media:** Sutera saring

**Ukuran karya:** 83 cm x 65 cm

### Standard Pembelajaran

1.1.3 Menghuraikan unsur seni, prinsip rekaan dan persepsi visual pada karya seni Islam Malaysia.



### Karya Tiga Dimensi (3D)

**Unsur seni:** Bentuk, rupa, ruang, jalinan, garisan dan warna.

Karya arca ini menampilkan dua bentuk separa bulat yang diletakkan pada posisi berbeza. Terdapat rupa yang timbul terdiri daripada angka-angka dengan tulisan jawi di bahagian permukaan leper separa bulatan. Rupa angka tersebut memberi kesan jalinan pada permukaan bentuk separa bulat dari bahan keluli tahan karat. Besi keluli dibentuk agak halus dan membengkok untuk menyambungkan kedua-dua bentuk separa bulat. Besi-besi halus ini menampilkan unsur-unsur garisan. Arca ini hanya mempunyai satu warna, iaitu warna asal keluli tahan karat untuk keseluruhan pembinaannya.

**Prinsip rekaan:** Imbangan, penegasan dan kesatuan.

Arca daripada keluli tahan karat ini terletak di kawasan tanaman berhampiran Planetarium Negara, Kuala Lumpur ini menampilkan ciri-ciri Islam melalui penggunaan angka satu hingga tujuh dalam tulisan Arab.

Walaupun keseluruhan arca ini dipacakkan di atas permukaan rata dalam posisi atau kedudukan menyerong dan dalam arah yang berlainan, masih terdapat kesan keseimbangan apabila kedua-dua bentuk separa bulat dihasilkan dengan saiz yang sama besar.

Terdapat keseimbangan pada kadar banding keseluruhan arca. Ciri-ciri penegasan tertumpu kepada bentuk bulat yang dipasang pada salah satu besi yang mencantumkan kedua-dua bentuk separa bulat. Bentuk bulat ini seakan-akan melambangkan bentuk *globe* (bumi). Prinsip kesatuan tergambar pada keseluruhan arca dengan gabungan unsur seni dan prinsip rekaan di samping pengulangan angka pada kedua-dua bentuk separa bulat.

**Persepsi visual:** Arca dari keluli tahan karat yang terletak di kawasan taman berhampiran Planetarium Negara ini menampilkan ciri-ciri Islam melalui penggunaan angka satu hingga tujuh dalam tulisan Arab.

Terdapat ciri-ciri pengulangan angka pada dua kepingan separuh bulatan (*semi circle*) dalam kedudukan berbeza. Kedua-dua kepingan separuh bulatan juga memperlihatkan prinsip keseimbangan walaupun kedudukannya berbeza. Kelihatan bentuk bulat di antara lingkungan besi yang disusun dalam jarak yang sama. Lingkungan besi ini dijadikan sokongan untuk menyambung kedua-dua kepingan separuh bulatan.



**Pengkarya:** Ariffin Ismail  
**Tahun:** 1993  
**Tajuk:** *Circle of Time* atau *Time and Space*  
**Media:** Keluli tahan karat  
**Ukuran karya:** 610 cm x 488 cm

### Seni Bina



**Seni bina:** Mimbar Masjid Kampung Tengker, Melaka  
**Tahun:** 1780  
**Media:** Kayu

**Unsur seni:** Warna, garisan, rupa, bentuk, jalinan dan ruang.

Warna yang digunakan pada bahagian mimbar Masjid Kampung Tengker, Melaka ini ialah warna yang memberi maksud tertentu, iaitu merah yang membawa maksud kegembiraan, buah yang baik, harapan dan keuntungan. Kuning keemasan bermaksud kekayaan dan kesempurnaan, perang mewakili warna tanah dan hijau bermaksud panjang umur, pertumbuhan dan keabadian. Warna yang dinyatakan melambangkan identiti masyarakat Cina.

Rupa dan bentuk seperti pasu dan bunga teratai yang wujud sejak zaman Dinasti Ming digunakan sebagai hiasan pada mimbar. Hampir keseluruhan mimbar menggunakan teknik ukiran yang sekali gus menampilkan unsur jalinan. Bagi aspek bentuk pula, mimbar ini memperlihatkan unsur ruang yang ketara.

**Prinsip rekaan:** Imbangan, kesatuan dan penegasan.


Prinsip pengulangan banyak kelihatan dalam reka bentuk mimbar ini. Motif atau corak yang berulang-ulang dapat dilihat pada setiap bahagian yang berukir pada tiang, bumbung dan bahagian lain mimbar. Dari segi bentuk pula, jelas mempamerkan keseimbangan. Penggunaan bahan berserta teknik, unsur seni dan prinsip rekaan melambangkan kesatuan. Manakala prinsip penegasan kelihatan pada bahagian bumbung, mimbar dan ukiran pada bahagian hadapan dan atas bumbung mimbar.

**Persepsi visual:** Masjid ini dibina pada tahun 1780 dan merupakan salah satu masjid tertua di Melaka. Seni bina masjid pula terdiri daripada campuran seni bina Melayu Melaka, Cina dan Kepulauan Indonesia.

Mimbar masjid ini menggunakan motif-motif pengaruh Cina, iaitu teratai, buah plum, bunga lotus dan bunga peoni. Selain itu, terdapat motif katak dan hiasan geometri pada sisi mimbar. Motif bunga teratai dapat dilihat pada bahagian hujung tiang yang diletakkan dalam keadaan terbalik. Setiap tiang mimbar masjid ini mempunyai motif yang sama, iaitu buah plum.

Terdapat motif bunga teratai dalam bentuk mahkota sebagai elemen utama pada bahagian tengah mimbar yang merupakan tempat imam bersandar. Motif bunga plum yang terdapat dalam dua bentuk pembahagian juga menjadi hiasan pada bahagian ini, iaitu dari sudut sisi dan dari arah hadapan. Di bahagian bawah bunga plum ini, terdapat seekor katak yang bertenggek pada dahan pokok bunga ini.





## 1.2.1 KAJIAN PENGHASILAN KARYA SENI ISLAM DI MALAYSIA

Penghasilan karya seni merujuk kepada gambaran atau bentuk pemahaman bagi menghasilkan sesebuah karya. Konsep hasil karya tersebut menggambarkan idea, tema, gaya, bahan, teknik, komposisi dan proses penciptaan serta fungsi dan bentuk keseluruhan karya. Konsep seni kebiasaannya dilihat dari segi aspek fizikal, nilai, kandungan dan estetik.

### Menjana idea dan tema

Tema ialah idea yang menjadikan isi dalam penciptaan sesuatu hasil karya. Dalam menghasilkan karya seni Islam, idea boleh diperolehi dengan pelbagai cara, iaitu:

- a) Pemerhatian terhadap alam semula jadi yang sekaligus boleh dijadikan tema.
- b) Isu semasa yang bercirikan perbincangan hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam.
- c) Penggunaan tulisan kaligrafi Islam yang terdiri daripada pelbagai jenis tulisan.
- d) Pembacaan dan keadaan sekeliling boleh mencetuskan idea untuk diabadikan dalam penghasilan karya seni.



### Mencipta fungsi dan bentuk

Pengkarya seni Islam harus memikirkan tentang fungsi dan bentuk karya yang hendak dihasilkan. Fungsi dan bentuk haruslah mematuhi kehendak Islam dan menghindari daripada penggunaan subjek yang dilarang dalam Islam. Karya haruslah tertumpu kepada fungsi dan bentuk yang menyentuh hal-hal:

- a) Keindahan.
- b) Moral dan akhlak yang positif.
- c) Kepelbagaian dalam kesatuan.
- d) Hubungan antara agama, etika dan nilai estetik.
- e) Mengelakkan unsur animisme.
- f) Mengelakkan daripada gambaran hakikat kebenaran agama.
- g) Menumpukan perkara yang menggambarkan alam semula jadi selain haiwan atau manusia.



#### Standard Pembelajaran

1.2.1 Membuat penyelidikan tentang konsep dan proses kajian penghasilan karya seni Islam di Malaysia.

Pelbagai kaedah boleh digunakan untuk penentuan konsep dan penjanaan idea dan tema, serta fungsi dan bentuk, antaranya ialah:


### a) Kajian perpustakaan

- Melawat perpustakaan dan mencari bahan bacaan yang berkaitan dengan kesenian Islam.
- Pencarian tokoh dan pengkarya Islam di Malaysia dan luar negara.
- Bahan bacaan dikumpulkan daripada pelbagai jenis, iaitu buku, majalah, jurnal, artikel, akhbar dan laman web, atau apa juga kemudahan yang disediakan di dalam perpustakaan.
- Buat catatan ringkas daripada hasil dapatan melalui pembacaan untuk memudahkan proses pemilihan konsep, tema, idea, fungsi dan bentuk karya yang hendak dihasilkan.



### b) Soal selidik

- Sediakan borang kaji selidik dengan mengemukakan soalan bersesuaian kepada pihak responden.
- Soalan yang dirangka biarlah ringkas, iaitu dalam bentuk soalan tertutup (soalan beserta jawapan pilihan), berkaitan dengan isu terkini, tema yang paling diminati responden, bentuk atau bidang kesenian pilihan responden dan sebagainya.
- Edarkan borang kaji selidik sekurang-kurangnya kepada 30 hingga 50 responden untuk mendapatkan jawapan atau maklum balas yang cukup agar dapat menentukan konsep, tema, idea, bentuk dan fungsi berdasarkan pilihan dan kehendak orang ramai.
- Analisa keseluruhan borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden untuk mendapatkan tema atau idea mengikut kehendak dan minat masyarakat terhadap karya bercirikan Islam.



### c) Temubual

- Senaraikan atau merangka soalan yang ingin ditanya kepada responden.
- Pilih sasaran responden yang perlu ditemubual untuk tujuan mendapatkan idea dan tema dalam menghasilkan karya. Responden ialah dalam kalangan pengkarya, pencinta seni, pengunjung galeri seni atau muzium, pendidik dari bidang seni, kurator, kolektor seni, pengurus seni atau sesiapa sahaja yang dapat menyumbangkan idea dalam berkarya.






- Kumpulkan sekurang-kurangnya empat atau lima orang yang secara langsung terlibat dalam karya kesenian Islam. Selebihnya, pilihlah secara rawak daripada pengunjung dan orang awam yang berminat dengan kesenian Islam.
- Rekod dan catatkan setiap temubual yang dijalankan.
- Buat analisa dari keseluruhan temubual untuk mendapatkan idea serta konsep, bentuk dan fungsi bagi karya yang dihasilkan.

#### d) Pemerhatian

- Jalankan pemerhatian di sekeliling terutama kehidupan masyarakat Islam. Pemerhatian boleh dilakukan di galeri seni, trend semasa atau corak hidup masyarakat sekeliling.
- Pemerhatian kebiasaannya tidak perlu melibatkan orang lain dan boleh dilakukan secara perseorangan.
- Perhatikan juga trend atau pasaran kesenian Islam pada masa ini di Malaysia.
- Buat penelitian ke atas bentuk kesenian yang paling mendapat sambutan serta tema-tema yang sering menjadi pilihan dan mengikut kehendak masyarakat.
- Seorang pengkarya haruslah peka dan sensitif dengan kehendak pasaran semasa dalam bidang kesenian Islam.
- Melalui pemerhatian, pengkarya akan dapat menjana idea untuk konsep, fungsi dan bentuk kesenian yang ingin dihasilkan.



#### AKTIVITI APLIKASI SENI 1

**Tujuan:** Membuat penyelidikan tentang konsep dan proses penghasilan karya seni Islam di Malaysia.

**Alatan dan bahan:** Kertas berwarna, pen *marker* berwarna dan kertas mahjung.

#### Langkah-langkah:

1. Pilih salah satu karya yang dihasilkan oleh Ahmad Khalid Yusuf.
2. Lakukan penyelidikan dengan menggunakan kajian perpustakaan untuk mencari maklumat mengenai karya yang dihasilkan oleh tokoh tersebut.
3. Anda diminta untuk membuat penyelidikan idea dan tema serta fungsi dan bentuk yang digunakan dalam penghasilan salah satu karya beliau.
4. Lakukan aktiviti ini secara berkumpulan dengan membahagikan tugas kepada setiap ahli kumpulan.
5. Bentangkan hasil penyelidikan kumpulan di hadapan kelas dan lakukan sesi soal jawab bersama-sama kumpulan lain.



## MENGEKSPLORASI DAN MEMBANDING BEZA PROSES, MEDIA DAN TEKNIK DALAM PENGHASILAN KARYA SENI ISLAM DI MALAYSIA

Penghasilan sesebuah karya seni akan melalui beberapa proses yang berbeza antara satu sama lain. Media dan teknik juga boleh memberi kelainan untuk keseluruhan proses penghasilan karya seni Islam.

#### Proses:

- Proses dalam penghasilan karya seni merangkumi peringkat tertentu, iaitu dari permulaan pembentukan sesebuah karya hingga ke peringkat akhir karya disiapkan.
- Proses penghasilan karya biasanya bermula dengan memikirkan tema. Setelah pencarian tema, pengkarya akan cuba mendapatkan idea dengan mendapatkan maklumat dan membuat kajian bagi merealisasikan sebuah karya.
- Pemetaan konsep yang kreatif sangat penting sebelum proses berkarya bermula. Sebelum menghasilkan sesebuah karya, penentuan media dan teknik yang sesuai juga perlu dipilih untuk gubahan karya. Proses penghasilan karya perlu mengambil kira elemen dan prinsip kesenian.



KOD QR



<http://arasmega.com/qr-link/proses-penulisan-khat/>

#### Media:

- Media merujuk kepada bahan yang digunakan untuk menghasilkan sesebuah karya. Pengkarya haruslah kreatif dalam memilih media yang hendak digunakan. Pemilihan media tertakluk kepada keselesaan pengkarya dan mengikut jenis atau bentuk kesenian yang dihasilkan.
- Media atau medium (merujuk kepada satu bahan) ialah cara pengkarya menggunakan bahan dalam penghasilan karya. Tiada had tertentu dalam pemilihan media bagi penghasilan sesuatu karya seni. Ianya meluas serta atas pilihan dan keselesaan pengkarya itu sendiri.



Handam ialah peralatan yang digunakan untuk penulisan kaligrafi.


#### Standard Pembelajaran

- 1.2.2** Membuat eksplorasi dan membanding beza pelbagai proses, media dan teknik dalam penghasilan karya seni Islam di Malaysia.



**Teknik:**

- Teknik ialah kaedah yang digunakan ke atas karya untuk mewujudkan kesan tertentu atau berbeza daripada karya lain.
- Teknik dalam penghasilan karya seni merujuk kepada kaedah yang melibatkan kemahiran praktikal atau sesuatu yang perlu dipraktikkan untuk mewujudkan kesan tertentu pada sebuah karya.
- Pengkarya boleh bereksperimentasi untuk menimbulkan kelainan pada teknik yang hendak diaplikasikan pada karya. Kaedah eksperimentasi dapat memberikan kesan yang berlainan mengikut kehendak dan boleh dijadikan identiti unggul kepada pengkarya.



Khat thuluth

Khat diwani

Khat khufi

Jenis-jenis tulisan khat.

**Jadual 1** Konsep dan ciri-ciri kesenian Islam.

Jenis karya	Proses	Media	Teknik
Seni catan	Melakar Mewarna	Cat minyak Cat air Cat poster Cat tempera Akrilik Dakwat	Sapuan atau palitan berus Palitan menggunakan pisau palit ( <i>palette knife</i> )
	Menggunting Menampal	Penyembur berwarna Keratan kertas atau kain	Semburan Kolaj
Seni arca	Merangka Membentuk Membina Memasang Mencantum Menampal Mengukir	Kayu Besi Keluli tahan karat Batu Dawai <i>Plaster of paris</i> <i>Paper mache</i>	Kimpalan Penambahan Pemasangan ( <i>Installation</i> ) Tampalan Ukiran Gabungan antara beberapa teknik
Seni khat	Melakar Mewarna	Cat minyak Cat air Cat poster Cat tempera Akrilik	Sapuan atau palitan berus Palitan menggunakan pisau palit ( <i>palette knife</i> )
	Menyulam Menampal	Benang Keratan kertas atau kain	Sulaman Kolaj Gabungan
Seni ukiran	Melakar Mengukir Memesin	Penggunaan pelbagai jenis kayu seperti cengal, seraya, meranti, jelutong dan sebagainya	Ukiran tebuk tembus Ukiran tebuk silat Ukiran bunga timbul Ukiran melarik

**PINTAR IT**

Lakukan carian video di Internet bagi melihat penghasilan karya seni Islam Malaysia. Kemudian buat ringkasan mengenai proses, teknik dan media yang digunakan untuk menghasilkan karya seni Islam tersebut.



## 2 Dimensi (2D) - Cetakan



**Proses:** *Etching* ialah proses tradisional dalam teknik cetakan yang menggunakan bahan asid yang kuat. Antara proses yang digunakan untuk penghasilan karya ini ialah:

- Melakar.
- Menyediakan plat tembaga.
- Plat digilap dan disapu dengan lilin (anti asid).
- Lakaran dipindahkan ke atas plat.
- Menggores di atas plat.
- Plat direndam ke dalam asid.
- Plat dibersihkan dengan peralatan khas.
- Sapuan dakwat ke atas plat tembaga.
- Kertas diletakkan di atas plat tembaga dengan menggunakan mesin khas untuk teknik *etching*.
- Warna akan melekat di atas kertas mengikut garisan-garisan yang digores.

**Media:** Dakwat

**Teknik:** *Etching on plate*

**Pengkarya:** Ahmad Khalid Yusof  
**Tajuk:** *Jantung Hatiku*  
**Tahun:** 1994  
**Ukuran:** 24 cm x 16 cm

**Proses:**

- Sapuan warna asas, iaitu putih ke atas kanvas.
- Melakar di atas kanvas yang telah disapukan warna asas atau latar.
- Mewarna dengan menggunakan huruf jawi, secara lapisan demi lapisan dengan warna oren, hijau, biru dan putih.
- Sapuan berus yang agresif dan berani pada latar belakang dengan tulisan-tulisan jawi yang dilukis mengikut berbeza saiz dan berlapis-lapis.
- Warna putih digunakan untuk tulisan-tulisan jawi bersaiz kecil ke atas huruf Nun sahaja.

**Media:** Akrilik atas kanvas.

**Teknik:** Sapuan berus dan warna ke atas kanvas.



**Pengkarya:** Husin Hourmain  
**Tajuk:** *Nun*  
**Tahun:** 2009  
**Ukuran:** 152 cm x 152 cm

## 3 Dimensi (3D) - Arca



**Pengkarya:** Ruzaika Omar Basaree  
**Tajuk:** *Siri Dungun*  
**Tahun:** 1981  
**Ukuran:** 170.8 cm x 76 cm

**Proses:**

- Memotong kayu mengikut saiz yang diperlukan.
- Membentuk struktur binaan dan tingkap.
- Daun tingkap dibentuk mengikut simetri yang boleh dibuka dan ditutup.
- Ukiran motif kerawang mengikut prinsip seni ukiran.
- Mewarna motif ukiran dengan menggunakan akrilik dan cat *emulsion* untuk bahagian-bahagian tertentu pada tingkap.

**Media:** Akrilik, kayu dan cat *emulsion*.

**Teknik:** Pemasangan kayu dan ukiran tebuk tembus.

**Pengkarya:** Hamdzun Haron  
**Tajuk:** *Simpuh*  
**Tahun:** 1998  
**Ukuran:** 48 inci x 16 inci

**Proses:**

- Menyediakan bahan mentah seperti tanah liat.
- Menguli tanah liat.
- Membentuk tanah liat dengan menggunakan mesin lempar alin.
- Mencantum bentuk-bentuk berasingan menjadi satu.
- Pembakaran pertama, iaitu secara pembakaran biskut.
- Pembakaran kedua dengan penggunaan *glaze*.

**Media:** Tanah liat dan campuran.

**Teknik:** Lempar alin dan cantuman.







### AKTIVITI APLIKASI SENI 2

**Tujuan:** Melakukan kajian membanding beza karya seni Islam Malaysia.

**Langkah-langkah:**

1. Berdasarkan dua hasil karya yang diberi, lakukan eksplorasi dan kajian banding beza mengenai kelebihan dan kesesuaian teknik dan proses penghasilan untuk kedua-dua karya.



**Pengkarya:** Suhaimi Fadzir  
**Tajuk:** Allah is the Light of the Heavens and the Earth (Green)  
**Tahun:** 2015  
**Media:** Media campuran

**Pengkarya:** Sulaiman Esa  
**Tajuk:** Nurani  
**Tahun:** 1983  
**Media:** Akrilik atas kanvas




2. Maklumat boleh diperoleh melalui kaedah penyelidikan yang telah dipelajari.
3. Tulis maklumat dalam bentuk peta pemikiran kemudian hasilkannya dalam bentuk multimedia seperti *Power Point*.
4. Bentangkan hasil maklumat anda dengan rakan kelas lain.



## PENJANAAN IDEA KREATIF DALAM PENGHASILAN KERTAS PROJEK

### Kajian Penyelidikan Penghasilan Karya Seni

Dalam melakukan penyelidikan, pencarian maklumat dan penghasilan karya perlulah mengikut proses yang ditetapkan supaya bahan yang diterima lengkap dan objektif kajian tercapai. Kajian umum tentang penghasilan karya seni, boleh dilakukan mengikut kesesuaian masa dan keperluan semasa tanpa terikat dengan isu-isu semasa yang berlaku dalam perkembangan seni.



Rajah 3 Konsep dan proses penyelidikan penghasilan kertas projek.

*Standard Pembelajaran*

1.3.1 Menjana idea dan menghasilkan kertas kajian projek secara kreatif dan ekspresif dengan menekankan aspek formalistik berdasarkan pengetahuan dan pemahaman sejarah seni Islam Malaysia.



**Isu kajian**

- Mencari isu terkini berkaitan dengan penyelidikan yang ingin dijalankan.
- Daripada isu terkini yang timbul dan menarik perhatian berdasarkan bahan bukti sama ada penulisan atau sumber-sumber yang dipercayai, contohnya seminar, perbincangan dalam forum atau sesi dialog oleh tokoh-tokoh tertentu.
- Melalui isu ini, akan wujud idea untuk melakukan kajian.

**Penyataan permasalahan**

- Deskripsi yang jelas, ringkas dan lebih padat berkaitan isu yang wujud.
- Mengenalpasti masalah yang wujud dalam isu yang dipilih.
- Lebih menjurus untuk tujuan menyelesaikan permasalahan daripada isu yang ada.
- Menyampaikan kepada pembaca tentang kepentingan untuk menyelesaikan permasalahan melalui penyelidikan atau kajian.
- Menyediakan rangka untuk kajian yang akan dijalankan.

**Persoalan kajian**

- Soalan yang dikemukakan ialah soalan-soalan yang perlu dijawab di akhir kajian.
- Persoalan yang dirangka adalah untuk penyelidik menyelesaikan masalah yang dinyatakan berdasarkan pernyataan permasalahan.
- Soalan kajian haruslah jelas dan kukuh agar dapat menjadi panduan sepanjang melaksanakan kajian.

**Objektif kajian**

- Daripada persoalan kajian, penyelidik akan merangka objektif penyelidikan.
- Objektif-objektif yang diperoleh daripada persoalan inilah yang perlu dicapai pada akhir kajian.
- Lebih spesifik daripada matlamat kajian yang lebih umum.

**Kepentingan kajian**

- Menjelaskan tentang kepentingan kajian yang akan dijalankan.
- Menerangkan bagaimana kajian dapat memberi faedah kepada orang ramai atau masyarakat sekeliling.
- Menghuraikan tentang implikasi kajian kepada individu dan masyarakat.

**Skop kajian**

- Memberi penjelasan secara lebih terperinci tentang fokus kajian.
- Penjelasan haruslah memberi tumpuan kepada tempat kajian, sasaran responden dan kaedah kajian daripada sumber primer yang dipilih.

**Kaedah pengumpulan maklumat melalui kajian literatur dan data primer**

- i) Kajian literatur
  - Mengumpul maklumat berdasarkan sumber rujukan sedia ada.
  - Sumber-sumber untuk kajian literatur boleh diperoleh daripada buku, keratan akhbar, majalah, jurnal dan bahan penulisan lain.
  - Maklumat daripada penulisan sebaik-baiknya dimulakan daripada yang terkini.
- ii) Data primer
  - Maklumat yang dikumpul melalui kaedah seperti temu bual, soalan kaji selidik atau pemerhatian.
  - Kaedah ini membolehkan penyelidik mendapat maklumat holistik yang diperlukan secara terus daripada responden.

**Analisa kajian**

- Membuat analisa daripada maklumat yang diperoleh terutama daripada data primer.
- Huraian atau penjelasan ke atas setiap maklumat yang dikumpulkan melalui temubual, borang kaji selidik atau pemerhatian.
- Analisa yang dibuat adalah untuk tujuan membuat kesimpulan ke atas jawapan yang diperoleh daripada persoalan kajian.

**Hasil dapatan**

- Membuat huraian ke atas hasil dapatan daripada kajian secara keseluruhan.
- Membentangkan hasil dapatan dalam bentuk penulisan atau folio.



## Contoh penghasilan penulisan kertas projek seni Islam Malaysia



- **Pengkarya:** Jamil Mat Isa
- **Tajuk:** *The Merciful*
- **Media:** Cetakan sutera saring atas kanvas
- **Ukuran:** 90 cm x 60 cm
- **Tahun:** 2017

### Isu Kajian

Dalam perkembangan seni tampak di negara ini yang semakin berkembang pesat, semakin ramai pengkarya seni yang muncul dewasa ini. Ini berlaku dengan adanya institusi pengajian tinggi yang menawarkan pengajian dalam bidang seni visual dan melahirkan graduan yang berkemahiran. Selain itu, tidak kurang juga pengkarya

yang sememangnya dilahirkan dengan kebolehan semula jadi dalam berkarya. Namun begitu, masih kurang bahan penulisan tentang hasil karya bercirikan Islam yang juga memberi tumpuan ke atas apresiasi karya yang dihasilkan oleh pengkarya di negara ini.

### Penyataan Permasalahan

Oleh kerana masih kurang kajian dan penulisan berkaitan dengan apresiasi hasil karya seni berorientasikan Islam, penyelidikan ini dijalankan untuk menambah bahan rujukan untuk proses apresiasi seni pengkarya tempatan. Kajian yang akan dijalankan ialah berdasarkan pengkarya tempatan, Jamil Mat Isa sebagai subjek kajian serta karya seni catan yang dihasilkan beliau.

### Persoalan Kajian

- Bagaimanakah latar belakang pengkarya Jamil Mat Isa?
- Apakah ciri-ciri, pendekatan dan aspek formalistik karya yang dihasilkan oleh Jamil Mat Isa?

### Objektif Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada pengkarya seni tampak tempatan, Jamil Mat Isa. Objektif kajian dijalankan adalah untuk:

- Mengenal pasti secara ringkas latar belakang pengkarya, Jamil Mat Isa.
- Menjalankan apresiasi seni ke atas salah satu karya seni bercirikan Islam oleh pengkarya berdasarkan teori Edmund Feldman.

### Kepentingan Kajian

Kajian ini akan dapat menambah maklumat serta bahan penulisan tentang proses apresiasi seni ke atas karya seni Islam tempatan. Hasil dapatan daripada kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh penyelidik lain bagi menjalankan kajian seterusnya dan pada masa akan datang.

### Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan ke atas seorang karyawan seni Islam tempatan, iaitu Jamil Mat Isa. Tempat kajian dijalankan adalah di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Karya yang diambil untuk proses apresiasi seni ialah karya yang dihasilkan pada tahun 2017, bertajuk "The Merciful". Proses apresiasi seni ke atas karya akan menggunakan teori apresiasi seni oleh Edmund Feldman.

### Pengumpulan Maklumat Melalui Kajian Literatur

Maklumat berkenaan dengan pengkarya dan penghasilan hasil karya yang terdahulu ialah melalui pembacaan jurnal, artikel dan buku yang tertulis secara ringkas mengenai pengkarya dan latar belakangnya. Sebelum pengumpulan maklumat berdasarkan kaedah primer dijalankan, kajian perpustakaan dijalankan untuk mengetahui serba sedikit mengenai subjek kajian, iaitu pengkarya Jamil Mat Isa dan perkembangan dunia seninya. Selain buku, majalah, jurnal dan artikel, maklumat berkaitan juga diperoleh daripada laman web sedia ada yang menceritakan sedikit sebanyak berkenaan subjek kajian.

### Analisa Kajian

Melalui temubual bersama pengkarya, maklumat penting berkenaan karya "The Merciful" dapat dihuraikan. Berdasarkan pernyataan pengkarya, penceritaan latar belakang kehidupannya, analisa ke atas karya seni dilakukan berdasarkan teori Edmund Feldman yang menekankan tentang huraian bagi deskripsi, analisis, interpretasi dan pertimbangan.

### Hasil Dapatan

Huraian hasil dapatan dari kajian yang telah dijalankan dalam bentuk penulisan. Huraian tentang apresiasi seni ke atas karya Jamil Mat Isa ini adalah berdasarkan teori Edmund Feldman. Teori apresiasi seni ini melibatkan huraian untuk deskripsi, analisis, interpretasi dan pertimbangan.



### AKTIVITI EKSPRESI KREATIF

**Tujuan:** Mengenal pasti pengkarya seni Islam di Malaysia.

#### Langkah-langkah:

- Hasilkan satu kertas kajian projek salah seorang pengkarya seni Islam di negara ini.
- Hasilkan kertas projek berpandukan maklumat berikut:
  - Pengenalan, matlamat dan objektif
  - Latar belakang
  - Tarikh, masa dan lokasi
  - Tokoh dan karya
  - Dapatan dan rumusan
  - Idea, konsep dan proses penghasilan hasil karya.
- Kertas projek haruslah mengikut prosedur pendokumenan yang kemas dan tersusun.
- Hasil dapatan kajian hendaklah dirujuk dan dibentangkan di hadapan kelas.





## 1.4.1 APRESIASI KARYA SENI ISLAM MALAYSIA

D'zul Haimi (2001) menjelaskan dalam membuat apresiasi atau penghayatan terhadap karya seni Islam, seseorang perlulah memahami empat proses dalam penghasilannya. Penghayatan karya sama ada pengkarya atau pemerhati perlulah merujuk al-Quran dan hadith bagi melihat kenyataan sebenar yang ditunjukkan oleh Allah S.W.T, iaitu alam semesta.

Terdapat empat aspek yang perlu diambil kira dalam penghasilan apresiasi karya seni Islam Malaysia mengikut model Edmund Feldman iaitu:

- i) Deskripsi (*Description*)
- ii) Analisis (*Analysis*)
- iii) Interpretasi (*Interpretation*)
- iv) Pertimbangan (*Judgement*)

### Contoh apresiasi karya seni Islam Malaysia 1



#### Deskripsi (*Description*)

*The Merciful* (2017) ialah karya cetakan mono sutera saring atas kanvas oleh Jamil Mat Isa dalam siri "Zikir" yang dimulakan sejak tahun 2014. Dihasilkan dalam format potret dengan ukuran 90 cm x 60 cm.

Imej karya ini ialah teks "al-Azim" dengan merujuk kepada "asmaul husna". Pengkarya mengaplikasikan teks sebagai subjek utama yang diulang cetak.

- **Pengkarya:** Jamil Mat Isa
- **Tajuk:** *The Merciful*
- **Media:** Cetakan sutera saring atas kanvas
- **Ukuran:** 90 cm x 60 cm
- **Tahun:** 2017

#### Analisis (*Analysis*)

Garis organik, jalinan dan warna ialah elemen utama dalam cetakan mono ini. Garisan organik (teks *al-azim*) diulang cetak dan akhirnya menghasilkan kesan jalinan di permukaan kanvas. Teks atau garisan-garisan dicetak lapisan demi lapisan dalam warna hijau, kuning dan juga putih memberikan kesan visual yang menarik.

Komposisi simetrikal diambil kira yang mana bahagian kiri dan kanan format cuba diimbangi. Himpunan teks di bahagian kanan format disusun secara mengiring dan dicetak dengan warna hijau gelap serta diimbangi oleh himpunan teks yang sama, namun bersaiz lebih kecil dicetak dalam warna hijau yang lebih terang. Ianya dikuatkan lagi dengan meletakkan satu rupa berbentuk bulat dalam garisan tebal yang juga berfungsi sebagai satu titik tumpuan dalam karya ini.

Pelukis menghasilkan dua ruang di bahagian atas dan bawah format dalam dua warna yang berbeza. Warna hijau gelap diaplikasikan pada bahagian bawah dan warna kuning terang di bahagian atas. Walaupun saiz kedua-duanya berbeza, pelukis menggunakan kekuatan warna panas (kuning) untuk mengimbangi format. Secara visualnya terdapat elemen garisan penjuru dalam karya ini selain garisan melintang.

#### Interpretasi (*Interpretation*)

Dihasilkan untuk menarik minat pemerhati akan bentuk dan makna yang ingin disampaikan. Penggunaan warna sejuk (hijau) bagaikan memberi saranan kepada pemerhati. Amalan berzikir dapat menyejukkan hati dan diri seseorang. Teks yang diulang cetak secara berlapis memberi makna bahawa amalan berzikir ialah satu proses pengulangan yang memberi kesan dan kekuatan pada karya.

#### Pertimbangan (*Judgement*)

"The Merciful" ialah karya cetakan kontemporari yang mengangkat kaligrafi sebagai subjek utama dengan mengambil kira saranan dalam "Seminar Akar-akar Peribumi dan Perkembangan Kini" pada tahun 1979.

#### Standard Pembelajaran

- 1.4.1 Membuat apresiasi karya seni Islam Malaysia secara lisan atau bertulis berdasarkan:
- i) Deskripsi (*Description*)
  - ii) Analisis (*Analysis*)
  - iii) Interpretasi (*Interpretation*)
  - iv) Pertimbangan (*Judgement*)



## Contoh apresiasi karya seni Islam Malaysia 2

### Deskripsi (*Description*)

Karya seni catan ini ialah salah satu catan dari siri "Asal Hurouf Awal Hurouf." Tajuk catan ini ialah Alif yang dihasilkan pada tahun 2011. Catan ini dihasilkan melalui media akrilik di atas kanvas berukuran 198 cm x 198 cm. Dalam karya ini, terdapat huruf Alif, iaitu huruf pertama dalam penulisan Jawi yang dilukis di bahagian tengah catan dengan warna perang.

Selain itu, terdapat lapisan pelbagai huruf jawi yang mengelilingi subjek dan diisi dengan pelbagai huruf jawi di dalam huruf alif. Sekiranya diteliti, terdapat huruf-huruf jawi dalam pelbagai saiz dan warna. Dari bahagian atas, terdapat tiga lapisan warna yang berbeza, iaitu biru laut, hijau dan biru sebagai warna latar.



### Analisis (*Analysis*)

Melalui karya catan Husin Hourmain ini, imej huruf Alif jelas dapat dilihat sebagai subjek utama. Elemen ini dikira sebagai penegasan utama yang menjadi signifikan di bahagian tengah catan. Sekiranya dilihat secara keseluruhan, mata akan lebih tertumpu kepada huruf Alif bersaiz besar berbanding dengan huruf kecil yang berulang-ulang di bahagian belakang. Pengkarya menekankan subjek utama melalui warna yang memberi kesan kontra kepada subjek. Dalam memperkatakan prinsip kontra, pengkarya menggunakan warna sejuk untuk latar belakang dan warna panas ke atas subjek. Pengkarya mempamerkan unsur seni yang utama dalam hasil karyanya.

Karya ini dihasilkan dengan ciri-ciri simetri yang mana terdapat keseimbangan pada bahagian kiri dan kanan catan. Pandangan mata akan tertumpu kepada subjek utama, iaitu di bahagian tengah. Ini bererti, tiada posisi kiri atau kanan yang menyebabkan ketidakseimbangan dalam catan.

### Interpretasi (*Interpretation*)

Berkenaan dengan tajuk siri "Asal Hurouf Awal Hurouf" dapat dihuraikan bahawa awal sebagai pembukaan atau permulaan sesuatu, manakala asal didefinisikan sebagai sumber atau asal usul. Menurut Azzad Diah (2013), kedua-dua istilah berkait antara satu sama lain secara teori dalam kaitan antara pengkarya dan hasil karya. Huruf Alif menjadi elemen terbesar seperti dalam awal huruf nama-nama Allah, seperti *ar-Rahman*, *ar-Rahim* dan lain-lain yang menunjukkan signifikan huruf Alif. Alif ialah huruf pertama dalam kumpulan *hijaiyah* yang mengandungi 26 huruf kesemuanya. Dengan menggunakan konsep sama, pengkarya menekankan kaligrafi Islam yang menjadi subjek utama untuk setiap catan dalam siri ini.

Merujuk kepada unsur garisan, penggunaan garisan menegak untuk Alif menggambarkan sifat yang tegas. Pengkarya mempamerkan ketegasan sebagai permulaan karya untuk siri ini. Gabungan warna panas ke atas subjek dan warna sejuk untuk latar belakang menampakkan ciri kontra dalam catan ini. Penggunaan warna panas, iaitu merah dan perang dan warna sejuk, iaitu hijau dan biru berkemungkinan berkaitan alam semula jadi. Penggunaan tulisan jawi ialah perkaitan antara budaya dengan agama Islam.

**Pengkarya:** Husin Hourmain  
**Tahun:** 2011  
**Tajuk:** *Alif*  
**Media:** Akrilik atas kanvas  
**Ukuran:** 198 cm x 198 cm

### Pertimbangan (*Judgement*)

Seni catan ini ialah sebuah catan yang dianggap berjaya kerana Husin Hourmain berhasil mengekspresi sifat prihatin, perasaan dan emosi ke dalam hasil karya ini. Palitan berus yang dramatik, berlapisan dan bertindan dengan huruf-huruf jawi dengan dalam masa yang sama mewakili perasaan atau emosi yang dialami oleh pengkarya. Huruf pertama, Alif mengingatkan kita bahawa setiap permulaan sangat penting kerana rahsia untuk meneruskan perjalanan ialah melalui langkah pertama yang diambil. Ianya seperti menghuraikan sesuatu tugas yang rumit kepada langkah atau perkembangan yang lebih mudah, iaitu bermula dari langkah pertama. Pemerhati mungkin akan dapat berasa keterujaan dan semangat pengkarya sewaktu menghasilkan karya.





## 1.4.2 ETIKA DAN DISIPLIN DALAM PROSES PENGHASILAN PENULISAN

Etika bermaksud tingkah laku baik dalam sesebuah masyarakat atau dalam kalangan kumpulan atau profesion tertentu. Disiplin dalam konteks penghasilan kerja bermaksud amalan seseorang mematuhi peraturan dalam menyiapkan sesuatu kerja atau lebih dikenali sebagai kod tingkah laku.

- Kerohanian** Melibatkan emosi diri dan penaakulan strategik, memiliki mental yang sihat dan dapat berfikir dengan logik.
- Keagamaan** Memastikan penulisan yang dihasilkan tidak menyentuh isu sensitif agama dan tidak menyinggung mana-mana pihak.
- Kepercayaan** Pembahagian tugas haruslah diberi kepercayaan sepenuhnya kepada setiap individu dalam kumpulan.
  - Membuat penulisan secara berkala dan menepati tarikh penghantaran dengan tidak menunggu hingga saat akhir.
  - Menggunakan data yang sebenar hasil daripada kajian sendiri.
  - Membuat jadual melalui kaedah kajian lapangan dan mematuhiinya.
  - Menyediakan soalan untuk responden dan menyemaknya terlebih dahulu dengan guru.
  - Elakkan daripada membuat plagiat yang bermaksud:
    - Mengambil penulisan orang lain menjadi penulisan sendiri tanpa rujukan.
    - Mengambil tajuk projek seni rakan atau kumpulan lain menjadi pemikiran sendiri.
    - Menggunakan data atau akta dan maklumat orang lain tanpa menyatakan sumber yang diperoleh.
- Kemanusiaan** Menjaga tatasusila dan adab dalam perbincangan dan apa sahaja imej yang hendak dipamerkan dalam aktiviti yang dijalankan.
  - Bertanggungjawab terhadap ahli yang terlibat dalam penulisan kertas kerja.
  - Membuat temujanji bagi menjalankan kajian lapangan.
- Kewarganegaraan** Mempamerkan ciri-ciri kewarganegaraan dan semangat cintakan negara dengan membicarakan isu positif bagi menunjukkan rasa bangga menjadi rakyat Malaysia.

Standard Pembelajaran

1.4.2 Mengamalkan etika dan disiplin pengkaryaan sepanjang proses penghasilan penulisan.



## 1.4.3 BUDAYA PENDOKUMENAN

Hasil kerja atau aktiviti yang dilaksanakan perlulah didokumentasikan dengan rapi agar segala maklumat atau fakta yang dikumpulkan dapat disimpan untuk rujukan pada masa depan. Budaya pendokumenan ini membolehkan refleksi dan memperbaiki hasil kerja yang dijalankan. Antara kaedah pendokumenan yang digunakan ialah:

### Portfolio

Portfolio ialah salah satu pendokumenan secara berstruktur setelah mengumpul dan merekod bahan kajian. Jenis portfolio yang digunakan ialah fail portfolio atau portfolio bercetak, e-portfolio dan Cakera Maya Google atau Cakera Google (Google Drive).

- a) **Kertas pelbagai saiz**
- Pengumpulan maklumat atau bahan dengan mengolah idea mengikut tema dan konsep.
  - Maklumat dalam bentuk gambar, karya dan penulisan disimpan bertujuan sebagai sumber rujukan pada masa depan.
  - Pelbagai jenis, saiz dan warna kertas yang boleh digunakan sebagai bahan untuk menyimpan maklumat yang diperoleh.



Portfolio boleh dihasilkan dengan pelbagai jenis saiz dan warna kertas.

Standard Pembelajaran

1.4.3 Mengamalkan budaya pendokumenan.

Etika dan  
Disiplin  
Sepanjang  
Proses  
Penghasilan  
Penulisan





Mesin penjilidan.

**b) Penjilidan**

- Proses menyatukan dan memperkemas rangkaian kertas yang mengandungi maklumat atau bahan ke dalam bentuk sebuah buku.
- Antara jenis penjilidin yang boleh digunakan ialah dalam bentuk *comb binding* atau *folder ring*, *tape binding* dan *saddle stitching*.
- Saiz dan jenis penjilidan yang digunakan ialah berbeza mengikut ketebalan buku atau bahan.



**E-portfolio**

- E-portfolio ialah himpunan maklumat atas talian berasaskan web ataupun menggunakan media lain seperti cakera optik (CD ROM). Melalui e-portfolio, maklumat yang dikendalikan oleh individu atau organisasi dapat dipersembahkan secara digital bergrafik yang menarik untuk dibaca dan diteroka serta mudah untuk dikendalikan.



E-portfolio berfungsi memaparkan maklumat berkaitan penggunaannya dalam proses pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas.



**AKTIVITI SENI DALAM KEHIDUPAN**

**Tujuan:** Mengadakan sesi bicara seni mengenai karyawan seni Islam Malaysia.

**Langkah-langkah**

1. Anjurkan sebuah sesi bicara seni mengenai karyawan seni Islam di negara ini.
2. Lakukan secara berkumpulan dengan membuat pembahagian tugas kepada setiap ahli kumpulan.
3. Lakukan carian maklumat melalui kajian perpustakaan yang telah dipelajari bersama-sama rakan kumpulan.
4. Anda dan rakan kumpulan perlu diminta untuk membuat apresiasi hasil karya seni Islam yang dipilih mengikut teori Edmund Feldman yang berikut:
  - a) Deskripsi (*Description*)
  - b) Analisis (*Analysis*)
  - c) Interpretasi (*Interpretation*)
  - d) Pertimbangan (*Judgement*)
5. Setelah bahan dikumpul, persembahkan maklumat dengan mengadakan sesi bicara seni di dalam kumpulan dengan ahli kumpulan yang lain.
6. Lakukan sesi perbincangan mengenai apresiasi dengan bertukar-tukar maklumat yang diperolehi.



**KOD QR**



<http://arasmega.com/qr-link/langkah-langkah-pengajaran-bicara-seni/>



## Unit 2

# SEJARAH SENI KRAF MALAYSIA

Sejarah seni kraf ialah bidang mengkaji perkembangan seni kraf mencakupi pemerhatian olahan rupa dan intipati kraf itu sendiri. Kemampuan para pengkarya seni kraf dalam melahirkan reka corak yang begitu harmoni serta mempersonakan menjadi subjek kajian.

Ekspresi yang diluahkan oleh pengkarya seni dengan kehalusan pertukangan memaparkan pengamatan dan kepekaan yang tinggi berinspirasi alam semula jadi. Karya seni tradisional berupaya menjadi lambang peradaban serta pengenalan sesebuah bangsa dan negara.



## 2.1.1 DEFINISI DAN SEJARAH SENI KRAF MALAYSIA

### Definisi Kraf

Kraf ialah produk seni yang dihasilkan menggunakan kemahiran tangan seperti mengukir, menenun, menyulam dan mengadun. Produk seni kraf yang dihasilkan biasanya digunakan sebagai perhiasan atau kegunaan harian (Kamus Dewan, Edisi Keempat, 2014).

Peralatan lain hanya bertindak sebagai pelengkap dan ringkas sahaja. Kraf biasanya dibuat secara individu dalam skala kecil. Adat budaya dan keagamaan mempengaruhi penghasilan seni kraf.

### Perkembangan Sejarah Seni Kraf Malaysia

Sejarah seni kraf di Malaysia bermula sejak dari zaman pra sejarah lagi apabila manusia mula mencipta pelbagai produk asas untuk keperluan hidup seperti pakaian, peralatan memburu, perkakasan memasak, peralatan pertanian dan lain-lain lagi.

Peralatan ini termasuklah yang diperbuat daripada tulang binatang serta ikan digunakan untuk menjahit pakaian dan menangkap ikan.

Malah orang asli dari suku Temiar dan Mahmeri masih lagi menggunakan kulit kayu pokok terap sebagai bahan utama bagi pembuatan pakaian mereka. (Hamid, 2015). Sejarah zaman neolitik menunjukkan bahawa manusia mula mencipta tembikar sebagai tempat penyimpanan biji benih untuk kegunaan harian dan ritual. Bukti sejarah lalu memperlihatkan bahawa kesan jalinan raga pada permukaan tembikar, iaitu seni kraf raga telah dicipta sejak zaman pra sejarah lagi.

Di negara kita, penciptaan seni kraf terus berkembang sejak dari zaman proto sejarah, iaitu dari tahun awal Masihi sehinggalah ketika Melaka dibuka oleh Parameswara. (Zuliskandar & Nik Hasan Suhaimi: 2012).

Penemuan manik era proto sejarah di beberapa lokasi seperti Sungai Mas, Sungai Batu, Pangkalan Bujang di Kedah dan Gua Niah di Sarawak membuktikan terdapatnya aktiviti penghasilan kraftangan manik yang kreatif dan bermutu tinggi. Manik-manik tersebut diperbuat daripada pelbagai medium seperti kaca, akid, kayu, tulang ikan serta lainnya.



#### INFO MENARIK

Perusahaan manik masih giat dijalankan oleh masyarakat Lun Bawang di Sarawak.



#### KBAT

Pada pendapat anda, sejauh manakah sejarah seni kraf dapat mempengaruhi perkembangan seni di Malaysia.

Bagi sejarah awal ukiran kayu pula dikenal pasti menerusi buku *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin*. Buku ini dikarang oleh Tun Sri Lanang pada abad ke-17. Dalam tulisan beliau, tercatat penerangan tentang keindahan seni bina istana Sultan Mansur Syah yang memerintah Melaka pada tahun 1459 hingga tahun 1477. Istana berukir indah itu digelar oleh rakyat Melaka sebagai “Istana Hawa Nafsu”. Istana ini telah dibina semula dan dikenali sebagai Istana Kesultanan Melaka pada tahun 1986.

Satu lagi catatan silam mengenai seni bina tradisional Melayu dinyatakan melalui *Hikayat Misa Melayu*. Dalam hikayat ini telah digambarkan mengenai seni ukir istana ini yang terletak di Pulau Indera Sakti, sebuah tempat di Kuala Sungai Kinta, Perak Darul Ridzuan semasa pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain (1756 – 1780).



#### KOD QR



<http://arasmega.com/qr-link/istana-sultan-perak-di-endera-sakti/>



Istana Kesultanan Melaka.

Seni ukiran kayu di negara ini mempunyai ciri-ciri yang tertentu mengikut negeri dan suku kaum. Setiap negeri di Malaysia mempunyai seni bina yang tersendiri mengikut pengaruh masing-masing. Ukiran kayu pada masa lalu dapat dilihat pada seni bina masjid, rumah bangsawan dan guru agama. Ukiran kayu ini dibahagikan kepada beberapa bahagian khusus rumah, contohnya pada tingkap, pintu, papan cantik, tunjuk langit dan sebagainya. (Miftahul Melayu, 2018).



#### PINTAR IT

Lakukan carian di Internet tentang bangunan yang mempunyai seni ukiran Melayu.



Istana Seri Menanti, Kuala Pilah.

Standard Pembelajaran

2.1.1 Menyatakan definisi dan menghuraikan perkembangan sejarah seni kraf Malaysia.



## Kronologi Perkembangan Sejarah Seni Kraf Malaysia

Rajah di bawah menunjukkan kronologi ringkas perkembangan sejarah seni kraf Malaysia.



Alatan batu berusia 1.83 juta tahun ini dijumpai di Lenggong, Perak ialah alatan batu tertua di rantau ini.



### Tembikar tanah

Tembikar tanah ialah ciri-ciri utama zaman neolitik yang digunakan sebagai bekas menyimpan biji benih, memasak dan ditanam bersama mayat sebagai bekalan di alam kematian. Tembikar tanah tertua di Malaysia ialah berusia lebih kurang 8000 tahun.

Sumber: Galeri Arkeologi Lembah Lenggong, Perak.



Alat perhiasan diri daripada siput atau nama saintifiknya dikenali sebagai *brotia costula*.

Sumber: Galeri Arkeologi Lembah Lenggong, Perak.



Pakaian dari kulit kayu pokok terap.

Sumber: Muzium Tekstil Negara.



### Kapak besi

Kapak besi bersama acuan ini dijumpai di Lenggong, Perak dan dipercayai berusia lebih kurang 3000 tahun.

Sumber: Galeri Arkeologi Lembah Lenggong, Perak.

### Beliung

Beliung ialah kapak yang diperbuat daripada batu yang digilap serta diikat pada batang kayu. Beliung turut digunakan untuk kerja-kerja pertanian.



### Manik

Manik diperbuat daripada kaca, batu permata, tanah liat, kayu, tulang ikan dan lain-lain. Penemuan manik ini terdapat di tapak arkeologi dan paling banyak ditemui di Kampung Sungai Mas, Kedah pada abad ke-6 hingga abad ke-12.

Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah.

### Genting daripada tanah liat

Genting daripada tanah liat turut dijumpai di tapak arkeologi Lembah Bujang dan digunakan sebagai atap.

Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah.



## Zaman Proto Sejarah (sejak awal abad Masihi hingga zaman Kesultanan Melayu Melaka)

### Zaman Animisme

### Zaman Neolitik



### Ukiran perak

Kemahiran pertukangan Melayu dipengaruhi daripada tamadun Hindu yang memang terkenal dengan pertukangan barangan logam seperti tembaga dan emas. Oleh itu, perusahaan barangan perak mempunyai kaitan rapat dengan bidang perusahaan emas dan tembaga kerana terdapat persamaan dari segi pembuatannya.

Dari segi sejarah umumnya, manusia mula menggunakan wang perak pada zaman 800 SM. Sejarah ukiran perak di Kepulauan Melayu pula muncul sejak dari zaman Srivijaya lagi dan terus berkembang hingga ke daerah-daerah lain di Nusantara.

### Meriam Melayu

Pada zaman awal Kepulauan Melayu, senapang (Istinggar) dan meriam (Lela) telah mula wujud dan terkenal di rantau Asia Tenggara. Ketika itu, lokasi pembuatan senapang dan meriam terdapat di Terengganu, Grisek di Jawa dan Minangkabau di Sumatera. *Newbold* mencatatkan bahawa kilang senapang pernah wujud di Aceh. Antara nama gelaran bagi meriam Melayu ialah Rantaka, Ekor Lotong, Jala Rambang dan Lela.

Sumber: Muzium Bruas, Perak.



Meriam Melayu.





**Tekat**

Seni tekatan menggunakan benang emas dan kain baldu sebagai medium utama pembuatannya. Tekat digunakan sebagai hiasan dan kegunaan tertentu seperti sarung bantal, kasut, baju dan sebagainya.



**Bekas tepak sireh**

Bekas tepak sireh diperbuat daripada logam tembaga. Digunakan bagi kegunaan harian bagi pemakan sireh serta dalam istiadat perkahwinan dan lain-lain.



**Keranda kayu balak**

Keranda kayu balak digunakan dalam pengebumian masyarakat Orang Sungai dan Subpan di Sabah. Pada masa yang sama, keranda kayu balak menjadi peralatan untuk mengekspresi cara fikir, sistem nilai, falsafah dan seni budaya dalam masyarakat tempatan.

**Seni Kraf di Sarawak**

**Pua kumbu**

Tenunan kain pua atau dikenali sebagai tenunan ikat ialah seni tenunan yang dihasilkan oleh wanita Iban di Sarawak. Kain ini diperbuat daripada hasil tenunan benang kapas yang ditunen menggunakan "Kek Iban".

Kain tenunan pua kumbu ini berwarna kemerah-merahan atau coklat tua. Reka corak yang digunakan ialah anak kunci, lengkar, rombus atau batu berlian. Panjang kain pua lebih kurang 40 hingga 50 sentimeter.

Pada zaman dahulu, tukang tenun dikatakan menerima ilham daripada mimpi dan reka coraknya menonjolkan unsur estetik dan mistik yang tersendiri. (Pelihara tekstil warisan, 2012).



**Zaman Kesultanan Melayu**

**Tembikar tanah tradisional Melayu**

Tembikar tanah dikesan pembuatannya seawal 600 tahun dahulu dan digunakan sebagai bekas mengisi air.



**Batu nisan Aceh**

Menurut Othman Mohd. Yatim (1988) sebanyak 14 jenis batu nisan berbentuk batu Aceh yang telah dikenal pasti hasil daripada kajian yang dijalankan. Batu nisan tersebut ditemui di semua negeri Semenanjung Tanah Melayu.



**Seni Kraf di Sabah**

**Kuron atau tembikar tanah Sabah**

Tembikar yang dikenali sebagai kuron atau pasu ialah hasil kerja tangan daripada masyarakat Kadazan Dusun di Sabah. Kuron digunakan untuk kegunaan harian seperti memasak dan menyimpan barang makanan serta air. Tanah untuk membuat kuron boleh didapati di tebing sungai terutama di perdu pokok.



**Tiang keliring**

Tiang keliring, iaitu tiang kayu berukir digunakan oleh suku kaum Kajang - etnik Kejaman dan Punan, di Daerah Belaga, Sarawak. Dahulunya tiang ini berfungsi sebagai tempat persemadian pemimpin masyarakat. Namun kini ia digunakan sebagai dekorasi landskap.



**PINTAR IT**

Cari maklumat lain di Internet mengenai perkembangan sejarah seni kraf di Malaysia dengan memberikan bukti yang jelas seperti gambar, tokoh, tempat dan aktiviti yang dijalankan ketika itu.



**GLOSARI**

Rombus ialah rajah empat segi yang keempat-empat sempadannya sama panjang tetapi tidak bersudut tepat antara satu dengan yang lain.



## 2.1.2

### KONSEP DAN CIRI-CIRI KARYA SENI KRAF MALAYSIA

Menurut Mohd Taib Osman, 1984, terdapat dua konsep yang berbeza dalam seni kraf Melayu merujuk kepada hasilan kraftangan dan sebagainya, iaitu penggunaan utilitarian serta peranannya sebagai objek seni.

Syed Ahmad Jamal, 1996 pula berpendapat kebudayaan Melayu tradisi tidak menegaskan perbezaan yang jelas antara barang seni dan barang kegunaan. Kini, konsep seni dianggap sebagai satu warisan seni yang agung sejak turun-temurun. Konsep utilitarian ialah bersifat membawa manfaat paling besar kepada orang ramai yang lebih bertujuan untuk kegunaan berbanding sebagai kemewahan, hiasan dan sebagainya atau lebih dikenali sebagai objek seni.

**Konsep utilitarian**  
Karya kegunaan harian



Fungsi guna pada labu air.

**Konsep objek seni**  
Karya sebagai hiasan



Fungsi hiasan pada labu tembusu.



**KBAT**

Nyatakan karya seni kraf lain dengan menyatakan tentang konsep utilitarian dan konsep objek seni.

Seni kraf Melayu melambangkan hubungan yang erat orang Melayu dengan alam sekeliling. Konsep ini menjelaskan bahawa alam sekeliling dianggap sebagai sumber rujukan utama yang berfungsi untuk meneroka keindahan alam yang bersifat sementara. Kehidupan yang kekal abadi ialah kehidupan di akhirat. Konsep kedua-duanya dijemakan dalam hasil karya seni termasuk seni kraf.

*Standard Pembelajaran*

2.1.2 Menjelaskan konsep dan ciri-ciri karya seni kraf Malaysia dan perkaitannya dengan latar budaya tempatan.

### Ciri-ciri Karya Seni Kraf Malaysia

Ciri-ciri karya seni kraf di negara ini berbeza mengikut perubahan zaman.



**Zaman animisme**

- Fungsi fizikal.
- Fungsi bukan fizikal.
- Identiti kraf masih kabur dan lebih berorientasikan fungsi guna.



**Zaman beraja**

- Zaman pengaruh Hindu.
- Fungsi fizikal masih berorientasikan fungsi guna.
- Fungsi bukan fizikal yang mana nilai estetik lebih berorientasikan konsep ketuanan.
- Identiti kraf dikategorikan kepada dua, iaitu fungsi fizikal dan fungsi kepada kepercayaan agama Hindu.
- Karya seni kraf untuk agama lebih halus buatannya.



**Zaman Islam**

- Fungsi fizikal masih diteruskan.
- Fungsi bukan fizikal berkonsepkan agama Islam dan ketuanan dan sedikit pengaruh agama Hindu.
- Karya kraf yang berorientasikan kepercayaan daripada agama Islam dan Hindu lebih halus daripada kraf berorientasikan fungsi fizikal.

**Zaman penjajahan British**

- Fungsi fizikal masih diteruskan.
- Fungsi bukan fizikal berkonsepkan agama Islam dan ketuanan dan mempunyai sedikit pengaruh agama Hindu.
- Identiti kraf dikategorikan kepada tiga, iaitu karya seni kraf Islam, kraf Hindu dan kraf budaya Melayu.
- Karya kraf yang berorientasikan kepercayaan pada agama Islam dan Hindu lebih halus daripada kraf berorientasikan fungsi fizikal.





### Zaman selepas kemerdekaan

- Fungsi fizikal diteruskan dengan nilai komersial bagi tujuan jualan di pasaran.
- Fungsi bukan fizikal berkonsepkan agama Islam dan ketuanan dan sedikit pengaruh Hindu.
- Identiti kraf dikategorikan kepada tiga, iaitu karya kraf Islam, kraf Hindu dan budaya Melayu.
- Kraf yang berorientasikan kepercayaan pada agama Islam dan Hindu lebih halus daripada kraf berorientasikan fungsi fizikal.
- Gabungan ciri-ciri menjadikan kraf di Malaysia dikategorikan pada dua kelompok, iaitu seni kraf dan kraf seni berorientasi kepada aspek *craftmanship* gunaan dalam aspek formal, kelompok kraf seni.

### Penggunaan Motif-motif Melambangkan Konsep dan Ciri-ciri Seni Kraf Malaysia

Penggunaan motif-motif pada karya seni kraf melambangkan konsep dan ciri-ciri sesebuah karya seni kraf yang dihasilkan. Corak motif ialah berbeza antara sebuah karya seni kraf dengan karya kraf lain yang kebanyakannya daripada sumber alam semula jadi.

- |   |                      |    |                    |
|---|----------------------|----|--------------------|
| 1 | Motif pucuk rebung.  | 8  | Motif haiwan.      |
| 2 | Motif bunga kembang. | 9  | Motif kosmik.      |
| 3 | Motif kudup bunga.   | 10 | Motif kaligrafi.   |
| 4 | Motif sulur.         | 11 | Motif objek biasa. |
| 5 | Motif daun.          |    |                    |
| 6 | Motif buah-buahan.   |    |                    |
| 7 | Motif makanan.       |    |                    |

Sumber: Najib Dawa: 1995



Pending.

### Karya Seni Kraf Malaysia dan Perkaitannya dengan Latar Budaya Tempatan

Seni kraf Melayu ialah penjelmaan unsur-unsur dari alam semula jadi kepada satu bentuk seni rupa. Karya kraf ini terhasil daripada pengamatan dan pemikiran penciptaannya yang mencerminkan suasana harmoni antara manusia dan alam sekeliling.

Seni kraf Melayu turut menitikberatkan hubungan sesama manusia dalam kehidupan bermasyarakat. Karya seni dalam kebudayaan Melayu mempunyai sifat yang tersendiri, bukan sahaja berbeza dengan karya seni kebudayaan lain di dunia tetapi juga berbeza dengan karya seni daripada kelompok yang berdekatan.



Bunga padi.



Motif bunga padi.

Motif yang berbentuk bunga seperti bunga tanjung dan bunga cengkih boleh ditafsirkan sebagai suatu kesatuan sama ada dalam kepercayaan adat Melayu mahupun dalam kepercayaan Islam. Percantuman antara kuntuman bunga menghasilkan kesatuan yang memberikan makna dan fungsi, iaitu pengabdian kepada yang Maha Esa.

Motif pada karya seni kraf juga menunjukkan sifat kasih-sayang, hormat-menghormati, lemah-lembut dan hati yang bersih sesama manusia. Motif bunga padi pula menunjukkan peribahasa “mengikut resmi padi, makin berisi makin tunduk” membawa maksud semakin tinggi pangkat, harta dan ilmu seseorang, semakin insaf dan tunduk patuh kepada perintah agama. Walau di mana manusia berada, maka mereka akan berpegang kepada konsep “Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung”. ([smkpulaunyor1.blogspot.com/2017/10/seni-kraf-melayu.html](http://smkpulaunyor1.blogspot.com/2017/10/seni-kraf-melayu.html)).



Motif tumbuh-tumbuhan pada tembakar.



Bunga cengkih.



Motif bunga cengkih.

Bagi seni ukiran pula, konsep dan ciri-ciri kesenian Islam Malaysia dan perkaitannya dengan latar budaya tempatan ialah penggunaan corak awan larat.






**Pengkarya:** Mohd Zarir bin Haji Abdullah  
**Tajuk:** Hati Menuju Allah  
**Tahun:** 2016  
**Teknik:** Ukiran tembus  
**Corak yang digunakan:** Awan larat (Simetri 4)

Awan larat merujuk kepada rangkaian daripada motif yang tersusun rapi yang berdampingan dan berhubung.

Motif alam semula jadi terutama tumbuh-tumbuhan menjadi sumber rujukan atau inspirasi penghasilan sebuah ukiran.

**Batang**  
Menggambarkan pertumbuhan alam dan kehidupan manusia yang diatur oleh Allah S.W.T.

Akar yang menyerap ilmu. Bermanfaat sebagai makanan akal dan jiwa.



#### Buah atau kudup

Melambangkan kehidupan masih muda dan memerlukan ilmu sebagai panduan hidup serta pengalaman.

#### Bunga berkembang mekar

Lambang kebesaran dan keagungan Allah S.W.T.

Selain ukiran, motif tumbuh-tumbuhan juga digunakan sebagai motif dalam lukisan batik. Mesej yang ingin disampaikan pada ukiran kayu tersebut ialah menjelaskan kepekaan jiwa pengukir Melayu Islam terhadap kebesaran Pencipta.



#### PINTAR IT

Kenal pasti seorang karyawan Islam Malaysia di Internet dan terangkan ciri-ciri karya dan perkaitannya dengan latar budaya tempatan. Bentangkan hasil carian anda bersama-sama rakan lain.



#### KBAT

Motif ialah unsur hiasan utama dalam penghasilan seni kraf, nyatakan dua jenis motif yang sering digunakan dalam seni kraf Melayu?



## UNSUR SENI, PRINSIP REKAAN DAN PERSEPSI VISUAL PADA KARYA SENI KRAF MALAYSIA

### Jebak Puyuh

**Unsur seni:** Garisan, jalinan, ruang dan warna.

Garisan ialah unsur seni utama dalam karya jebak puyuh. Unsur ini digunakan sepenuhnya termasuklah dalam menghasilkan motif sama ada secara geometri dan juga organik. Garisan digunakan pada ruang belakang dengan dianyam menggunakan rotan membentuk jalinan yang berbeza warna.

Bertepatan dengan fungsinya, unsur ruang dibahagikan kepada dua bahagian utama yang terdiri daripada ruang depan dan ruang dalam jebak. Ruang depan jebak puyuh lebih bersifat terbuka sepertimana bentuk pintu rumah Melayu dengan ukiran penuh pada bahagian atas, kiri, kanan serta bawah. Warna yang digunakan harmoni dengan alam sebagai satu usaha penyamaran dalam menjebak puyuh.

**Prinsip rekaan:** Harmoni, kesatuan dan kontra.

Keseluruhan bentuk jebak puyuh dibuat secara seimbang bagi memenuhi fungsinya yang mudah diletakkan di lokasi yang bersesuaian dengan habitat burung puyuh. Warna harmoni pada keseluruhan jebak memperlihatkan prinsip kesatuan yang berjaya diolah biarpun dibuat menggunakan teknik yang kontra, iaitu ukiran kayu dan anyaman rotan serta tali.

**Persepsi visual:** Jebak puyuh berbentuk sangkar separuh bulatan dengan tapak rata dan mempunyai mekanisme jerat bagi memerangkap burung puyuh liar. Bahagian serungkup berbentuk separuh bulatan dianyam kemas daripada pokok ribu-ribu (sejenis tumbuhan paku-pakis daripada jenis *lygodium*). Lazimnya motif awan larat, bunga kunyit atau bunga mawar sering menjadi pilihan untuk diukir. Bahan seperti papan daripada kayu nangka, sentul dan jelutung mudah diperolehi di sekitar kampung untuk dijadikan tapak serta ukiran di bahagian depan jebak.

Apabila kerangka jebak sudah siap, anyaman tulang belut daripada batang ribu-ribu besar dibentuk pada kerangka sebagai pemegang kepada anyaman yang memenuhi keseluruhan badan jebak berkenaan. Bahagian jerat akan dilengkapi loceng dan mengeluarkan bunyi sebaik saja jerat terjatuh. Ia secara tidak langsung berfungsi sebagai penggera kepada pemilik jebak bahawa jerat telah mengena. Seni menghasilkan jebak puyuh memerlukan kesabaran yang tinggi.

*Standard Pembelajaran*

2.1.3 Menghuraikan unsur seni, prinsip rekaan, dan persepsi visual pada karya seni kraf Malaysia.





## Istana Kenangan Kuala Kangsar



**Unsur seni:** Warna, jalinan, garisan dan rupa.

Warna panas yang digunakan pada bangunan istana memberikan impak visual yang amat ketara pada keseluruhan rupa. Unsur warna ialah berteraskan kepada warna bendera negeri Perak yang mewakili Sultan (putih), Raja Muda (kuning) dan Raja Di Hilir (hitam). Jalinan tepas dengan unsur garisan yang dianyam secara langsung menimbulkan jalinan pada dinding bangunan istana termasuklah pada bahagian tingkat bawah istana.

**Prinsip rekaan:** Kontra dan harmoni.

Pengulangan motif tepas serta ukiran kayu yang digunakan pada atas, tengah dan bawah tingkap dibuat dengan teliti serta mewujudkan suasana yang begitu harmoni. Unsur pengulangan yang melambangkan perbuatan “wirid” ialah ciri-ciri utama dalam seni bina Melayu pada zaman kesultanan yang berteraskan agama Islam. Penggunaan warna kontra pula berjaya diolah dengan begitu baik dan menampakkan kesatuan bagi keseluruhan reka bentuk bangunan istana.

**Persepsi visual:** Istana Kenangan ialah salah satu destinasi wajib jika pertama kali ke Kuala Kangsar. Istana ini dibina sebagai kediaman sementara Sultan Iskandar Shah pada tahun 1926 bagi menunggu Istana Iskandariah siap dibina. Ia melambangkan satu seni bina Melayu yang sangat unik. Warna kuning, putih dan hitam ialah simbolik dengan warna diraja pada bendera negeri Perak. Putih melambangkan Raja, kuning melambangkan Raja Muda dan hitam melambangkan Raja Di Hilir.

Istana ini dibina dengan menggunakan 60 batang tiang tanpa menggunakan paku. Ia menggunakan teknik seni bina Melayu yang dinamakan sebagai pasak. Bentuk bangunan ini jika dilihat dari atas menampakkan pembinaannya berilhamkan sebilah pedang yang tersimpan dalam sarungnya. Istana ini juga dikenali dengan nama Istana Kuning, istana Lembah atau Istana Tepas. Tepas ialah media utama bagi membentuk kelarai pada dinding istana. Istana ini mirip kepada bangunan masjid Kuala Dal yang turut menggunakan kelarai sebagai dinding.

## Batik Cop

**Unsur seni:** Warna, garisan dan rupa.

Unsur garisan nyata mendominasi keseluruhan olahan rupa pada batik cop. Garisan yang digunakan secara tidak langsung membahagikan karya kepada dua bahagian utama, iaitu bahagian latar (tanah) dan juga bahagian depan (atas). Penggunaan warna merah jambu, biru, biru laut, perang serta kuning berjaya mengolah motif dengan lebih ketara.

**Prinsip seni:** Kontra, harmoni dan kesatuan.

Motif flora dan fauna dengan rupa yang kontra antara corak bunga dan rama-rama dapat diharmonikan dengan warna yang digunakan di atas kain batik ini. Unsur kesatuan yang berilhamkan alam semula jadi dapat diperlihatkan dengan begitu baik. Keseluruhan karya membayangkan suasana kehidupan alam yang saling bergantung antara satu sama lain.

**Persepsi visual:** Batik cop atau batik blok ialah antara teknik pembuatan batik yang terawal di negara ini. Blok daripada batang pisang pernah digunakan dalam penghasilannya. Namun kini, blok yang diperbuat daripada bongkah kayu atau logam sama ada besi atau tembaga tersebut diukir dengan motif-motif bersesuaian seperti bunga-bunga atau tumbuh-tumbuhan untuk mengecap kain.

Selain daripada kain kapas, penggunaan kain sutera dan organza dalam pengeluaran batik blok telah menghasilkan tekstil batik yang sesuai untuk rekaan fesyen, perhiasan serta kelengkapan rumah yang eksklusif. Motif yang sering digunakan pada kain batik blok ialah corak tumbuh-tumbuhan dan bunga-bunga tempatan seperti bunga mawar, bunga orkid, bunga cengkih, bunga cina, akar-akar menjalar, paku-pakis dan corak-corak geometri terutamanya motif pucuk rebung. Motif-motif ini pula diterapkan dalam pelbagai susunan dan tataletak seperti melintang, menegak, menyerong, bertompok-tompok dan susunan batu-bata.








## 2.2.1 KAJIAN DAN PENYELIDIKAN KONSEP DAN CIRI-CIRI KRAF DI MALAYSIA

Penyelidikan konsep dan penghasilan karya seni kraf Malaysia ialah berteraskan kepada dua perkara utama, iaitu penghasilan yang berteraskan kepada konsep gunaan, konsep seni dan sesetengahnya juga terdapat konsep simbol.

Menurut Tuckman, 1999, penyelidikan ialah kaedah sistematik untuk mendapatkan jawapan bagi sesuatu persoalan atau masalah. Ahamad Mahdzan pula berpendapat penyelidikan ialah usaha bagi mencari jawapan kepada soalan-soalan khusus yang dikemukakan dalam sesuatu isu. Rajah di bawah menunjukkan penyelidikan konsep dan ciri-ciri karya seni kraf di Malaysia menerusi idea dan tema serta fungsi dan bentuk.



Standard Pembelajaran

2.2.1 Membuat kajian dan penyelidikan tentang konsep dan ciri-ciri karya seni kraf di Malaysia.

Terdapat beberapa cara penyelidikan yang perlu dilakukan dalam mencari idea dan tema serta fungsi dan bentuk dalam penghasilan sesebuah karya seni kraf.

### Kajian perpustakaan

Kajian perpustakaan dilakukan bagi mendapatkan sumber rujukan melalui bahan literatur seperti buku ilmiah, jurnal, artikel seminar dan laporan. Sumber yang didapati boleh dijadikan sebagai panduan bagi melakukan kajian serta tindakan dan seterusnya menyediakan kertas kerja kajian penyelidikan karya seni kraf.

Kajian perpustakaan penting kerana melalui kaedah ini para penyelidik mendapat gambaran yang jelas mengenai prinsip, konsep, kaedah, pengolahan dan penganalisan data yang bersesuaian dengan reka bentuk kajian seni kraf. Kajian perpustakaan melibatkan beberapa proses yang utama, iaitu membanding dan membezakan, menganalisis, menilai dan membuat kesimpulan.

### Kaji selidik

Kaji selidik ialah satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. Ia merupakan satu alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian.

Individu yang membina borang soal selidik ini perlulah berpengetahuan berkaitan kraf yang dikaji supaya soalan yang dibina wajar, boleh dipercayai dan tidak dipengaruhi emosi. Kos membina borang selidik sangat murah dan masa yang diperuntukkan singkat. Pengkaji boleh memperoleh data atau maklumat daripada jumlah responden yang lebih ramai.

### Pemerhatian

Kaedah pemerhatian digunakan untuk mengumpul maklumat atau data kajian melalui pemerhatian. Penyelidik dapat mengamati sesuatu tingkah laku pengkarya berpandukan teknik dan proses keseluruhan pembuatan karya seni kraf. Kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua, iaitu:

- (a) Pemerhatian bukan peserta (pemerhatian penuh)
- (b) Pemerhatian peserta (peserta sebagai pemerhati)

### Temubual

Menurut Walliman (2006), temubual secara bersemuka dapat dijalankan di pelbagai lokasi sama ada dijalankan di dalam atau luar rumah, tempat kerja, kawasan lapangan ataupun semasa bergerak (contoh dalam sesuatu perjalanan).

Temubual boleh digunakan sebagai alat pengumpulan data tentang fakta, perasaan, kepercayaan dan aspek penyelidikan lainnya (Sidek Mohd Noah, 2002). Melalui teknik ini, penyelidik dan responden hadir secara bersemuka yang mana segala maklumat diperoleh secara langsung. Jenis temubual dibahagikan kepada tiga, iaitu:

- (a) Temubual tak berstruktur
- (b) Temubual berstruktur
- (c) Temubual semi struktur



## 2.2.2

# MENGEKSPLORASI DAN MEMBANDING BEZA PELBAGAI PROSES, MEDIA DAN TEKNIK PADA PENGHASILAN KARYA SENI KRAF DI MALAYSIA

Penghasilan sebuah karya seni kraf perlulah melalui beberapa proses, media dan teknik mengikut kesesuaian kraf serta fungsinya.

### Proses

Proses ialah cara atau kaedah tertentu yang diikuti untuk membuat sesuatu karya seni kraf bagi mendapatkan produk akhir.



### Media

Media ialah bahan yang digunakan bagi penghasilan kraf sama ada terdiri dari bahan semula jadi seperti kayu, logam, rotan dan sebagainya yang digunakan sepenuhnya atau digandingkan dengan media lain.

Sebagai contoh, antara alatan yang digunakan untuk ukiran kayu ialah pahat, tukul kayu, gergaji, ketam kayu dan lain-lain lagi.



### Teknik

Teknik penghasilan karya dengan menggunakan alatan serta tatacara tertentu dalam menghasilkan karya seni kraf seperti mengukir, mencanting, menenun dan sebagainya. Teknik yang digunakan ialah berbeza bergantung pada karya seni kraf yang dihasilkan.

Jadual 2 Teknik, media dan proses seni kraf.

Seni kraf	Proses	Media	Teknik
Ukiran kayu	• Mengukir	• Kayu	• Tebuk tembus • Timbulan
Tekat	• Menekat	• Kain atau benang emas atau perak, benang sulaman, manik labuci	• Sulaman pelbagai

### Standard Pembelajaran

2.2.2 Membuat eksplorasi dan membanding beza pelbagai proses, media dan teknik pada penghasilan karya seni kraf di Malaysia.

Seni kraf	Proses	Media	Teknik
<b>Batik</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melukis corak</li> <li>Mewarna</li> <li>Mematikan warna</li> <li>Merebus</li> <li>Mengering</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kain</li> <li>Warna</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Canting</li> <li>Cop</li> <li>Skrin</li> </ul>
<b>Tembikar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membentuk</li> <li>Dekorasi</li> <li>Mengering</li> <li>Membakar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tanah liat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lempar alin</li> <li>Acuan</li> <li>Binaan tangan</li> </ul>
<b>Anyaman</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Proses bahan mentah</li> <li>Merendam</li> <li>Menumbuk atau melembut</li> <li>Mewarna</li> <li>Menganyam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkuang</li> <li>Pandan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Anyaman silang</li> <li>Anyaman sumbu</li> <li>Anyaman bilik</li> <li>Anyaman kelarai</li> </ul>
<b>Pua kumbu</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Proses bahan mentah</li> <li>Mewarna</li> <li>Menenun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Benang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menenun menggunakan kek</li> </ul>
<b>Songket</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melerai</li> <li>Menganing</li> <li>Menggulung</li> <li>Menyampuk</li> <li>Menghubung</li> <li>Mengarak</li> <li>Menyolek</li> <li>Menyungkit</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Benang kapas</li> <li>Benang sutera</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menenun menggunakan kek</li> </ul>
<b>Seni logam halus</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Acuan penghapusan lilin</li> <li>Lebur atau menuang</li> <li>Mencuci atau mengilap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lilin</li> <li>Tembaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Acuan</li> </ul>
<b>Keris</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencampurkan besi</li> <li>Menempa</li> <li>Membuat lok keris</li> <li>Membuat belalai gajah</li> <li>Menyikir</li> <li>Menyepuh</li> <li>Menimbulkan pamor</li> <li>Mengukir hulu</li> <li>Membuat sarung</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelbagai jenis besi</li> <li>Kayu</li> <li>Tanduk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menempa</li> <li>Mengukir</li> </ul>



## Mengeksplorasi dan Membanding Beza Proses, Media dan Teknik Antara Dua Karya Seni Kraf di Malaysia

### 2 Dimensi (2D)

#### Batik cop



- Proses:** (a) Membersihkan kain putih.  
 (b) Membentangkan kain.  
 (c) Menyediakan lilin cair.  
 (d) Blok dicelup dan diterapkan pada kain.  
 (e) Kain dicelup dalam pewarna *naphthol*.  
 (f) Kain diterap dan dicelup dengan warna.  
 (g) Membuat kesan retak seribu pada kain.  
 (h) Kain dibasuh kemudian dijemur.

**Media:** Kain kapas, kain rayon dan menggunakan warna yang pelbagai.

**Teknik:** Menerap menggunakan cop atau blok.

#### Batik lukis

- Proses:** (a) Kain asas dibasuh.  
 (b) Kain diregang atau menegang.  
 (c) Menyurih atau menepak motif yang hendak digunakan di atas kain.  
 (d) Mencanting (bagi pembuat batik yang mahir proses mencanting dilakukan tanpa menyurih).  
 (e) Mewarna dan mematkan warna.  
 (f) Kain direbus, dibasuh dan dijemur.

**Media:** Kain sutera, *jacquard*, *crepe*, satin, *viscose* dan polister.


**Teknik:** Mencanting



### 3 Dimensi (3D)

#### Papan rehal

- Proses:** (a) Dua keping papan dilicinkan.  
 (b) Membuat surihan ukiran.  
 (c) Membuat ukiran.  
 (d) Membuat bahagian penyampung.  
 (e) Kedua-dua bahagian rehal dicantumkan.  
 (f) Mewarnakan rehal dengan syelek.  
 (g) Rehal dikeringkan.



**Media:** Kayu meranti, kayu jati, kayu cengal atau kayu kempas.

**Teknik:** Sama seperti teknik ukiran Melayu pada pelbagai barangan lain, rehal juga diukir dengan teknik tebuk tembus dan tebuk timbul. Ukiran tersebut boleh dibuat sama ada bersilat ataupun tidak bersilat. Terdapat tiga jenis atau teknik bukaan rehal yang digunakan oleh tukang kayu atau tukang ukir, iaitu teknik berjejari, selak dan berlapis enam.

#### Kukur kelapa

- Proses:** (a) Dua keping papan dilicinkan.  
 (b) Membuat surihan ukiran.  
 (c) Membuat ukiran.  
 (d) Membuat bahagian penyampung.  
 (e) Kedua-dua bahagian kukur kelapa dicantumkan.  
 (f) Kukur kelapa diwarnakan dengan syelek kemudian dikeringkan.  
 (g) Bahagian parut dipasang pada bahagian kepala kukur kelapa.



**Media:** Kayu meranti, kayu merbau, kayu nyatuh atau besi.

**Teknik:** Tanggam, teknik berjejari, selak dan berlapis tiga.





**AKTIVITI APLIKASI SENI**

**Tujuan:** Melakukan kajian membanding beza proses, media dan teknik karya seni kraf di Malaysia.

**Langkah-langkah:**

1. Merujuk kepada dua hasil karya kraf yang diberikan, lakukan eksplorasi dan kajian membanding beza berkaitan proses, media serta teknik untuk kedua-dua karya seni kraf di bawah.
2. Dapatkan maklumat tersebut dan sediakan satu *moodboard*.
3. Buat pembentangan serta perbincangan bersama guru dan rakan kelas anda.



**Pengkarya:** Shafie Jusoh  
**Karya seni kraf:** Wau  
**Tahun:** 2017  
**Media:** Media campuran




**Pengkarya:** Hawa Ngah Salam  
**Karya seni kraf:** Labu bunga tampal  
**Tahun:** 2013  
**Media:** Tanah liat



**2.3.1 MENJANA IDEA KREATIF UNTUK MENGHASILKAN KERTAS PROJEK**

Penghasilan kertas kajian projek, iaitu pencarian maklumat dan proses penghasilan karya perlulah mengikut kaedah yang ditetapkan supaya bahan yang diterima lengkap serta mencapai objektif. Kajian umum tentang sejarah seni kraf boleh dilakukan mengikut perancangan jadual semasa serta keperluan kajian secara kreatif dan ekspresif. Kajian ini juga perlu menekankan aspek formalistik berdasarkan pengetahuan dan pemahaman sejarah seni kraf di Malaysia. Penulisan kertas projek boleh berpanduan dengan perkara seperti berikut.



**Rajah 4** Konsep dan proses penyelidikan.

**Contoh Penghasilan Penulisan Kertas Projek Seni Islam Malaysia**

Walaupun seni kraf bersifat tradisional, pengkarya seni kraf tersebut perlulah mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang masing-masing. Pengkarya seharusnya dapat menghasilkan ciptaan yang merangkumi aspek formalistik, iaitu mencipta sesebuah karya seni kraf dengan baik. Penjanaan idea kreatif dan inovatif dilakukan dengan menghasilkan kertas kajian projek adalah seperti berikut.

**Pengenalan, matlamat dan objektif**

Kajian projek ini memilih pengkarya seni kraf, Zamari Pandak Ahmad sebagai subjek kajian berdasarkan karya seni kraf tembikar tanah yang dihasilkan sepanjang tahun 2016. Matlamat kajian bagi projek ini adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan tentang pengkarya seni kraf Malaysia yang semakin berkembang di negara ini. Objektif utama kajian bertujuan untu memahami aspek formalistik dalam karya yang dihasilkan oleh Zamari Pandak Ahmad secara terperinci.

*Standard Pembelajaran*

**2.3.1** Menjana idea dan menghasilkan kertas kajian projek secara kreatif dan ekspresif dengan menekankan aspek formalistik berdasarkan pengetahuan dan pemahaman sejarah seni kraf di Malaysia.



### Latar belakang

Perkembangan sejarah seni kraf Malaysia bermula dari zaman animisme hingga zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan datangnya Islam. Kesenian ini juga telah mengalami perubahan dari konteks kegunaan sebagai fungsi kepada seni. Perkembangan seni kraf semasa kedatangan penjajah dan juga perkembangan kini perlu diambil kira. Seni kraf yang kemudiannya didokong oleh badan-badan kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah memangkinkan lagi perkembangan seni kraf. Zamari Pandak Ahmad telah diberi bantuan oleh pihak-pihak ini bagi mengembangkan hasil karya seni tembikar beliau.

Nota: Latar belakang yang diberi hanyalah sebagai panduan untuk melakukan kajian. Anda boleh membuat kajian secara terperinci untuk menghasilkan sebuah kertas projek yang lengkap tentang seni kraf Malaysia yang dipilih.

### Tarikh, masa dan lokasi

Kajian ini telah dijalankan pada hari Sabtu, 3 November 2019, jam 3 petang di Kampung Kepala Bendang, Sayong, Kuala Kangsar, Perak.

### Latar belakang penglibatan

Kampung Kepala Bendang di daerah Kuala Kangsar terkenal dengan perusahaan membuat tembikar tradisional terutamanya labu sayong dan menjadi sebutan di seluruh negara. Salah seorang pakar yang menghasilkan labu sayong ialah Zamari Pandak Ahmad.

Beliau dilahirkan pada 16 November 1942 dan memperoleh kemahiran membuat labu sayong pada umur 15 tahun. Pada ketika itu, perusahaan membuat tembikar dimonopoli oleh wanita sahaja. Oleh kerana minat, Zamari tidak berasa kekok dan menjadikan beliau satu-satunya lelaki yang membuat tembikar di kampungnya ketika itu.

Sekitar tahun 1974, beliau telah ditawarkan menjadi tenaga pengajar seramik di Lembaga Kraf Malaysia yang kini dikenali sebagai Kraftangan Malaysia. Selain mengajar kemahiran membuat seramik, Zamari turut diberi tugas dan tanggungjawab memperkenalkan dan memajukan seni kraf tembikar di Koperasi-koperasi Industri Kampung yang terdapat di seluruh negara termasuk Koperasi Industri Kampung di Kelantan, Pahang dan Perak.

Walaupun terikat dengan tugas dan tanggungjawab sebagai pengajar di Kraftangan Malaysia, beliau masih berkesempatan meluangkan masa memberi latihan dan bimbingan berkaitan dengan pembuatan tembikar kepada golongan belia di Kuala Kangsar. Harapan beliau supaya golongan muda ini dapat mengisi masa lapang dengan melakukan kegiatan berfaedah yang boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan dan memastikan warisan ini berkekalan.

Kreativiti beliau dapat dilihat berdasarkan inovasi dan pengubahsuaian dalam reka bentuk dan reka corak mengikut kehendak semasa. Bagi mengekalkan ciri-ciri estetik, Zamari masih membentuk labu sayong menggunakan kemahiran tangan.

Selain itu, Zamri bergerak aktif dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan menjadikannya antara tokoh yang disegani oleh masyarakat setempat. Kemahiran beliau mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara. Antara anugerah yang diterima ialah “Seal of Excellence” oleh UNESCO AHPADA pada tahun 2002. Pada tahun yang sama, beliau dijemput oleh kerajaan Jepun mengadakan demonstrasi pembuatan labu sayong di Nagoya, Jepun dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Bagi menghargai sumbangan beliau membangunkan industri kraf seramik, Kraftangan Malaysia melantik beliau sebagai Adiguru Kraf Labu Sayong pada tahun 2007. Perusahaan ini telah diwarisi oleh anak lelaki, Fared bin Zamari yang meneroka pelbagai teknik dan bahan mentah bagi membuka era baru seni seramik tanah air.

- **Pengkarya:** Zamari Pandak Ahmad
- **Tarikh lahir:** 15 November 1942
- **Bidang kraf:** Tembikar tanah
- **Adiguru:** Adiguru Kraf Tembikar Labu Sayong Negeri Perak
- **Lantikan pertama:** Tahun 2007



### Dapatan dan rumusan

Nyatakan dapatan dan rumusan yang telah dikumpulkan dari penyelidikan yang telah dijalankan merangkumi sejarah seni kraf labu sayong, bentuk dan teknik, tokoh terbabit serta hala tuju perusahaan ini.



### AKTIVITI EKSPRESI KREATIF

**Tujuan:** Mengenalpasti pengkarya seni kraf Malaysia.

**Alatan dan bahan:** Kertas manila, gunting, *pen marker* dan gam.

#### Langkah-langkah:

1. Bentukkan kumpulan seramai tiga orang.
2. Pilih seorang pengkarya seni kraf tempatan.
3. Buat penyelidikan tentang idea, konsep dan proses karya yang dihasilkan oleh pengkarya.
4. Lakukan juga kajian ke atas bentuk dan fungsi hasil seni kraf oleh pengkarya yang dipilih.
5. Hasilkan kajian mengikut proses kajian secara berperingkat yang telah dipelajari.
6. Kongsikan hasil dapatan kumpulan anda melalui pembentangan dengan kumpulan lain.





## 2.4.1 APRESIASI KARYA SENI KRAF MALAYSIA

Apresiasi didefinisikan sebagai kajian mengenai pengkarya yang menghasilkan seni, faktor yang mempengaruhi cara penghasilan, cara bekerja, pilihan tema atau *subject matter* serta gaya seni yang dihasilkan. Apresiasi seni melibatkan penggunaan bahasa untuk berkomunikasi dengan orang lain tentang apa yang difikirkan dan dirasakan. Dalam konteks ini, pengetahuan mengenai seni amat diperlukan bagi penghasilan sebuah karya seni yang baik.

Sebagai garis panduan bagi membuat apresiasi karya seni kraf Malaysia ialah melalui teori Edmund Feldman seperti yang dirumuskan pada jadual di bawah.

Jadual 3 Apresiasi karya seni kraf Malaysia melalui teori Edmund Feldman.

Deskripsi ( <i>Description</i> )	Analisis ( <i>Analysis</i> )	Interpretasi ( <i>Interpretation</i> )	Pertimbangan ( <i>Judgement</i> )
Nyatakan asas seni reka yang ada pada karya seni kraf.	Menilai komposisi karya seni kraf.	Mengkaji kualiti ekspresif yang diterapkan oleh pengkarya kraf.	Memberikan pandangan sendiri terhadap karya seni kraf yang dikaji.
Terangkan ciri-ciri fizikal karya seni kraf.	Menerangkan prinsip seni reka dapat dihubungkan dengan proses, teknik, bentuk dan makna pada karya seni kraf.	Rujuk kepada pernyataan perasaan atau emosi pengkarya kraf.	Pandangan berteraskan kajian ilmiah dengan bukti dari kajian lain.
Nyatakan elemen seni reka yang terdapat pada karya seni kraf.	Fokus kepada penegasan,imbangan, warna dan komposisi.	Penyataan karya terhadap karya seni kraf.	Berupaya menyampaikan perasaan dan idea.
Pemerhatian mendalam pada karya seni kraf yang dikaji.	Kesesuaian objek kraf.		Keberkesanan karya dalam memberikan sumbangan pada masyarakat mahupun negara.
Nyatakan kritikan.	Kontra dan imej.		

### Standard Pembelajaran


- 2.4.1 Membuat apresiasi karya seni kraf Malaysia secara lisan atau bertulis daripada mana-mana karya tokoh tempatan berdasarkan:
- i) Deskripsi (*Description*)
  - ii) Analisis (*Analysis*)
  - iii) Interpretasi (*Interpretation*)
  - iv) Pertimbangan (*Judgement*)

### Contoh apresiasi karya seni kraf Malaysia 1

Deskripsi ( <i>Description</i> )	Analisis ( <i>Analysis</i> )
<p>Tiang keliring yang terdapat di Kompleks Kraf Kuala Lumpur (KKKL), Jalan Conlay dibuat menggunakan kayu merbau berukuran 5.5 m tinggi dan ukuran ukur lilit 0.508 m dari atas hingga ke bawah.</p> <p>Pemilihan kayu merbau ialah bertepatan kerana faktor ketahanan dan tergolong dalam kayu jenis keras. Malah, tiang keliring ini mengambil reka corak berunsurkan motif etnik dan geometri diukir di sekeliling permukaan batang kayu.</p> <p>Ukiran bagi setiap tiang keliring mengambil masa lebih kurang dua bulan untuk disiapkan. Tiang keliring ini diperindahkan lagi dengan replika burung kenyalang di puncaknya.</p>	<p>Pembinaan tiang keliring seakan-akan berbentuk silinder dan tinggi. Tiang keliring ini dihiasi dengan motif yang diukir secara pengulangan.</p> <p>Terdapat ruang motif yang berasingan pada bahagian tapak dan bahagian atas tiang. Tiang tidak diwarnakan dan dibiarkan secara semula jadi mengikut warna kayu sepertimana binaan rumah tradisional dalam masyarakat Malaysia. Bahagian atas tiang dihiasi dengan ukiran berbentuk tiga dimensi (3D) burung kenyalang sebagai simbol negeri Sarawak.</p>

Pertimbangan ( <i>Judgement</i> )	Interpretasi ( <i>Interpretation</i> )
<p>Tiang keliring ialah sebuah karya yang amat berjaya dengan unsur seni digarap oleh pengukirnya.</p> <p>Dari sudut nilai estetik pula, pengkarya tiang keliring berjaya menggambarkan keutuhan seni tradisional masyarakat Sarawak yang kaya dengan motif-motif bersumberkan alam semula jadi. Tiang keliring biarpun telah lama dimakan usia, namun masih lagi mampu menonjolkan jalinan yang terdapat padanya.</p>	<p>Tiang keliring pada hari ini telah berubah fungsinya dari tempat meletakkan tempayan mayat kepada hiasan landskap.</p> <p>Keperluan dan penggunaan kos yang tinggi untuk menghasilkan tiang keliring ini telah menyebabkannya tidak banyak diusahakan. Walau bagaimanapun, tiang keliring tetap mendapat tempat dalam kalangan para penggemar serta pengukir yang menghasilkan seni ukiran dalam skala yang lebih kecil. Motif-motif pada tiang keliring berupaya digunakan pada hasilan daripada media yang lain berteraskan unsur seni tradisi.</p>

**Tajuk:** Tiang Keliring  
**Media:** Kayu merbau





## Contoh apresiasi seni kraf Malaysia 2

### Deskripsi (*Description*)

Bangie a/k Embol dilahirkan pada tahun 1945 mewarisi kemahiran menenun pua kumbu sejak usia remaja lagi. Minat yang mendalam serta kemahiran yang tinggi telah mendorong beliau mereka cipta corak dan motif yang mempunyai nilai estetik tersendiri.

Teknik tenunan yang dihasilkan lebih menitik beratkan kepada unsur garisan, warna kontra antara latar dan motif pua kumbu.



**Pengkarya:** Bangie a/k Embol  
**Tajuk:** *Monster Serpent*  
**Media:** Tenunan pua kumbu

### Analisis (*Analysis*)

Komposisi karya biasanya dibuat dengan mengimbangkan ruang bagi motif dan latarnya. Kepelbagaian motif yang digunakan, antaranya ialah motif bunga rang jugah, bunga buah sepyong dan bunga bali malikut.

Kelainan kain pua tenunan ini adalah pada ragam hias yang dihasilkan. Warna yang dipilih masih terikat pada warna tradisi yang terdiri dari warna merah hati, putih dan hitam. Pua kumbu nyata sesuai diangkat sebagai satu karya seni kraf utama dalam masyarakat Sarawak.

### Interpretasi (*Interpretation*)

Pencinta kepada budaya Iban percaya pua kumbu ialah selimut rohani yang dapat memberi tenaga dan semangat kepada pemakainya.

Justeru itu, tidak hairanlah pengkarya mempunyai hubungan yang sangat erat dengan karyanya. Corak pua kumbu paling rumit untuk ditenun malah motif-motifnya kerap dikaitkan dengan kepercayaan dan pantang larang yang memberi tambah nilai pada karya seni kraf ini.

Motif pua kumbu bukan dilakukan sesuka hati tetapi haruslah mengikut keserasian pembuat dengan motif atau corak tersebut.

### Pertimbangan (*Judgement*)

Karya pua kumbu dilihat sebagai satu olahan karya yang perlu dipertahankan tradisinya. Pua kumbu menggambarkan seni kraf yang berupaya dipelbagaikan kegunaannya melalui media yang digunakan.

Dengan adanya pengiktirafan Unesco, pua kumbu kini boleh dibanggakan sebagai karya seni kraf Malaysia. Walaupun masih terikat dengan adat, pada masa yang sama pua kumbu tradisi telah digunakan oleh rakyat Malaysia dalam bentuk lainnya yang lebih kontemporari.



## 2.4.2 ETIKA DAN DISIPLIN SEJARAH SENI KRAF

Dalam proses penghasilan karya penulisan sejarah seni kraf Malaysia hendaklah berteraskan kepada amalan etika dan disiplin yang telah ditetapkan.

### Kerohanian

Mengutamakan intergriti dalam sejarah seni kraf di Malaysia.

- **Tidak** Mengambil tulisan orang lain menjadi penulisan sendiri tanpa rujukan.
- **Tidak** Mengambil tajuk projek kajian rakan atau kumpulan lain menjadi tajuk projek sendiri.
- **Tidak** Menggunakan data, akta atau maklumat orang lain tanpa menyatakan sumbernya.
- **Tidak** Mengambil terus penulisan daripada pihak lain menjadi karya sendiri.

### Keagamaan

Tidak sesekali menyentuh sensitiviti yang berkaitan dengan isu agama sepanjang proses penulisan.

- Sensitif terhadap penggunaan perkataan, simbol, fungsi, imej yang terdapat pada karya seni kraf.

### Kepercayaan

Memastikan segala bentuk maklumat dalam penyediaan kertas kerja seni kraf ialah berdasarkan fakta sebenar.

- Maklumat yang ditulis mestilah berasaskan sumber sebenar yang tidak diubah sehingga menjadi satu pernyataan lain.
- Menggunakan semua bahan penulisan termasuk contoh seni kraf daripada sumber yang sebenar.

### Kemanusiaan

Mengutamakan faktor kemanusiaan dalam penyediaan kertas kerja sejarah seni kraf.

- Mengutamakan nilai murni kepada masyarakat.
- Menjaga adab dan tertib penulisan dengan menggunakan bahasa yang baik dan mudah difahami.

### Kewarganegaraan

Menerapkan ciri-ciri warganegara yang baik dan menghargai seni warisan negara melalui sejarah karya seni kraf.

- Mempromosi sejarah karya seni kraf Malaysia kepada masyarakat tempatan dan dunia.
- Memberikan gambaran yang baik dan menunjukkan kepelbagaian bangsa dan budaya negara ini.

### Standard Pembelajaran

2.4.2 Mengamalkan etika dan disiplin penulisan sepanjang proses penghasilan karya.



## 2.4.3 BUDAYA PENDOKUMENAN SEJARAH SENI KRAF

Budaya pendokumenan hendaklah mematuhi amalan yang bermula daripada gaya dan tatacara penulisan. Bahan yang dikumpulkan adalah sebagai refleksi kepada kajian dan menjadi rujukan.

### a) Kertas pelbagai saiz

- Pengumpulan maklumat atau bahan dengan mengolah idea mengikut tema dan konsep.
- Maklumat dalam bentuk gambar, karya dan penulisan disimpan bertujuan sebagai sumber rujukan.
- Pelbagai jenis, saiz dan warna kertas yang boleh digunakan untuk menyimpan maklumat yang diperolehi.



### b) Penjilidan

- Proses menyatukan dan memperkemaskan rangkaian kertas yang mengandungi maklumat atau bahan ke dalam bentuk sebuah buku.
- Antara jenis penjilidan yang digunakan ialah dalam bentuk *comb binding* atau *folder ring*, *tape binding* dan *saddle stitching*.
- Jenis dan saiz penjilidan ialah berbeza mengikut ketebalan buku atau bahan.



Penjilidan *comb binding*.



Penjilidan menggunakan pita pelekat atau *tape binding*.



Penjilidan *ring binding*.

### c) E-portfolio

E-portfolio ialah himpunan maklumat atas talian berasaskan web ataupun menggunakan media lain seperti cakera optik (CD ROM). Melalui e-portfolio, maklumat yang dikendalikan oleh individu atau organisasi dapat dipersembahkan secara digital bergrafik yang menarik untuk dibaca dan diteroka serta mudah untuk dikendalikan.



## AKTIVITI SENI DALAM KEHIDUPAN

**Tujuan:** Mengadakan forum seni karya seni kraf Malaysia.

Program forum seni ialah salah satu aktiviti yang sering dijalankan di semua peringkat pendidikan seni yang berupaya mengetengahkan tokoh atau pakar rujuk dalam bidang seni kraf.

Selain itu, para peserta turut mendapat banyak faedah daripada aktiviti ini, iaitu dapat mengenali tokoh karya seni kraf dan boleh berinteraksi secara bersemuka. Aktiviti forum seni memerlukan penglibatan semua pihak bagi mencapai objektif dan tujuan forum seni.

### Langkah-langkah:

1. Merancang program dan aktiviti bicara seni dengan:

- Membuat kertas kerja
- Mengadakan mesyuarat susulan
- Mengadakan mesyuarat penyelarasan
- Mengendalikan proses surat-menyurat
- Membahagikan tugas ahli jawatankuasa
- Mendapat kelulusan daripada pihak sekolah

2. Dalam aktiviti forum seni tersebut membincangkan tentang apresiasi karya seni kraf Malaysia berdasarkan empat teori Edmund Feldman yang telah dipelajari.

3. Pemilihan moderator mestilah dari kalangan yang berpengalaman dalam bidang karya seni. Moderator tersebut perlu membuat persediaan untuk memperkenalkan tokoh, mengendalikan program serta membuat rumusan di akhir program forum seni.

4. Adakan sesi soal jawab dengan tokoh yang diundang.

5. Catat maklumat yang diperolehi sepanjang forum seni berlangsung dan kongsi bersama-sama rakan lain.



Lokasi forum seni boleh dilakukan di dalam dewan sekolah.

### Standard Pembelajaran

2.4.3 Mengamalkan budaya pendokumenan sejarah seni kraf.



# Unit 3

## PENGURUSAN SENI



Pada awalnya pengurusan seni lebih memberi perhatian kepada organisasi seni yang tidak membawa keuntungan untuk masyarakat. Kini, bidang ini meliputi organisasi komersial dan industri kreatif. Tujuan organisasi seni beralih arah ke badan-badan korporat. Malaysia tidak terkecuali dari perbincangan berkaitan pengurusan seni terutama setelah wujudnya Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 (Tavkhelidze, T., 2016).

Pengurusan seni melibatkan operasi pengurusan seharian organisasi merangkumi perancangan, pemasaran, kewangan dan ekonomi organisasi, urusan kakitangan dan kumpulan dinamik supaya perancangan dapat berjalan dengan teratur.

Organisasi yang melibatkan pengurusan seni ialah galeri, muzium, pusat atau institut kesenian, simfoni dan organisasi lain yang berkaitan dengan seni.





### 3.1.1 PENGURUSAN SENI

#### Definisi Pengurusan Seni

Pengurusan bermaksud proses berurusan dan mengawal sesuatu situasi atau orang. Seni pula bererti ekspresi imaginasi dengan menggunakan kemahiran dalam bentuk visual. Jika digabungkan, istilah pengurusan seni merujuk kepada aplikasi ke atas beberapa fungsi pengurusan dalam bidang kesenian. Istilah pengurusan seni mula digunakan sejak tahun 1960-an lagi dan telah mengalami banyak perubahan. (William J. Byrnes, 2014).

Pengurusan seni berkaitan dengan ekonomi dan kajian pengurusan yang diperlukan untuk mengurus sesebuah institusi seni dan budaya. Pengurusan seni tidak terikat kepada pengurusan dan kepimpinan strategi, malah melibatkan kerja kreatif.



#### Fungsi Pengurusan Seni

Secara tradisi, terdapat lima fungsi pengurusan seni, iaitu merancang, menganjur, kakitangan, pengawasan dan pengawalan (Chong, 2010). Walau bagaimanapun, fungsi pengurusan seni telah diringkaskan kepada empat, iaitu merancang, memimpin, mengawal dan menganjur. Bidang pengurusan berfungsi untuk menangani dan mengurangkan masalah sepanjang proses kerja berlanjung.

#### Merancang

- Mengenal pasti arah tuju aktiviti pengurusan seni di sekolah.
- Menentukan strategi untuk pencapaian pengurusan seni.
- Merancang misi dan objektif bagi pengurusan seni yang disasarkan untuk jangka waktu tertentu.

#### Memimpin

- Memimpin aktiviti pengurusan seni dengan melibatkan motivasi kepada individu yang terlibat.
- Berkongsi dan menyampaikan visi dan matlamat dengan jelas.

#### Mengawal

- Mengawal situasi untuk menilai keberkesanan dan tanggungjawab sesuatu pengurusan.
- Mewujudkan keadaan persekitaran yang terkawal.
- Mengekalkan atau memperbaiki prestasi sedia ada.

#### Menganjur

- Bekerjasama dengan semua pihak yang terlibat dalam pengurusan seni di sekolah.
- Segala tugas dan tanggungjawab dibahagikan mengikut keperluan serta kemahiran ahli.
- Melaksanakan tanggungjawab mengikut perancangan dan persetujuan bersama oleh setiap ahli.

Rajah 5 Fungsi pengurusan seni.

Standard Pembelajaran

3.1.1 Menyatakan definisi pengurusan seni.



### 3.1.2 MENGLASIFIKASIKAN JENIS KARYA DAN KEMASAN SERTA KONSEP PAMERAN SENI

#### Jenis Karya

Penyelenggaraan pameran seni memerlukan gabungan pelbagai elemen untuk memastikan kejayaan sesebuah pameran seni. Oleh itu, perancangan yang tersusun penting dari segi pemilihan tema, lokasi yang strategik dan penyediaan poster yang menarik penting untuk menggalakkan kehadiran pengunjung ke pameran seni.

Mengklasifikasikan jenis karya dan kemasan ialah aspek penting dalam memastikan keseragaman konsep atau tema pameran seni yang akan diadakan. Rajah di bawah menerangkan pengklasifikasian seni dalam bidang seni halus, komunikasi visual dan reka bentuk.

#### 1. Seni halus



**Klasifikasi karya:** 2 Dimensi (2D)

**Jenis pameran :** Pameran solo atau berkumpulan.

Pameran diadakan di muzium, galeri, ekspo seni, ruang legar di bangunan seperti pusat membeli belah.



**Klasifikasi karya:** 3 Dimensi (3D)

**Jenis pameran:** Pameran solo atau berkumpulan.

Pameran diadakan di muzium, galeri, ekspo seni, ruang pameran di dalam bangunan, luar bangunan atau tempat terbuka.



**KBAT**


Nyatakan jenis karya dan konsep pameran seni yang ingin anda adakan. Mengapa?

Standard Pembelajaran

3.1.2 Mengklasifikasikan jenis karya dan kemasan serta konsep pameran seni.



## 2. Komunikasi Visual



**Klasifikasi karya:** Multimedia

**Jenis pameran:** Karya seni dipamerkan di pusat membeli-belah, ruang pameran di muzium dan galeri, ruang legar pejabat atau organisasi dan di kawasan luar seperti jalan raya.



**Klasifikasi karya:** Grafik

**Jenis pameran :** Papan tanda, poster dan logo sebagai promosi sama ada di dalam atau luar bangunan, jalan raya serta dinding bangunan.

## 3. Reka Bentuk



**Klasifikasi karya:** Industri

**Jenis pameran:** Reka bentuk barangan keperluan seharian di ruang pameran untuk tujuan promosi, pejabat, pusat membeli belah, kedai perabot, kedai menjual barangan elektrik dan sebagainya.



**Klasifikasi karya:** Kraf

**Jenis pameran:** Pameran secara berkumpulan, di kompleks kraftangan, ekspo barangan kraf, pusat membeli-belah, muzium dan galeri seni dan kraftangan.

## Konsep Pameran Seni

Sebelum sesebuah pameran diadakan, penganjur perlu memikirkan konsep pameran yang hendak diketengahkan. Konsep pameran bergantung kepada pengurus dan organisasi yang bertanggungjawab serta keperluan pameran diadakan. Empat model konsep pameran yang disarankan oleh Institusi Smithsonian (2012) ialah:

**Pameran bertujuan mempamerkan hasil karya.**



**Pameran sebagai aktiviti pelawat atau penonton.**





**Pameran sebagai suatu persekitaran.**



**Pameran sebagai komunikator idea.**



Kebanyakan pameran seni akan melibatkan keempat-empat konsep agar dapat menarik minat pengunjung. Terdapat tiga fasa yang harus dilalui untuk merealisasikan pameran, iaitu: fasa perkembangan, fasa mereka bentuk pameran dan fasa pelaksanaan (Mulyadi Mahamood, 2017).

**(I) Fasa perkembangan**

- Konsep
- Interpretasi
- Penyelidikan
- Ringkasan pameran, bajet dan jadual
- Sumber

**(II) Fasa mereka bentuk**

- Skema reka bentuk
- Perkembangan reka bentuk
- Reka bentuk terperinci dan spesifikasi
- Bajet dibuat secara terperinci dan mengikut jadual
- Penyelidikan terperinci, bersumber dan mempunyai teks

**(III) Fasa pelaksanaan**

- Tender
- Pengurusan projek dan pembinaan
- Persembahan, pengurusan multimedia dan produksi
- Kualiti dan pengawalan kos
- Pemasangan
- Penilaian

**Rajah 6** Tiga fasa merealisasikan pameran seni.

Penganjuran pameran seni melibatkan beberapa proses. Proses ini haruslah bersistematis bagi memastikan pameran dapat berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

**1 Mencipta konsep pameran**

- Fikirkan idea dan tema pameran.
- Rangkakan misi pameran.
- Pilih pengkarya yang sesuai untuk terlibat dengan tema pameran.
- Ruang pameran.
- Cadangan tempat pameran.

**2 Tempahan ruang pameran dan tarikh**

- Dapatkan pelan lantai dan buat pemetaan untuk pelan pameran.
- Bekerjasama dengan staf galeri atau tempat pameran untuk mewujudkan persekitaran yang positif.
- Tetapkan tarikh perasmian, pembukaan dan penutupan pameran.

**3 Prosedur pembiayaan dan bajet**

- Sediakan peruntukan atau memohon bantuan pembiayaan daripada badan-badan tertentu.
- Dapatkan bantuan sokongan daripada organisasi persekitaran.
- Senaraikan segala keperluan untuk penetapan bajet.

**4 Pemilihan dan tarikan pengunjung**

- Fikirkan target dan cara untuk menarik pengunjung.
- Fahami kaedah terbaik untuk berkomunikasi dengan pengunjung.

**5 Pengiklanan, jemputan dan kehadiran pengunjung**

- Bincang cara terbaik untuk mengiklankan pameran.
- Tentukan proses dan kaedah untuk menjemput pengunjung atau tetamu penting bagi menghadiri pameran.
- Wujudkan jawatankuasa untuk membuat jemputan dan mencatat kehadiran pengunjung.

**6 Pemasangan dan persediaan di ruang pameran**

- Pastikan pemasangan peralatan dan persediaan untuk pameran dilakukan seminggu sebelum hari pameran akan diadakan.

**7 Panel perbincangan, persidangan akhbar dan bengkel**

- Fikirkan panel untuk sesi perbincangan dan persidangan akhbar dan bengkel.

**8 Pembukaan dan perasmian pameran**

- Jalankan raptai sebelum hari pembukaan dan perasmian pameran bagi memastikan segala proses berjalan lancar.

**Rajah 7** Proses penganjuran pameran seni.



### Contoh merancang konsep pameran seni

**2D dan 3D: "Eksplorasi dan Manifestasi Seni"**


**Tajuk pameran:** Eksplorasi dan Manifestasi Seni  
**Peserta atau pengkarya:** Murid aliran seni tingkatan 5 (20 orang)  
**Jenis karya:** Dua Dimensi (2D) dan Tiga Dimensi (3D) Eksperimentasi bahan, teknik dan gaya)  
**Tempoh pameran:** Pameran diadakan selama sebulan  
**Tempat pameran:** Dewan sekolah  
**Tarikh pameran:** 6 Januari 2020 (Isnin)  
**Waktu pameran:** 10 pagi hingga 6 petang

### Contoh aturcara pameran seni

**Aturcara pameran "EKSPLOKORASI DAN MANIFESTASI SENI"**

8.30 pagi: Ketibaan tetamu  
 9.00 pagi: Ketibaan Pengetua Sekolah  
 9.30 pagi: Ucapan pengenalan oleh pengerusi majlis  
 10.00 pagi: Nyanyian lagu Negara Ku  
 Nyanyian lagu sekolah  
 10.15 pagi: Ucapan alu-aluan oleh Pengetua Sekolah  
 10.30 pagi: Gimik pameran  
 Perasmian pameran  
 10.45 pagi: Persembahan murid dari kelab kebudayaan sekolah  
 11.00 pagi: Jamuan ringan  
 11.30 pagi: Lawatan pameran oleh perasmi dan para tetamu.

### Contoh lakaran pelan lantai untuk pameran seni



Isometrik 3D pameran seni.






### 3.1.3 PROSEDUR MENGURUSKAN HASIL KARYA

#### Penyimpanan

Penyelenggaraan atau pengurusan karya seni perlu melalui prosedur tertentu. Terdapat beberapa faktor harus diambil kira supaya karya seni dapat dijaga dengan baik. Ciri-ciri tempat penyimpanan yang perlu diamalkan oleh setiap organisasi adalah seperti di berikut.



Rajah 8 Penyimpanan hasil karya dan koleksi barangan.

**PINTAR IT**

Lakukan carian Internet mengenai cara penyimpanan dan keselamatan karya yang dilakukan oleh organisasi seni di negara ini.

*Standard Pembelajaran*

3.1.3 Mengetahui prosedur menguruskan karya dari aspek: (i) penyimpanan (ii) keselamatan (iii) harta intelek

#### Keselamatan

Dalam penyediaan tempat penyimpanan, langkah-langkah keselamatan perlu diambil kira supaya karya seni berada dalam keadaan selamat dan sentiasa terjaga.



Rajah 9 Ciri-ciri penyimpanan dan keselamatan.



#### AKTIVITI PERSEPSI ESTETIK

**Tujuan:** Mengenal pasti prosedur penyimpanan dan keselamatan karya seni.

**Langkah-langkah:**

- Lakukan lawatan ke galeri seni dalam kumpulan kecil (empat hingga lima orang).
- Kumpulkan maklumat tentang karya yang dipamerkan.
- Catat maklumat karya yang merangkumi aspek berikut:
  - jenis karya
  - format karya
  - saiz karya
  - kemasan karya
- Dapatkan juga maklumat tentang cara penyimpanan, ciri-ciri keselamatan dan harta intelek yang diamalkan oleh galeri tersebut.
- Bentangkan maklumat yang diperolehi dan lakukan perbincangan dengan kumpulan lain.
- Kumpul maklumat daripada semua kumpulan dan lakukan penjilidan supaya menjadi rujukan di dalam kelas.



## Harta Intelek

Harta intelek didefinisikan sebagai hasil ciptaan minda terdiri daripada reka cipta, karya seni, sastera, simbol, nama dan imej yang digunakan untuk tujuan perdagangan. Hak cipta terpelihara ialah hak karya seni yang dimiliki oleh pemilik. Contohnya seperti drama, muzik, hasil karya seni catan, filem dan sebagainya.

### Paten dan pembaharuan utiliti

Paten ialah satu hak eksklusif yang dianugerahkan untuk suatu reka cipta sama ada satu produk atau satu proses untuk melakukan sesuatu yang baharu atau penyelesaian teknikal ke atas sesuatu masalah.

Pembaharuan utiliti ialah hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu reka cipta kecil yang tidak memerlukan ujian langkah mereka cipta sebagaimana yang diperlukan untuk mendapat paten.

### Cap dagangan

Cap dagangan boleh membezakan barangan atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak lain dengan menggunakan perkataan, logo, gambar, nama, huruf, nombor atau kombinasi tersebut.

### Reka bentuk perindustrian

Reka bentuk perindustrian ialah ciri-ciri bentuk, tatarajah, corak atau hiasan yang digunakan pada sesuatu barangan melalui apa-apa proses atau cara perindustrian, iaitu ciri-ciri yang ada pada barang siap, mempunyai ciri menarik yang dinilai dengan pandangan mata.

### Petunjuk geografi

Petunjuk geografi ialah tanda yang digunakan ke atas sesuatu barangan kerana mempunyai kualiti dan reputasi yang boleh dikaitkan dengan sesebuah kawasan.

### Hak cipta

Hak cipta ialah perlindungan yang diberikan kepada penulis, pemilik hak cipta dan pelaku tertakluk di bawah Akta Hak Cipta 1987.

Rajah 10 Kategori harta intelek.



#### PINTAR IT

Berikan contoh hasil karya bagi setiap harta intelek melalui carian di Internet.



#### INFO MENARIK

Seorang pengkarya berhak ke atas ciptaan selama hayatnya dan sehingga 50 tahun setelah kematiannya.



#### KOD QR



<http://arasmega.com/qr-link/myipo-3/>



## 3.2.1 MENGEKSPLORASI KAJIAN LAPANGAN

Pengurusan seni bagi sesebuah organisasi akan melalui beberapa proses yang berbeza. Setiap individu perlu memainkan peranan yang telah dipertanggungjawabkan dan memastikan keseluruhan proses pengurusan seni dapat diurus dengan baik.

### Pengurusan Karya

Sebelum proses penyimpanan karya, merekod dan mendokumentasikan koleksi ialah perkara penting bagi mengawal daripada kerosakan atau kehilangan barangan. Rekod perlu disertakan dengan gambar dan laporan terperinci. Proses pendokumenan perlu dilakukan ketika pertama kali membeli atau memperoleh hasil karya.



Rajah 11 Proses pendokumenan pengurusan karya.

#### Standard Pembelajaran

3.2.1 Mengeksplorasi pengurusan karya, pengurusan pameran seni serta cabaran dan isu pengurusan seni berdasarkan kajian lapangan.



## Pengurusan Pameran Seni

Beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk menguruskan pameran seni. Pengurus seni atau kurator hendaklah sentiasa berfikiran positif, kreatif dan inovatif supaya pameran yang diadakan mempunyai keunikan dan diingati oleh pengunjung.

Pameran yang bermutu ialah pameran yang mampu menarik ramai pengunjung yang datang berulang kali semata-mata untuk menikmati pameran yang sama.

1 Sediakan tema yang bersesuaian dengan karya seni yang hendak dipamerkan. Pameran secara berkumpulan biasanya akan menggunakan tema yang unik dan dinamik.

2 Lakukan pemilihan seniman atau pengkarya serta karya yang mengikut idea asal dan tema.

3 Minta setiap pengkarya menyediakan antara satu hingga tiga karya seni sekiranya pameran dianjurkan dalam kumpulan. Berikan tempoh sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tarikh sebenar pameran seni berlangsung.

4 Fikirkan bajet dan penaja untuk penganjuran pameran.

5 Pilih galeri yang sesuai dari segi saiz, kemudahan dan tempat. Kebiasaannya, kertas cadangan diperlukan dan tempahan awal perlu dibuat untuk penggunaan galeri.

**KBAT**  
Sekiranya berlaku seperti ahli jawatankuasa tidak dapat hadir pada hari program dijalankan, nyatakan tindakan anda sebagai pengurus seni atau kurator.



6 Pastikan semua jawatankuasa yang terlibat bersedia dan berada di lokasi pameran lebih awal daripada pengunjung.

7 Adakan raptai sebelum hari pameran untuk mengelakkan kesilapan sewaktu perasmian pameran sedang berlangsung.

8 Segala pemasangan karya dan persediaan pameran haruslah dimulakan seminggu sebelum pameran diadakan.

9 Sediakan pengangkutan untuk tujuan persediaan dari segi keperluan logistik pameran.

10 Iklankan maklumat pameran secara terperinci dan menarik sebaik-baiknya sebulan sebelum pameran.


11 Senaraikan nama tetamu, tetamu kehormat dan perasmikan pameran. Pihak media perlu dijemput untuk membuat liputan sepanjang hari perasmian pameran berlangsung.



## Cabaran dan Isu Pengurusan Seni

Pengurusan seni berkait rapat dengan aktiviti sesebuah organisasi seperti muzium, galeri dan yang mempromosi seni dan budaya (Cray, D. & Inglis, L., 2008). Aktiviti pengurusan dalam sektor organisasi seni semakin mendapat perhatian di Malaysia dewasa ini.

Seni sebagai suatu industri mempunyai garis panduan yang tersendiri. Semakin banyak isu dan cabaran yang wujud sejak pertengahan abad ke-20, iaitu setelah istilah pengurusan seni mula digunakan. Pelbagai cabaran yang memerlukan penelitian dan ditangani bagi melancarkan perjalanan pengurusan seni ini.



Rajah 12 Cabaran dan isu pengurusan seni.



### AKTIVITI APLIKASI SENI

**Tujuan:** Mengeksplorasi dan memahami pengurusan karya, pengurusan pameran seni serta cabaran isu pengurusan seni

**Langkah-langkah:**

- Pilih sebuah galeri yang berhampiran dengan tempat tinggal anda.
- Adakan sebuah lawatan ke galeri tersebut dan aturkan temujanji bersama pengurus seni atau kurator yang dipilih.
- Jalankan kerja lapangan dengan kaedah pemerhatian dan menemubual berkaitan dengan pameran terkini yang telah diadakan di galeri tersebut.

(d) Pada sesi temubual, sediakan beberapa soalan berdasarkan:

- Pengurusan karya: Tanyakan soalan berkaitan:
    - Langkah awal hingga akhir dalam menguruskan karya yang akan dipamerkan.
    - Bagaimanakah proses pemilihan karyawan dan karya dibuat?
    - Bagaimanakah karya disimpan dan disusun dengan maklumat terperinci sebelum pameran berlangsung?
    - Apakah cara dan proses mengumpulkan karya seni untuk pameran secara berperingkat?
    - Apakah masa yang diperlukan untuk mengumpulkan karya sebelum persediaan pameran?
  - Pengurusan pameran seni: Sediakan soalan berkaitan dengan:
    - Ahli jawatankuasa pameran.
    - Pemilihan tema untuk pameran.
    - Pemilihan tempat untuk pameran.
    - Reka letak atau susunan pameran.
    - Sasaran pengunjung untuk pameran yang akan diadakan.
    - Tetamu yang akan diundang.
    - Perasmi pameran.
    - Pengacara pameran.
    - Aturcara pameran.
    - Bajet untuk persediaan awal hingga akhir pameran.
    - Jamuan untuk semua tetamu.
    - Persediaan dan pemasangan karya sebelum pameran berlangsung.
    - Raptai pameran.
  - Cabaran dan isu pengurusan seni
    - Apakah cabaran yang harus dilalui semasa proses pengurusan dan persediaan pameran dijalankan?
    - Apakah isu dan permasalahan yang timbul dari awal hingga akhir pameran?
    - Apakah cabaran terbesar yang paling sukar dihadapi?
    - Bagaimanakah pihak galeri menangani cabaran dan masalah yang timbul?
- (e) Temubual yang diadakan hendaklah direkod dalam bentuk audio, video dan penulisan. Kemukakan juga soalan mengenai skop atau bidang tugas kurator untuk pameran yang diadakan.
- (f) Ambil gambar ruang dalam galeri. Pelbagaikan sudut pandangan untuk mendapatkan gambaran menarik berkaitan pameran dan karya seni.
- (g) Bentangkan hasil kajian lapangan anda secara berkumpulan di dalam bilik darjah.



### 3.3.1

## MENJANA IDEA DAN MENYEDIAKAN KERTAS CADANGAN PROJEK PENGURUSAN SENI

Penyediaan untuk cadangan projek juga dapat meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran sosial seseorang pengurus, selain dari melatih diri untuk membuat keputusan pada waktu tertentu. Kepekaan terhadap persekitaran dan keadaan sekeliling dapat membantu menjana idea yang bernas kelancaran projek seni.

Terdapat tiga fasa yang perlu diberikan tumpuan bagi keseluruhan proses mengadakan pameran seni seperti dalam rajah di bawah:



Rajah 13 Tiga fasa bagi proses mengadakan pameran seni.




Rajah 14 Konsep dan proses penyediaan kertas cadangan projek.

Standard Pembelajaran

3.3.1 Menjana idea dan menyediakan kertas cadangan projek pengurusan seni berdasarkan:  
 i) pengurusan karya ii) pengurusan pameran seni

### Pengurusan Karya

Sebelum seorang pengkarya melibatkan diri dan karya dipamerkan dalam pameran seni tertentu, proses-proses tertentu haruslah dilalui dalam menghasilkan dan menguruskan karya. Antara langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pengkarya ialah:



Rajah 15 Langkah-langkah pengurusan karya yang baik.



## Panduan Menghasilkan Kertas Cadangan Projek Pengurusan Seni

### a. Pengenalan


Pameran ini tertumpu kepada penghasilan catan miniatur bersaiz 10 inci x 10 inci dan juga pameran dalam bentuk kumpulan, iaitu 25 pengkarya muda berusia antara 16 hingga 23 tahun. Setiap pengkarya menghasilkan sebanyak dua atau tiga karya catan miniatur dengan gaya atau identiti yang tersendiri.

#### Matlamat

Matlamat pameran ini adalah untuk menetengahkan pengkarya muda bagi meluahkan idea dan ekspresi mereka dalam berkarya.

#### Objektif

- (a) Menjadikan alam sebagai inspirasi untuk berkarya.
- (b) Mengeksplorasi pelbagai media untuk penghasilan catan bersaiz kecil.



### b. Idea

Tujuan pameran diadakan bagi membolehkan pengkarya muda menghasilkan karya secara kreatif mengikut idea dan pemikiran mereka. Pengkarya digalakkan menghayati alam semula jadi dan persekitaran untuk menjana idea. Mereka dikehendaki mengehadkan luahan rasa dan inspirasi dalam catan bersaiz 10 inci x 10 inci dengan menggunakan media pilihan secara bebas.

#### Tema

Alam semula jadi dan persekitaran.

#### Konsep

- (a) Pameran berkumpulan mengikut kategori: Pengkarya berusia antara 16 hingga 23 tahun.
- (b) Catan miniatur dengan ukuran segi empat tepat 10 inci x 10 inci.



### c. Rasional dan latar belakang

Pameran bertajuk “Inspirasi Alam” ini bakal menampilkan pengkarya muda yang menggunakan alam semula jadi dan persekitaran sebagai subjek untuk berkarya. Setiap hasil karya ialah dalam bentuk catan mini atau miniatur bersaiz 10 inci x 10 inci. Adalah menjadi satu kebiasaan bagi pengkarya seni menghasilkan karya menggunakan alam semula jadi sebagai inspirasi.

Lazimnya, seni catan sering dihasilkan dalam saiz yang agak besar. Bagi pameran ini, konsep yang ditetapkan adalah untuk memberi ruang kepada pengkarya menghasilkan catan dalam saiz kecil dan tidak memerlukan masa yang panjang untuk menyiapkan karya. Pameran ini juga memberi peluang untuk pengkarya menjual hasil karya mereka dengan harga yang berpatutan oleh kerana saiz karya ialah kecil dan mampu dibeli oleh pengunjung.

Selain itu, pengkarya dapat bertemu dengan pengunjung dan seterusnya memperkenalkan diri serta karya yang dihasilkan.

## INSPIRASI ALAM SEMULA JADI



### d. Tarikh, masa dan lokasi

- Tarikh pameran:** 5 hingga 8 Disember 2019
- Masa pameran:** 9 pagi hingga 6 petang
- Lokasi pameran:** Creative Space, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) Jalan Ampang, Kuala Lumpur.





**e. Organisasi dan jawatankuasa**

**Jawatankuasa induk:** Pengerusi  
 Naib Pengerusi  
 Setiausaha  
 Naib Setiausaha  
 Bendahari  
 Penyelaras pameran  
 Penyelaras karya pameran

**Jawatankuasa pelaksana:** Hadiah dan cenderamata  
 Persiapan tempat  
 Peralatan dan teknikal  
 Promosi dan penjualan  
 Makanan dan jamuan  
 Dokumentasi  
 Publisiti dan liputan  
 AJK penaja  
 AJK aktiviti  
 Pendaftaran dan urus setia  
 Katalog  
 Kebersihan dan keselamatan



**f. Anggaran peruntukan kewangan**

Bil.	Aktiviti	Keperluan bahan	Kos	Sumber
1.	Tempat pameran	Kerusi dan meja untuk pameran	Percuma (Syarat: Tetapkan tarikh pameran sekurang-kurangnya tiga bulan sebelumnya).	
2.	Persediaan pameran	a. Cat putih b. Tali tangsi c. <i>Mounting board</i> d. <i>Staple gun</i> dan peluru e. <i>Masking tape</i> f. Berus cat g. <i>Roller cat</i> <b>Jumlah</b>	1 X RM120 = RM120 5 X RM2 = RM10 5 X RM5 = RM25 1 X RM30 = RM30 5 X RM2 = RM10 2 X RM7 = RM14 2 X RM15 = RM30 <b>RM239</b>	Tabung kelab
3.	Majlis perasmian	a. Jamuan minum pagi untuk: Tetamu undangan (VIP) Ahli jawatankuasa b. Makan tengah hari Tetamu undangan (VIP) Ahli jawatankuasa Publisiti: Kain rentang Buku program Cenderahati untuk perasmian pameran dan MaTiC Cenderahati untuk pengunjung <b>Jumlah</b>	6 X RM6 = RM36 30 X RM4 = RM120 6 X RM10 = RM60 30 X RM8 = RM270 1 X RM200 = RM200 150 X RM2 = RM300 2 X RM150 = RM300 150 X RM3 = RM450 <b>RM1736</b>	Tabung kelab dan tajaan penaja
4.	Kenderaan atau pengangkutan	Persediaan pameran dan hari pameran	Disediakan	
5.	Kebersihan	Plastik pek sampah	10 X RM3.50 = RM35	Tabung kelab
	<b>Jumlah besar</b>		<b>RM2010</b>	



**g. Penajaan**

Ahli jawatankuasa penaja akan mendapatkan tajaan daripada organisasi swasta di kawasan berhampiran.


**h. Promosi**

Segala tugas mempromosi pameran adalah di bawah tanggungjawab ahli jawatankuasa promosi. Tarikh, masa dan tempat untuk pameran akan diberitahu melalui poster, kain rentang, laman sosial media untuk tujuan promosi.

**i. Laporan**

Segala pelaksanaan bagi pameran, iaitu sebelum, semasa dan selepas pameran akan dibuat catatan dalam bentuk laporan bertulis secara berperingkat kemudian didokumentasikan.

Bagi aspek pengurusan karya pameran pula, penyelaras yang bertanggungjawab akan dibantu oleh ahli jawatankuasa lain bagi menentukan kemasan dan pengumpulan maklumat tentang setiap hasil karya. Maklumat tersebut terdiri daripada:



Rajah 16 Maklumat bagi pengurusan karya.



**AKTIVITI EKSPRESI KREATIF**

1. Pilih tiga rakan di dalam kelas anda untuk menghasilkan kertas cadangan projek.
2. Hasilkan satu kertas cadangan projek untuk pameran seni.
3. Pilih tema dan tajuk yang menarik untuk pameran seni yang akan diadakan.
4. Ikuti proses penyediaan kertas projek secara sistematik berdasarkan contoh yang telah diberi sebagai rujukan.
5. Bentangkan hasil kertas cadangan projek pameran di dalam kelas.



**3.4.1 REFLEKSI PENGURUSAN SENI**

Peranan bidang pengurusan seni dalam dunia moden ini amat mencabar. Kemahiran, keyakinan diri dan semangat yang tinggi amat perlu untuk berhadapan dengan permasalahan atau isu yang timbul, di samping beberapa kekangan dalam menjalankan tugas sebagai pengurus seni.

Berdasarkan lawatan ke galeri yang dijalankan sebelum ini, lakukan apresiasi tentang hasil dapatan anda dengan berdiskusi bersama rakan-rakan kelas. Sesi diskusi hendaklah dijalankan berdasarkan aspek-aspek berikut:

<p><b>Pengurusan karya seni</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengkarya menjana idea mengikut tema pameran seni.</li> <li>- Pemilihan bahan dan peralatan.</li> <li>- Penghasilan karya.</li> <li>- Karya siap untuk disimpan sebelum penghantaran.</li> <li>- Proses penghantaran untuk pameran seni.</li> </ul>	<p><b>Pengurusan pameran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembentukan jawatankuasa pameran seni.</li> <li>- Pemilihan tema dan tempat pameran seni.</li> <li>- Susun atur pameran (reka letak atau reka bentuk ruang).</li> <li>- Sasaran pengunjung.</li> <li>- Bajet keseluruhan pameran.</li> <li>- Aturcara pameran seni.</li> <li>- Persediaan dan pemasangan karya.</li> <li>- Raptai sebelum hari pameran.</li> </ul>
<p><b>Fungsi dan kepentingan institusi pengurusan seni</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Fungsi institusi atau organisasi yang menguruskan pameran seni.</li> <li>- Kepentingan institusi atau organisasi dalam usaha memperkenalkan pengkarya dalam pameran seni yang dianjurkan.</li> <li>- Cabaran dan isu yang harus ditangani dalam merancang sesebuah pameran seni.</li> </ul>	<p><b>Harta intelek</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hasil ciptaan pengkarya yang dipelihara dan terletak di bawah Seksyen 7, Akta Hak Cipta 1987.</li> <li>- Harta yang lahir dari kreativiti pengkarya.</li> <li>- Harta intelek yang merupakan aset penting pengkarya dan dapat menjana ekonomi negara.</li> <li>- Pengkarya mempunyai hak yang sah dalam tempoh tertentu.</li> </ul>

*Standard Pembelajaran*

- 3.4.1 Membuat refleksi berkaitan pengurusan seni berdasarkan:
- (i) pengurusan karya seni,
  - (ii) pengurusan pameran,
  - (iii) fungsi dan kepentingan institusi pengurusan seni,
  - (iv) harta intelek





## AKTIVITI SENI DALAM KEHIDUPAN

**Tujuan:** Membuat refleksi berkaitan pengurusan seni.

Aktiviti apresiasi dan refleksi: Diskusi

Tempat aktiviti: Dewan sekolah

Pilih salah satu galeri seni yang terdekat dengan anda. Bentukkan dua atau tiga kumpulan dengan membahagikan kumpulan secara sama rata mengikut jumlah murid.

Anda dikehendaki membuat sesi berdiskusi sesama ahli kumpulan anda berdasarkan aspek-aspek berikut:

- Pengurusan karya seni
- Pengurusan pameran
- Fungsi dan kepentingan institusi pengurusan seni
- Harta intelek

### Langkah-langkah

- Buat lawatan ke seluruh galeri terlebih dahulu.
- Teliti setiap karya yang dipamerkan dan lakukan sesi temubual bersama pengunjung galeri.
- Jalankan sesi temubual dengan kurator atau pengurus seni galeri. Dapatkan maklumat tentang pengurusan karya, pameran, fungsi dan kepentingan galeri tersebut kepada masyarakat dan harta intelek.
- Tanyakan tentang cabaran yang dilalui sewaktu merancang, persediaan dan pelaksanaan pameran.
- Laksanakan sesi diskusi di dalam bilik darjah bersama-sama kumpulan masing-masing.
- Di akhir sesi, kongsi dapatan anda dan buat perbandingan antara galeri yang telah dilawati oleh kumpulan lain. Bincangkan bersama guru kelas anda.



## ETIKA DAN DISIPLIN PENULISAN SEPANJANG PROSES PENGHASILAN KERTAS CADANGAN PROJEK

Etika yang dipraktikkan seseorang, secara berkumpulan atau pihak pengurusan sesebuah organisasi menjadi pengukur dalam menghasilkan suatu kertas cadangan projek yang meyakinkan.

Selain etika, disiplin dalam menghasilkan kertas cadangan projek juga harus dititikberatkan. Disiplin pula berkait rapat dengan pengawalan diri dengan mematuhi peraturan tertentu dan memiliki sikap positif dalam setiap perbuatan dan kerja yang dilakukan.

### Kerohanian

Berkait rapat dengan jiwa, tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan melibatkan semangat. Menampakkan kecenderungan dan dedikasi dalam menghasilkan kerja.

Bersikap positif dan adil apabila mengutarakan isu keagamaan untuk cadangan projek. Hendaklah mengambil kira sensitiviti masyarakat yang berbilang agama dan kaum di Malaysia agar tidak timbul rasa ketidakselesaan antara satu sama lain.

### Keagamaan

### Kepercayaan

Pengagihan tugas yang sama rata antara ahli dan memberi kepercayaan bahawa setiap ahli yang dilantik dapat membuahkan idea yang bernas dan membantu dari pelbagai aspek.

Mengawal diri, pertuturan dan adab sopan semasa berkomunikasi sesama sendiri. Bersifat peri kemanusiaan serta saling membantu dalam menyiapkan kertas projek.

### Kemanusiaan

### Kewarganegaraan

Menunjukkan keprihatinan terhadap isu-isu semasa dalam negara serta berusaha menyatu padukan masyarakat dan golongan yang terlibat dalam projek yang dicadangkan. Menunjukkan semangat cintakan negara agar cadangan projek yang dihasilkan mendapat perhatian masyarakat setempat dan dari luar.

**Rajah 17** Etika dan disiplin penghasilan kertas cadangan projek.

### Standard Pembelajaran

3.4.2 Mengamalkan etika dan disiplin penulisan sepanjang proses penghasilan kertas cadangan projek.



### 3.4.3 BUDAYA PENDOKUMENAN

Dokumen membawa pengertian bahan-bahan yang mengandungi maklumat serta bukti dan dikumpulkan menjadi rekod untuk penyimpanan. Pendokumenan memerlukan masa, usaha bagi membudayakannya, tetapi mengamalkannya akan meningkatkan produktiviti dan membolehkan seseorang atau sesebuah organisasi memperbaiki keadaan atau proses sesuatu kerja yang telah dihasilkan.



Rajah 18 Kepentingan pendokumenan.



**TIP**

Lakukan penyuntingan kertas projek berulang kali dengan membaca keseluruhan dari segi kesalahan tatabahasa dan kesahihan maklumat. Dapatkan bantuan daripada orang yang lebih berpengalaman.



**KBAT**

Apakah pandangan anda tentang organisasi seni yang terdapat di Malaysia? Cadangkan pembaharuan yang boleh dibuat bagi meningkatkan martabat organisasi seni di negara ini.

Standard Pembelajaran

3.4.3 Mengamalkan budaya pendokumenan.

**Portfolio**

Portfolio ialah salah satu pendokumenan secara berstruktur setelah mengumpul dan merekod bahan kajian. Jenis portfolio yang digunakan ialah fail portfolio atau portfolio bercetak, e-portfolio dan Cakera Maya Google atau Cakera Google (Google Drive).

**a) Kertas pelbagai saiz**

- Pengumpulan maklumat atau bahan dengan mengolah idea mengikut tema dan konsep.
- Maklumat dalam bentuk gambar, karya dan penulisan disimpan bertujuan sebagai rujukan.
- Pelbagai jenis, saiz dan warna kertas yang boleh digunakan untuk menyimpan maklumat atau bahan yang diperoleh.



**b) Penjilidan**

- Proses menyatukan dan memperkemas rangkaian kertas-kertas yang mengandungi maklumat atau bahan ke dalam bentuk sebuah buku.
- Antara jenis penjilidan yang boleh digunakan ialah dalam bentuk *comb binding* atau *folder ring*, *tape binding* dan *saddle stitching*.
- Jenis dan saiz penjilidan yang digunakan ialah berbeza mengikut ketebalan buku atau bahan.



**E-portfolio**

- E-portfolio ialah himpunan maklumat atas talian berasaskan web ataupun menggunakan media lain seperti cakera optik (CD ROM). Melalui e-portfolio, maklumat yang dikendalikan oleh individu atau organisasi dapat dipersembahkan secara digital bergrafik yang menarik untuk dibaca dan diteroka serta mudah untuk dikendalikan.

E-portfolio turut boleh diakses melalui telefon pintar.





# Unit 4

# KEUSAHAWANAN SENI

Sejarah keusahawanan awal di Malaysia dapat dilihat melalui hubungan perdagangan dengan India, China dan Arab di Lembah Bujang yang mempunyai pelabuhan bertaraf entrepot. Sistem perdagangan ini terus dipergiatkan lagi pada zaman Kesultanan Melayu dengan kehadiran lebih ramai pedagang yang menjalankan urusan jual beli hasil dagangan masing-masing.

Pada abad ke-20, keusahawanan terus berkembang termasuklah bidang seni seiring dengan kemajuan teknologi, kemudahan tenaga kerja dan kebolehcapaian maklumat melalui Internet. Keusahawanan seni di negara ini juga tidak ketinggalan mencapai hasil pendapatan yang memberangsangkan dan semakin mendapat perhatian oleh masyarakat Malaysia.





## 4.1.1 DEFINISI KEUSAHAWANAN SENI DAN KEPENTINGANNYA

Kirzner (1979) mendefinisikan usahawan sebagai individu yang sentiasa berwaspada ke atas peluang perniagaan yang orang lain tidak menyedarinya dengan mengambil tindakan secara imaginatif, kreatif dan inovatif.

Keusahawanan ialah aktiviti seorang usahawan yang menjalankan inovasi, pengurusan kewangan dan perniagaan dalam usaha untuk mengubah dan menghasilkan satu inovasi pada barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi.

Menurut Christopher Rea dan Nicolai Volland (2015) keusahawanan budaya dan seni ialah satu amalan secara individu atau kumpulan yang menghasilkan produk budaya berteraskan apa yang dimiliki oleh masyarakat setempat yang merujuk kepada sektor seni kreatif.



### INFO MENARIK

Perkataan *entrepreneur* atau dalam bahasa Melayu, usahawan, berasal dari bahasa Perancis, iaitu "*entreprenre*" yang bermaksud "*between taker or go between*".

### Kepentingan Keusahawanan Seni

Bidang keusahawan seni ialah satu bidang pengurusan ekonomi yang mana statistik hasilan pendapatan keseluruhannya telah mencecah kepada satu jumlah jualan yang amat besar.



Rajah 19 Kepentingan keusahawanan seni.

#### Standard Pembelajaran

4.1.1 Menjelaskan definisi keusahawanan seni serta kepentingannya.

Balai Seni Negara telah meletakkan seni visual sebagai satu bidang yang mampu bergerak ke hadapan dan menjadi satu industri berdaya saing. Namun, bidang ini dalam konteks di Malaysia belum lagi sampai ke tahap peralihan dari industri kreatif kepada ekonomi kreatif sebagaimana yang diamalkan oleh negara-negara maju di dunia.

Sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa, galeri swasta dan persendirian pada hari ini semakin bertambah seiring dengan kemunculan para penggiat seni. Penghasilan karya seni yang bermutu merupakan satu petanda positif dalam mempergiatkan lagi bidang keusahawanan seni visual tanah air.

Sementara itu, bagi sektor seni kraftangan pula, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia berperanan memajukan, menggiat dan memulihkan kemahiran dan pertukangan tradisional kraf di Malaysia. Di samping itu, perbadanan ini turut menggiatkan perkembangan dan memelihara perusahaan seni kraf dengan pelbagai cara termasuk mengadakan perkhidmatan penyelidikan dan nasihat. Tidak ketinggalan juga perbadanan ini turut mengorientasi dan membantu pengkarya yang ada sekarang ke arah penggunaan moden bagi pengeluaran, pengurusan dan pemasaran termasuk pengeksportan hasil karya seni kraf.



### INFO MENARIK

Akademi Sains Malaysia menjangkakan industri kreatif Malaysia antaranya seni kraf akan semakin berkembang menjelang 2035. Jualan seni kraf dijangka meningkat kepada RM1.02 bilion menjelang 2025 dan RM2.2 bilion pada 2035 dengan sumbangan sebanyak dua peratus kepada indsturi kreatif negara ini.

Sumber: Berita Harian, 26 Mac 2018.



Penjualan karya seni melalui galeri awam.







## 4.1.2 CIRI-CIRI KEUSAHAWANAN SENI

Usahawan seni yang cemerlang perlu melengkapkan diri dengan ciri-ciri tertentu. Ciri-ciri utama tersebut ialah memastikan usahawan mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang bidang perniagaan yang diceburi.

### 1

#### Jujur dan amanah



Seorang usahawan perlu sentiasa benar dalam apa jua keadaan. Rezeki seharusnya datang dari sumber yang halal dan berkat. Jangan sesekali menguruskan perniagaan dengan cara yang tidak betul, urusan jual beli bersama pelanggan dan pembekal hendaklah diurus dengan jujur.

#### Barakah

### 2

Barakah bermaksud mencari atau menambah kebaikan berupa bertambahnya harta, rezeki, mahupun kesihatan, ilmu, dan amal kebajikan. Rezeki yang barakah seharusnya dikongsikan dengan masyarakat setempat melalui sumbangan yang membawa kepada kebaikan.



### 3

#### Pemikiran positif



Usahawan perlu mengetahui apa yang ingin dicapai dalam perniagaan yang diusahakan. Visi dan misi perlu ada dalam menentukan hala tuju perniagaan. Visi dan misi ini perlu dibangunkan dari peringkat awal berbanding objektif utama keusahawanan seni.

#### Berwawasan

### 4

Kejayaan sesuatu usaha bergantung kepada komitmen usahawan itu sendiri. Komitmen membantu usahawan mengatasi dugaan dalam perniagaan. Komitmen usahawan terhadap idea dan pelaburan menentukan kejayaan pelaburan yang diusahakan.



### 5

#### Proaktif



Usahawan perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk mencapai kejayaan. Kecenderungan ini akan membuatkan mereka bersikap optimistik terhadap kejayaan yang akan dikecapi. Memiliki sifat yakin dan optimistik, maka tidak hairanlah ramai usahawan yang pernah gagal berkali-kali akhirnya berupaya menjadi seorang usahawan yang berjaya.

#### Kreatif dan inovatif

### 6

Kreatif dan inovatif ialah perkara utama yang perlu ada pada setiap usahawan untuk memperoleh kelebihan persaingan dalam pelaburan mereka. Melalui fikiran yang kreatif, inovatif dan daya imaginasi, usahawan boleh menghasilkan produk dan perkhidmatan kepada pengguna. Kreativiti boleh dipelajari melalui kursus keusahawanan yang diadakan oleh pihak kerajaan mahupun pihak swasta.



### 7

#### Mengikuti perkembangan



Sentiasa mengikuti perkembangan semasa terhadap peluang yang ada bagi mengikuti peluang inisiatif yang dibuat oleh kerajaan melalui organisasi tertentu.

#### Berorientasikan pasukan

### 8

Usahawan yang berjaya selalunya mempunyai *standard* atau kualiti yang tinggi, bersemangat untuk membantu syarikat berkembang dan membangun. Bekerjasama sebagai satu pasukan dalam memantapkan kualiti produk seni dan perkhidmatan berupaya meningkatkan hasil jualan serta memantapkan syarikat.



#### KBAT

Berikan tiga ciri-ciri keusahawanan seni selain dari yang telah dinyatakan serta justifikasikan jawapan anda.





## 4.1.3 NILAI PASARAN KOMERSIAL DAN TREND PASARAN SENI

### Nilai Komersial Karya Seni

Nilai komersial berkaitan dengan sesuatu yang berupaya diperdagang atau diniagakan. Bagi kepentingan dan tujuan nilai ekonomi, karya komersial menjadikannya sebagai sesuatu barangan yang boleh diperdagangkan. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2014).

Jenis karya	Nilai semasa	Pengkarya
<ul style="list-style-type: none"> <li>Seni visual</li> <li>Seni halus</li> <li>Seni kraf</li> <li>Karya kreatif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kandungan</li> <li>Sudut sejarah</li> <li>Gaya persembahan</li> <li>Kaitan budaya</li> <li>Nilai simbolik dalam karya</li> <li>Fizikal serta nilai estetik</li> <li>Keaslian karya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Karya yang dihasilkan</li> <li>Pengalaman pengkarya</li> <li>Populariti pengkarya</li> </ul>

Hingga kini MATRADE menjadi badan utama yang mempromosikan karya seni termasuk seni halus. Sejak tahun 2013 yang mana sebanyak 277 karya seni halus daripada 126 artis tempatan sudah dipamerkan di pasaran antarabangsa dan jumlah eksport seni visual Malaysia, termasuk lukisan mencecah pendapatan RM11.4 juta. (Berita Harian, 2015).

MATRADE turut menyertai kebanyakan festival seni halus utama melalui pameran antarabangsa. Malaysia ialah negara berbilang bangsa yang terdiri daripada kepelbagaian budaya, sekali gus menawarkan hasil karya yang bukan saja luar biasa, bahkan berupaya mencetuskan minat. Kesungguhan tersebut menyaksikan MATRADE menyediakan pelbagai program promosi yang berasingan daripada rombongan perdagangan yang lain bagi mencari ruang memperdagangkan hasil karya seni di negara ini. (Berita Harian, 2015).



KOD QR



<http://arasmega.com/qr-link/laporan-tahunan-kraftangan-malaysia/>

Standard Pembelajaran

4.1.3 Mengenal pasti nilai pasaran komersial dan trend pasaran seni

Berikut ialah beberapa contoh karya seni oleh pengkarya di Malaysia yang mempunyai nilai komersial di pasaran tempatan dan antarabangsa. Pengkarya-pengkarya ini telah menempa nama dalam bidang masing-masing serta mempunyai pelanggan dan pendapatan tetap melalui jualan karya seni yang dihasilkan.



Nilai karya boleh mencecah sehingga RM350 seunit.

**Mohd Radzi Ismail**

Pengusaha dan pengkarya seramik



**Raja Shahrizan Raja Aziddin**

Pengkarya seni arca

Nilai karya boleh mencecah sehingga RM50,000 seunit.



Nilai karya boleh mencecah sehingga RM300,000 seunit.

**Yusof Ghani**

Pengkarya seni catan





**Florence Skim Sujang**  
Manik Sarawak



Nilai karya boleh mencecah sehingga RM500 seunit.



**Hj Burhanuddin Md Radzi**  
Animasi Upin & Ipin (Pemilik)



Memperoleh kutipan *box office* melalui filem animasi Upin dan Ipin yang dihasilkan.



**Faizatul Fazleha Rasdi**  
Pengkarya seni tekat



Nilai karya boleh mencecah sehingga RM20,000 seunit.




**KBAT**

Jika anda seorang usahawan seni, nyatakan jenis seni yang mahu dihasilkan dan dijual di pasaran terbuka. Nyatakan sebab.

**Trend Pasaran Seni Semasa**

Trend pasaran masa kini tidak hanya terhad kepada pasaran melalui galeri sahaja. Kini, jualan karya seni boleh dilakukan melalui Internet yang telah mengambil alih pasaran seni semasa. Antara trend pasaran seni semasa yang dilakukan bagi memasarkan karya seni ke pasaran ialah:



**PINTAR IT**

Lakukan carian di Internet mengenai trend pasaran seni semasa selain daripada contoh yang telah diberi. Kongsi jawapan anda bersama rakan kelas yang lain.



**KBAT**

Apakah platform yang akan anda gunakan bagi mengenal pasti trend pasaran seni semasa di dalam dan luar negara. Nyatakan.



# 4.2.1

## MENGEKPLORASI DAN MENGANALISIS PASARAN SENI MELALUI KAJIAN LAPANGAN

Eskplorasi dan analisis pasaran seni ialah satu proses yang sangat penting dalam menentukan jenis karya yang akan dipasarkan. Kajian lapangan mengenai keusahawanan seni boleh dijalankan melalui beberapa peringkat serta melibatkan individu dan organisasi.

Maklumat yang dikumpul daripada kajian lapangan boleh menambahkan pengetahuan tentang isu semasa usahawan seni, kaedah penghasilan dan pemasaran seni masa kini. Terdapat beberapa perkara yang perlu dititikberatkan untuk penghasilan kajian lapangan. Antaranya ialah;

### Nilai Komersial Karya Seni

Nilai komersial karya seni ditentukan melalui:

#### Pengkarya

- Maklumat pengkarya
- Status pengkarya dalam arena seni
- Pameran dan koleksi

#### Jenis karya seni

- Multimedia
- Seni grafik
- Seni halus
- Komunikasi visual
- Reka bentuk industri
- Reka bentuk kraf

#### Permintaan hasil seni

- Balai Seni Negara
- Balai Seni Negeri
- Galeri swasta
- Pengumpul dan penjual karya seni
- Badan korporat
- Individu

Nilai komersial sesuatu karya dinilai berdasarkan maklumat seperti nama pengkarya, tajuk karya, tandatangan pengkarya, tahun karya dihasilkan, pernyataan karya dan media yang digunakan.

**Pengkarya** : Salwa Ayob  
**Tajuk** : Siri Minang  
**Tandatangan pengkarya** : Pada bahagian bawah karya  
**Tahun** : 1996  
**Penyataan karya** : Adaptasi rupa seni bina rumah Minangkabau menggunakan teknik tanggam tanpa paku sebagai perlambangan kebijaksanaan tukang kayu Melayu zaman silam.  
**Media** : Seramik *Stoneware* dan gerlis abu sekam padi



#### Standard Pembelajaran

- 4.2.1 Mengeksplorasi dan menganalisis pasaran seni melalui kajian lapangan dari aspek:
- (i) nilai komersial karya seni
  - (ii) trend pasaran seni
  - (iii) undang-undang dan peraturan
  - (iv) cabaran dan isu pasaran seni

### Trend Pasaran Seni

Trend pasaran seni sentiasa berubah-ubah mengikut permintaan dan pasaran semasa kecuali bagi pengkarya yang telah diiktiraf.

(a) Trend pasaran melalui jenis karya.

#### Seni visual



**Pengkarya** : Khairul Nizam Mohd Aris  
**Tajuk** : Wave  
**Tahun** : 2013  
**Media** : Porselin  
**Ukuran** : 340 cm x 600 cm  
**Penyataan karya** : Memaksimumkan penggunaan medium porselin dengan menggunakan teknik lemparan alin (throwing) dalam penghasilan karya bagi menggambarkan alunan ombak. Menggunakan gerlis putih bagi peniruan warna buih ombak laut.  
**Nilai karya** : RM5000

#### Seni halus




**Pengkarya** : Hamdan Shaarani  
**Tajuk** : REFLEKSI # JERNIH 8  
**Tahun** : 2013  
**Media** : Catan minyak atas kanvas  
**Ukuran** : 242 cm x 152 cm  
**Penyataan karya** : Refleksi yang terbentuk sebagai imejan dalam air memperlihatkan aliran air yang berlalu dan sentiasa berubah-ubah. Aturan alam yang menentukan kedudukan daunnya juga digunakan oleh pengkarya sebagai satu metafora terhadap kuasa dan keesaan Allah S.W.T dalam mengatur alam ini.  
**Nilai karya** : RM28,000



Seni kraf

**Pengkarya** : Natipah atau Nortipah Abdul Kadir  
**Tajuk** : Tenun Pahang  
**Tahun** : 2013  
**Media** : Kain kapas dan sutera  
**Penyataan karya** : Kain tenunan ikat loseng biasanya ditenun dengan benang kapas dan sutera. Bunga atau motif baru direka bagi tenunan ikat loseng ini ialah motif siku keluang atau bentuk zig-zag, motif kuih ladu berbentuk daiman, segi empat bujur dan hujan lebat berpetak.  
 Pada tahun 1998, Nortipah turut menghasilkan corak baru beliau yang dinamakan corak bersilang selapis, corak pucuk rebung berlapis dan corak akar lilit batang.  
**Nilai karya** : RM400 hingga RM5000



Karya animasi

**Pengkarya** : Mohammad Nor Khalid (LAT)  
**Tajuk** : *Kampung Boy*  
**Tahun** : 1999  
**Media** : Animasi  
**Penyataan karya** : Animasi Kampung Boy merujuk kepada diri pengkarya sendiri sebagai seorang budak kampung yang membesar di Perak sekitar tahun 1950-an. Pengalaman beliau sebagai budak lelaki yang meneroka kehidupan kampung dengan pengalaman bermain di tapak perlombongan bijih timah, hutan, adat bersunat, keluarga serta alam persekolahan.  
 Animasi ini dimulakan dengan pengeluaran animasi kisah budak kampung pada tahun 1999. Sebelum itu, karya Kampung Boy dikeluarkan dalam bentuk cetakan ilustrasi pada tahun 1979 dan terjual sebanyak 60,000 naskhah sebanyak 16 kali. Karya ini telah terjual di luar negara dengan animasi alih bahasa dalam Bahasa Inggeris, Jepun dan Perancis.



(b) Trend pasaran setiap satu jenis karya seni sebagai contoh karya dalam kategori seni halus yang terdiri daripada jenis karya berikut:

Catan cat air

**Pengkarya** : Abdullah Ariff  
**Tajuk** : *Coconut Plantation-Dawn*  
**Tahun** : 1948  
**Media** : Cat air  
**Ukuran** : 38 cm x 56 cm  
**Penyataan karya** : Menggambarkan suasana dalam sebuah ladang kelapa sawit ketika awal pagi yang menjadi salah satu pekerjaan utama pada zaman sebelum merdeka.



Lukisan



**Pengkarya** : Dzulkipli Buyong  
**Tajuk** : Murid Sekolah  
**Tahun** : 1962  
**Media** : Pastel  
**Ukuran** : Tiada  
**Penyataan karya** : Lukisan menggambarkan potret seorang murid sekolah dengan komposisi secara semitrikal dengan ekspresi wajah yang bersahaja.

Cat minyak

**Pengkarya** : Latiff Mohidin  
**Tajuk** : *Pago Pago*  
**Tahun** : 1964  
**Media** : Cat minyak  
**Ukuran** : Tiada  
**Penyataan karya** : Karya yang bertemakan gambaran alam metafora dengan gaya ekspresi atau bentuk organik tumbuh-tumbuhan yang sukar untuk ditafsirkan. Satu gambaran catan yang merakamkan kehidupan di sekitar Indo-China.





**Akrilik**


**Pengkarya** : Sharifah Fatimah Syed Zubir  
**Tajuk** : *Pillars of Dawn*  
**Tahun** : 1994  
**Media** : Akrilik atas kanvas  
**Ukuran** : 120 cm x 120 cm  
**Penyataan karya** : Emosi dan perasaan ialah tema utama yang digambarkan melalui warna warna blok yang terang. Lukisan arkalik ini turut mempamerkan perkara yang benar dari hati, pemikiran, jiwa dan raga yang mana kita hidup seperti keadaan yang sebenar dan bukannya bertopengkan keadaan yang sebaliknya untuk ditunjukkan.



**Arca**

**Pengkarya** : Zulkifli Yusoff  
**Tajuk** : MERDEKA 57  
**Tahun** : 2009  
**Media** : Media campuran  
**Ukuran** : *Campbell's tomato juice* (25.4 cm x 48.3 cm x 49.5 cm), *Del Monte Peach Halves* (24.1 cm x 38.1 cm x 49.5 cm), *Brillo Soap pads* (43.2 cm x 43.2 cm x 35.6 cm) dan *The 1963 Heinz Tomato ketchup box* (25.4 cm x 48.3 cm x 24.2 cm)

**Penyataan karya** : Menggambarkan kisah silam zaman kolonial sebelum merdeka. Dapat dilihat melalui cetakan imej pada zaman tersebut sebagai subjek utama. Karya ini turut menggambarkan saat-saat pengishtiharan hari kemerdekaan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.



**Undang-undang dan Peraturan**

Penguatkuasaan undang-undang bagi hasil karya seni ialah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dibawah Undang-Undang Malaysia. Cetakan Semula Akta 614 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006.

**Perlanggaran Hak Cipta**

Sesiapa yang menggunakan mana-mana karya berhak cipta tanpa kebenaran daripada penulis, pemilik hak cipta dan pelaku ialah suatu perlanggaran di bawah Akta Hak Cipta 1987.

**Hak perundangan**

Pengkarya selaku pemilik hak cipta mendapat hak eksklusif bagi karya mereka di bawah undang-undang hak cipta.



**Hak ekonomi**

Hak bagi penjualan termasuk hak pengeluaran semula, penyampaian, pameran, pendedaran dan sewa komersial.



**Hak moral**

- Hak pengkarya untuk dikenali dan menuntut keaslian ciptaan mereka dikekalkan.
- Hak pengkarya bagi menghalang pihak lain untuk meminda, merosakan, mengubahsuai karya mereka sehingga menjejaskan reputasi pengkarya.



**KBAT**

Sekiranya berlaku perlanggaran hak cipta terhadap karya anda, pihak berkuasa manakah yang anda perlu hubungi bagi membuat laporan tersebut?



## Cabaran dan Isu Pasaran Seni

Cabaran dan kesukaran yang dihadapi dalam memasarkan produk seni ialah selaras dengan persekitaran pemasaran seni itu sendiri, iaitu sosio-budaya, ekonomi, politik dan teknologi.



Rajah 20 Cabaran dan isu pasaran seni.

## Contoh kajian lapangan keusahawanan seni

Lakukan langkah-langkah berikut untuk memperoleh dapatan daripada kajian lapangan yang dilakukan.

### Langkah 1

Contoh pemilihan pengkarya ialah Johan Marjonid. Dapatkan data asas pengkarya seperti;

**Nama penuh:** Johan Marjonid

**Tarikh lahir:** 1968

**Tempat kelahiran:** Kampung Jelutung, Ayer Baloi, Pontian, Johor.

**Pendidikan:** Ijazah Sarjana Muda Seni Halus Institut Teknologi Mara, (UiTM) Shah Alam; Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, SMK Dato Penggawa Barat, Pontian; Sijil Pelajaran Malaysia, SMK Ayer Baloi; Sijil Rendah Pelajaran, SMK Benut.

### Langkah 2

Pilih pengkarya yang akan ditemubual. Hubungi pengkarya terlebih dahulu dan nyatakan tujuan temubual tersebut. Pengkarya boleh dihubungi melalui telefon, e-mel dan sebagainya. Sekiranya pengkarya memerlukan surat kebenaran sekolah, sediakan surat tersebut dengan merujuk kepada guru bagi tujuan semakan.

### Langkah 3

Selepas mendapatkan persetujuan tarikh dan tempat temubual akan dijalankan, pastikan pengkarya turut membuat persediaan. Antara langkah-langkah atau panduan semasa sesi temubual dijalankan ialah:

1. Memberikan imej yang positif dengan memakai pakaian yang sesuai, sampai lebih awal atau tepat pada masa, bersikap mesra dan bersopan santun.
2. Menjelaskan tujuan temubual dijalankan.
3. Menyediakan soalan yang sesuai dengan bahasa yang mudah.
4. Memutuskan lebih awal sama ada temubual dalam bentuk tidak formal atau formal.
5. Menyediakan buku catatan dan memastikan peralatan lain seperti perakam video dan sebagainya dalam keadaan baik.
6. Mendapatkan kebenaran untuk merakam temubual tersebut.
7. Membawa bersama-sama kebenaran bertulis yang telah diperolehi.
8. Memberikan perhatian terhadap apa yang diperkatakan.
9. Segera bertanya jika pengkarya tidak faham.
10. Membenarkan pengkarya memberi ulasan atau pendapat tentang maklumat yang diperolehi bagi memastikan maklumat ialah tepat.
11. Memberi peluang menanyakan soalan jika perlu.



**Langkah 4**

Sediakan soalan untuk dijawab oleh pengkarya.

1. Bolehkah Encik Johan terangkan serba sedikit mengenai latar belakang diri?
2. Sejak bilakah Encik Johan mula berkarya?
3. Siapakah yang memberikan galakan kepada Encik Johan untuk berkarya?
4. Kenapakah Encik Johan memilih hutan hujan tropika sebagai ilham dalam menghasilkan karya?
5. Hingga kini, berapa banyakkah pameran yang telah Encik Johan sertai?
6. Berapakah jumlah karya yang telah dijual?
7. Bagaimanakah proses pembelian karya Encik Johan dijalankan?
8. Bagaimanakah Encik Johan menentukan harga karya?
9. Siapakah atau golongan manakah yang menjadi pembeli utama karya-karya Encik Johan?
10. Pada pandangan Encik Johan, apakah kaedah pemasaran karya seni yang paling berkesan untuk mendapatkan pulangan yang sepatutnya?
11. Apakah perkara yang perlu dilakukan oleh pengkarya bagi menarik minat masyarakat untuk membeli hasil karya seni?
12. Apakah nasihat Encik Johan kepada pengkarya muda dalam memasarkan karya mereka?

**Langkah 5**

Buat pembahagian soalan dan jawapan yang diperoleh berdasarkan aspek kajian lapangan dalam keusahawanan seni.

**Latar belakang pengkarya**

- Latar belakang pengkarya.
- Waktu mula berkarya.
- Galakan untuk berkarya.

**Trend pemilihan karya**

- Kenapakah Encik Johan memilih hutan hujan tropika sebagai ilham dalam menghasilkan karya?

**Trend pasaran**

- Hingga kini, berapa banyakkah pameran yang telah Encik Johan sertai dan berapakah jumlah karya yang telah dijual?
- Siapakah atau dari golongan manakah yang menjadi pembeli utama kepada karya Encik Johan?

**Cabaran dan isu pasaran seni**

- Boleh saya tahu bagaimana Encik Johan menentukan harga karya?
- Bagaimanakah proses pembelian karya Encik Johan dijalankan?
- Pada pandangan Encik Johan, apakah kaedah pemasaran karya seni yang paling berkesan untuk mendapatkan pulangan yang sepatutnya?
- Apakah yang perlu dilakukan oleh pengkarya bagi menarik minat masyarakat untuk membeli hasil karya seni?
- Apakah nasihat Encik Johan kepada pengkarya muda dalam memasarkan karya mereka?



**AKTIVITI APLIKASI SENI**

**Tujuan:** Menganalisis pasaran seni melalui kajian lapangan.

**Alatan dan bahan:** Buku catatan dan alat tulis

**Langkah-langkah:**

1. Bentukkan kumpulan seramai empat orang.
2. Pilih seorang pengkarya seni kraf di kawasan berhampiran tempat tinggal anda.
3. Gunakan kaedah penjanaaan idea bagi merangka soalan yang akan ditanya kepada pengkarya seni kraf.
4. Bina soalan berdasarkan
  - Latar belakang pengkarya
  - Trend pemilihan karya
  - Trend pasaran karya
  - Kaedah penentuan harga
  - Kaedah pemasaran karya
  - Cabaran dan isu pasaran seni
5. Susun atur semula soalan mengikut kategori di atas.
6. Hasilkan sebuah penulisan ringkas mengenai jawapan yang diperolehi.
7. Kongsikan hasil dapatan kumpulan anda dengan kumpulan lain.
8. Persembahkan dalam bentuk multimedia yang menarik.



4.3.1

### MENJANA IDEA DAN MENGHASILKAN KERTAS CADANGAN PROJEK PEMASARAN SENI

#### Karya Seni

Bagi menghasilkan kertas cadangan projek pemasaran, anda boleh memilih salah satu jenis karya seni seperti seni catan, arca, seramik, tekstil, logam halus atau fotografi sebagai kajian. Hasilkan kertas cadangan projek pemasaran ini secara berkumpulan mengikut format persembahan kertas kerja yang diberi.



Seni seramik.



Seni logam halus.



Arca.



Fotografi



Seni catan.

#### Pasaran Semasa

##### Peranan penyelidikan pemasaran semasa

Peranan penyelidikan pemasaran amat penting dalam dunia pemasaran karya seni kerana ia menjadi penentu kejayaan sesuatu program pemasaran itu. Berikut adalah peranan yang dimainkan oleh penyelidikan dalam bidang pemasaran:

<p>Kajian pemasaran semasa perlu dibuat berdasarkan trend masa kini melalui organisasi yang terbabit dengan pemasaran karya seni.</p>	<p>Penyelidikan pemasaran ialah aktiviti mendapatkan maklumat tertentu untuk memudahkan pihak pengurusan membuat keputusan berkaitan dengan pemasaran dan perkhidmatan.</p>	<p>Mengenalpasti dan objektif, mengumpul, menganalisis, menyebarkan dan menggunakan maklumat yang ada bertujuan memperbaiki keputusan dan menyelesaikan masalah dalam pemasaran.</p>	<p>Kajian pasaran semasa boleh dilakukan dengan melihat kepada pesaing sedia ada.</p>
---	---	--	---

(Sumber: Naresh K. Malhotra, 1999)

##### Hubung kait keperluan penyelidikan pemasaran dalam pengiklanan

Penyelidikan pemasaran amat penting dalam elemen promosi dan pengiklanan produk seni. Perkara ini amat penting dalam mengenalpasti dan menyelesaikan masalah-masalah yang akan berlaku, sebelum atau selepas pengiklanan.



Standard Pembelajaran

4.3.1 Menjana idea dan menghasilkan kertas cadangan projek pemasaran seni berdasarkan:  
 (i) karya seni (ii) pasaran semasa (iii) perancangan, pelaksanaan dan laporan pemasaran



## Perancangan, Pelaksanaan dan Laporan Pemasaran


Perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam membuat perancangan, pelaksanaan dan laporan pemasaran adalah seperti berikut:

- (a) Bagaimanakah hendak memberitahu pelanggan tentang produk atau perkhidmatan anda?
- (b) Apakah yang membezakan produk dan perkhidmatan anda dengan pesaing?
- (c) Adakah produk dan perkhidmatan yang ditawarkan menarik perhatian pelanggan?
- (d) Apakah yang perlu dilakukan untuk menjadikan produk dan perkhidmatan anda diketahui di luar lingkungan pelanggan atau lokasi sedia ada?

Laporan pemasaran juga perlu mengandungi strategi pemasaran yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Matlamat pemasaran</li> <li>• Sasaran pelanggan</li> <li>• Cara memasarkan karya</li> <li>• Perletakan karya</li> <li>• Pengurusan jualan karya</li> <li>• <i>Overhead</i> pemasaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belanja belian atau produk seni</li> <li>• Tujuh langkah pemasaran</li> <li>• Jadual kerja</li> <li>• Kos penghantaran</li> <li>• Ramalan jualan bulanan</li> <li>• Belanjawan pemasaran</li> </ul>
--	--

Penghasilan kertas cadangan projek pemasaran seni memerlukan maklumat lengkap seperti yang dinyatakan di bawah. Perincian kertas cadangan projek pemasaran seni perlu menitikberatkan pemasaran seni sebelum, semasa dan selepas projek pemasaran.



Rajah 21 Konsep dan proses penyelidikan.

## Contoh penghasilan kertas cadangan projek pemasaran seni

- Muka surat hadapan kertas kerja pemasaran karya seni mengandungi perkara berikut:
  - Logo syarikat
  - Nama syarikat
  - Tujuan rancangan pemasaran
  - Tajuk pemasaran seni yang hendak dijalankan
  - Sasaran
  - Nama orang yang menyediakan dan tarikh siap rancangan pemasaran
- Muka surat kandungan perlu menyenaraikan bahagian-bahagian utama dalam pemasaran seni dan senarai lampiran serta bilangan muka surat yang berkaitan.
- Surat dan sijil berkaitan (yang boleh menyokong projek).

### a Kajian dan analisa pemasaran

#### (i) Sasaran pasaran

Nyatakan profil pelanggan di sekitar kawasan pasaran yang dipilih. Kenal pasti kewujudan kumpulan pelanggan yang berbeza atau segmen pasaran di kawasan berkenaan.

#### (ii) Saiz pasaran

Langkah ini adalah untuk meramal jualan perniagaan. Nyatakan saiz pasaran dalam bentuk unit jualan Ringgit Malaysia (RM) atau kedua-duanya sekali.

#### (iii) Pesaing utama


Kenal pasti dan pilih pesaing-pesaing utama. Lebih baik jika pesaing dikenalpasti mengikut nama perniagaan mereka.

#### (iv) Kekuatan dan kelemahan pesaing

Nyatakan kekuatan dan kelemahan pesaing.

#### (v) Syer pasaran

Melalui maklumat yang diperolehi, nyatakan pembahagian pasaran atau syer pasaran untuk perniagaan yang dicadangkan.



### b Pengenalan, matlamat dan objektif

Bahagian pertama pengenalan perlu memberi gambaran umum berkaitan dengan projek pemasaran seni yang akan diceburi.

**Contoh:** Projek pemasaran seni kraf batik.

Bahagian kedua pengenalan ialah ringkasan eksekutif bagi menerangkan gambaran ringkas berkenaan syarikat yang ditubuhkan. Sebagai panduan, bahagian pengenalan ini perlu dilengkapi maklumat seperti membincangkan objektif projek.

#### Contoh objektif projek

- Membantu dalam penambahan pertumbuhan pemasaran karya seni setempat.
- Memperkenalkan karya seni tempatan pada masyarakat sekitar.
- Menjadi sebuah syarikat atau organisasi yang berkomitmen dalam industri seni.




**c** Tarikh, masa dan lokasi

- Tarikh perniagaan akan dijalankan.
- Masa perniagaan beroperasi.
- Lokasi perniagaan akan dijalankan.



**d** Organisasi dan jawatankuasa

- Pentadbiran
- Carta organisasi
- Senarai jawatan dan bilangan pekerja



**e** Pendaftaran dan sumber kewangan

- **Tarikh dan nombor pendaftaran.**

Hanya sesuai untuk perniagaan yang sedang dijalankan. Perniagaan yang sedang dalam perancangan mungkin belum mempunyai butir-butir ini atau masih dalam proses pendaftaran.



- **Modal permulaan**

Jumlah modal sendiri yang dibawa masuk dalam perniagaan berkenaan. Bagi perniagaan Sendirian Berhad (Sdn.Bhd.) perlu dinyatakan modal dibenarkan dan modal dibayar perniagaan.

- **Bank**

Nyatakan bank pilihan untuk akaun perniagaan akan dibuka. Kebiasaannya, bank berkenaan berkaitan dengan permohonan pembiayaan pinjaman (jika berkaitan).

**f** Promosi

- **Strategi promosi**

Cara promosi yang digunakan untuk memasarkan hasil karya ialah poster, media massa dan sebagainya.



**g** Anggaran kos

- **Keperluan bahan**

Senaraikan bahan mentah atau stok barang yang diperlukan untuk menghasilkan karya.

- **Tenaga kerja**

Senaraikan keperluan tenaga kerja untuk bahagian operasi atau pembuatan hasil karya.

- **Mesin dan peralatan**

Senaraikan mesin dan peralatan yang diperlukan serta harga belian.

- **Susun atur ruang operasi**

Merancang susun atur ruang operasi sesuai dengan keperluan operasi perniagaan.

- **Overhead operasi**

Ini termasuk kemudahan bekalan air dan elektrik, gas dan lain-lain.

- **Perbelanjaan operasi**

Rumuskan segala perbelanjaan yang dianggarkan dalam bahagian ini mengikut kategori perbelanjaan harta, perbelanjaan bulanan dan lain-lain perbelanjaan.



**h** Laporan

Sediakan laporan bagi setiap data pada semua peringkat bahagian.



**AKTIVITI EKSPRESI KREATIF**

**Tujuan:** Cadangan menghasilkan projek pemasaran seni.

**Langkah-langkah:**

1. Bentukkan kumpulan seramai dua orang.
2. Hasilkan satu kertas cadangan projek mengikut jenis keusahawanan seni yang ingin diusahakan oleh kumpulan anda.
3. Hasilkan kertas cadangan projek berpandukan maklumat seperti:
  - (a) Kajian dan analisa pasaran
  - (b) Pengenalan, matlamat dan objektif
  - (c) Tarikh, masa dan lokasi
  - (d) Organisasi dan jawatankuasa
  - (e) Pendaftaran dan sumber kewangan
  - (f) Promosi
  - (g) Anggaran kos
  - (h) Laporan
4. Kertas cadangan projek hendaklah mengikut proseder pendokumenan yang kemas dan tersusun.
5. Bentangkan di hadapan kelas dan lakukan perbincangan mengenai cadangan projek yang dihasilkan.





## 4.4.1 REFLEKSI KEUSAHAWANAN SENI

Usahawan perlu mempunyai perancangan dan penyelidikan supaya pelaksanaan kertas kerja berkaitan penjualan karya seni dapat disediakan dengan lengkap. Refleksi tentang keusahawanan seni memerlukan aspek seperti berikut:

### Latar Belakang Penyelidikan

#### Kenal pasti bidang keusahawanan seni

- Terdapat kepelbagaian bidang seni dengan nilai pasaran yang berbeza.

#### Trend pasaran

- Trend pasaran karya seni semasa meningkat melalui permintaan terhadap karya-karya seni visual termasuk dari luar negara.

#### Analisa pasaran

- Analisa pasaran terhadap pengkarya dan hasil karya mempengaruhi nilai pasaran semasa.

#### Trend pasaran seni

- Kategori trend pasaran seni semasa juga telah membuka kepada pasaran baharu terutamanya dalam bidang animasi yang telah mendapat pengiktirafan di dalam mahupun luar negara.

#### Jenis pasaran

- Jenis pasaran juga perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi global.

#### Kehendak dan keperluan

- Kehendak dan keperluan turut menjadi aspek penting dalam menentukan hala tuju pasaran karya seni dengan meningkatnya pengetahuan masyarakat yang mempunyai kuasa membeli.

#### Cabaran dan isu semasa

- Cabaran dan isu semasa memperlihatkan peningkatan persaingan yang ketara namun masih dalam keadaan terkawal. Mutu serta nilai estetik karya juga perlu dipertingkatkan dengan adanya kemahiran yang tinggi.
- Faktor sosiobudaya dan sokongan masyarakat amat perlu dalam meningkatkan pasaran karya seni.
- Penggunaan Internet digunakan sepenuhnya oleh usahawan seni bagi tujuan perolehan serta penjualan karya seni di pasaran.

Rajah 22 Latar belakang penyelidikan keusahawanan seni.

#### Standard Pembelajaran

4.4.1 Membuat refleksi tentang keusahawanan seni berdasarkan:

- latar belakang penyelidikan
- dokumentasi kertas cadangan projek pemasaran seni

## Dokumentasi Kertas Cadangan Projek Pemasaran Seni

Proses pendokumenan kertas cadangan projek pemasaran seni meliputi dokumen bertulis yang diberikan keterangan berkenaan perniagaan atau projek yang dijalankan secara menyeluruh dan terperinci. Lakukan refleksi dokumentasi kertas cadangan projek pemasaran seni mengikut contoh yang diberi.

#### Pengenalan, matlamat dan objektif

- Adakah matlamat serta objektif kertas pemasaran bertepatan dengan kehendak semasa dan berupaya untuk berdaya maju?

#### Tarikh masa dan lokasi

- Adakah tarikh dan masa yang dipilih bersesuaian dengan tempoh urusan pendaftaran syarikat dan sebagainya?
- Apakah ciri-ciri penting dalam memilih lokasi perniagaan telah diambil kira?

#### Organisasi dan jawatankuasa

- Bagaimanakah penentuan jawatan dalam organisasi dijalankan?
- Adakah anda memerlukan tenaga kerja luar daripada anggota yang mempunyai syer syarikat?

#### Kajian analisa pasaran


- Siapakah sasaran pasaran anda?
- Adakah kumpulan sasaran pasaran mempunyai kuasa membeli dan kehendak kepada karya seni?
- Adakah nilai pasaran mampu bersaing dengan pesaing yang sedia ada?

#### Anggaran kos

- Bagaimanakah anggaran kos dilakukan bagi setiap unit dalam organisasi?
- Adakah anggaran kos turut mengambil kira keperluan bahan, tenaga kerja dan mesin sepanjang penghasilan karya?
- Bagaimanakah anggaran kos bagi pembelian bahan.

#### Laporan

- Siapakah yang bertanggungjawab bagi penyediaan laporan pemasaran seni?
- Adakah laporan yang disediakan mengikut format laporan yang meliputi semua aspek yang telah ditetapkan?
- Apakah kaedah penjilidan yang digunakan?







## 4.4.2 ETIKA DAN DISIPLIN PENULISAN SEPANJANG PROSES PENGHASILAN KERTAS CADANGAN PROJEK

Etika dan disiplin penulisan amat penting dan perlu dipraktikkan dalam penghasilan kertas cadangan projek keusahawanan seni ini.

### Aturan

Kertas cadangan projek yang dihasilkan perlulah mengikut garis panduan atau aturan yang betul.

- Aturan muka surat kandungan perlu menyenaraikan bahagian utama dalam pemasaran seni, senarai lampiran serta bilangan muka surat yang berkaitan dengan kandungan.
- Aturan penulisan latar belakang syarikat, rakan kongsi dan ahli jawatankuasa syarikat perlulah tepat.

### Jujur

Penulisan perlulah daripada dapatan yang sebenar dan tidak menokok tambah dengan data sendiri.

- Menggunakan data yang sebenar berdasarkan hasil kajian yang telah dibuat.
- Bersikap adil dalam pembahagian tugas kepada rakan-rakan yang turut sama sebagai ahli dalam penulisan kertas kerja pemasaran seni.

### Integriti

Tidak melakukan plagiat dengan meniru atau mengambil data daripada penulisan orang lain seperti.

- Menggunakan data, akta atau maklumat orang lain tanpa menyatakan sumber yang diperolehi.
- Mengambil terus projek penulisan pemasaran seni orang lain menjadi karya sendiri.

### Kepatuhan

Memberikan data yang benar dan tidak memanipulasi terutamanya bagi maklumat yang melibatkan kewangan.

- Menggunakan data sebenar daripada kajian untuk membuat kira-kira bagi bahagian anggaran kos karya, kos penghantaran, kos operasi dan sebagainya.
- Mendapatkan kebenaran bagi sebarang penulisan bahan dan rujukan dalam penulisan kertas cadangan.
- Menyerahkan kertas cadangan projek kepada guru pada masa yang ditetapkan.

**Rajah 23** Etika dan disiplin penulisan kertas cadangan projek.

### Standard Pembelajaran

4.4.2 Mengamalkan etika dan disiplin penulisan sepanjang proses penghasilan kertas cadangan projek.



## 4.4.3 MENGAMALKAN BUDAYA PENDOKUMENAN

Budaya pendokumenan perlu diamalkan untuk mengumpul semua maklumat kertas cadangan projek pemasaran seni mengikut tatacara serta aturan yang betul.

### Penaipan

Menaip menggunakan komputer mengenai maklumat atau data keusahawanan yang diperolehi dengan menyusun nombor halaman supaya lebih teratur. Gunakan jenis dan saiz tulisan yang sesuai dan mudah dibaca.



### Percetakan

Mencetak dokumen yang dihasilkan terus kepada mesin pencetak yang dihubungkan dengan komputer sama ada dalam hitam putih atau berwarna.

### Penjilidan

Menggunakan jenis dan saiz penjilidan yang sesuai dengan ketebalan bahan projek.



### AKTIVITI SENI DALAM KEHIDUPAN

**Tujuan:** Mengadakan pembentangan apresiasi dan refleksi berkaitan keusahawanan seni.

#### Langkah-langkah:

1. Anjurkan sebuah pembentangan secara berkumpulan mengenai apresiasi dan refleksi berkaitan keusahawanan seni.
2. Pilih satu isu mengenai keusahawanan seni di Malaysia dengan menyentuh perkara seperti:
  - (a) Nilai komersial karya seni
  - (b) Trend pasaran bagi karya seni yang dipilih
  - (c) Cabaran dan isu pasaran seni
4. Sebuah pembentangan yang baik mestilah:
  - (a) Pembukaan yang menarik perhatian.
  - (b) Penampilan yang sesuai.
  - (c) Bahasa dan suara yang jelas dan mudah difahami.
  - (d) Pembentangan yang berinformasi.
  - (e) Memberi penghargaan di akhir sesi pembentangan.
5. Pembentangan boleh menggunakan *mood board* atau multimedia seperti *Power Point*.

### Standard Pembelajaran

4.4.3 Mengamalkan budaya pendokumenan sejarah dan pengurusan seni.



# RUJUKAN

- Abdul Ghani Samsudin, Ishak Haji Sulaiman & Engku Ibrahim Ismail., 2001. *Seni Dalam Islam*. Selangor: Intel Multimedia and Publication.
- Ahmad Jelani., 2006. *Pelayaran dan Perdagangan Selat Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Jelani Halimi, *Undang-undang Laut Melayu: Undang-undang Perahu dan Undang-undang Belayar*. Kuala Lumpur.
- Azah Aziz Mohd Alsagoff., 2009. Bangi: Penerbit UKM.
- Beverly Yong, Nur Hanim Khairuddin, Rahel Joseph & Tengku Sabri Ibrahim., 2016. *Infrastructures: Narratives in Malaysian Art* Volume 3. Kuala Lumpur: Rogue Art.
- Bill Reddin & Denis Ryan., 1988. *Handbook of Management by Objectives*. Tata Mcgraw-Hill: New Delhi.
- Brend, B., 1991. *Islamic Art*. London: British Museum Press.
- Burckhardt, T., 2009. *Art of Islam: Language and Meaning*. Indiana: World Wisdom, Inc.
- Byrnes, W.J., 1999. *Management and the Arts*. Butterworth-Heinemann: Woburn.
- C.C Brown., 1970. (annotated translation) *Sejarah Melayu or Malay Annals*. Oxford University Press.
- Chong, D., 2010. *Arts Management*. London & New York: Routledge.
- Daniel Perret & Zulkifli Jafaar., 2014. *Acient Glassware in Malaysia*, The Pengkalan Bujang Collection, Department of Museums Malaysia and Embassy of France in Malaysia.
- D. Fairchild Ruggles (ed), 2011. *Islamic Art and Visual Culture: An Anthropology of Sources*. UK: Blackwell Publishing Ltd.
- Drs. Sidi Gazalba., 1977. *Pandangan Islam tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- D'zul Haimi Hj. Md. Zain., 2001. *Seni Islam*. Kuala Lumpur: Hans Press Sdn.Bhd.
- Edmund Feldman., 1993. *Practical Art Criticism*. Pearson.
- Franklin Watts., 1990. *The Travels of Marco Polo*. Richard Hook Publisher.
- Glosari Seni Lukis., 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hafizah Idzahanid., 2015. Kuala Lumpur: *Seni Halus Tawan Ekonomi Dunia*, Kuala Lumpur: Berita Harian.
- Hamid Isa, 2015. *The Last Decendants of the Lanoh Hunters and Gatherers in Malaysia*, Penerbit Universiti Sains Malaysia for Centre for Global Archeology Research.
- Jones, M.E., 2016. *Art Law: A Concise Guide for Artists, Curators, and Art Educators*. New York, London: Rowman & Littlefield.
- Kamus Dewan Edisi Keempat., 2014. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kao, John., 1996. *Jamming: The Art and Discipline of Business Creativity*. Harper Collins.
- Kuratko D F & Hodgetts R.M., 2004. *Entrepreneurship: Theory, Process, Practice Mason*. Ohio: Thomson South Western.
- Lloyd E. Shefsky, 1994. *Entrepreneurs are Made Not Born*. McGraw-Hill Companies, T.H.E.
- Lord, B. and Lord G. D., 2002. *The Manual of Museum Exhibitions*. Altamira Press: Walnut Creek.
- Margaret W. Matlin., 1989. *A Survey of Instructors*. Sage Journals.
- M.A. Shaban., 1975. *Sejarah Islam: Satu Interpretasi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sheffie Abu Bakar., 1995. *Metodologi Penyelidikan*. Edisi ke-2. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Taib Othman., 1976. *Panduan Pengumpulan Tradisi Lisan Malaysia*. Kuala Lumpur: KKBS.
- Mohd Taib Osman., 1984. *Bunga Rampai: Aspects of Malay Culture*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naresh K. Malhotra., 1999. *Marketing Research an Applied Orientation*. NJ: Prentice Hall in Upper Saddle River.
- Norwani Mohd Nawawi., 1989. *Malaysian Songket*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Hanim Khairuddin & Beverly Yong (eds), 2012. *Imagining Identities: Narratives in Malaysian Art*. Kuala Lumpur: RogueArt.
- Othman Mohd Yatim & Arba'iyah Abd Aziz., 2005. *The Motifs on Malay Songket: Their Philosophical Meanings*. Kuala Lumpur: International Symposium on Malay Songket.
- Paul G. Bahn., 1998. *The Cambridge Illustrated History of Prehistoric Arts*. Cambridge University Press.
- Radbourne, J. & Fraser, M., 1996. *Arts Management: A Practical Guide*. Sydney: Allen & Unwin.
- Rahmah Hj Bujang., 2004. *Pengungkapan Kreativiti Seni Melayu dalam A. Aziz Deraman: Tamadun Melayu Jilid Tujuh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robert A. Baron & Scot A. Shane, 2005. *Entrepreneurship: A Process Perspective*. Thomas Southwestern.
- Robert L Solso., 1988. *Cognitive Psychology Author*. Boston: Ally and Bacon.
- Sahahrani Hj Abdullah., 2005. *Hala Tuju Melayu dalam Perwarisan Seni. Seminar Warisan Seni Bangsa: Bicara Warisan Khazanah Jiwa*. Kuala Lumpur: ASWARA.
- Siti Zainon Ismail., 1986. *Reka Bentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ahmad Jamal., 1989. *Eстетika Seni Rupa Melayu: Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu ke-2*. Kuala Lumpur.
- Syed Ahmad Jamal; 1996. *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Templar, R., 2015. *The Rules of Management*. London: Pearson.
- The Timeline of Islamic Civilisations.*, 2012. Kuala Lumpur: Islamic Art Museum.
- Willian J. Byrnes., 2014. *Management and the Arts*. Edisi ke-5. Burlington: Focal Press.
- Webster's Third New International Dictionary., 2002. USA: Merriam Webster, Incorporated Author and edited Philip Babcock Cove.
- Yunus Sauman Sabin, Adnan Jusoh, Wan Noorlizawati Wan Mat Ali & Zuliskandar Ramli, 2017. *Motif Manusia dalam Pola Hias Keranda Kayu Balak di Sabah*. Jurnal Arkeologi Malaysia.
- Zakaria Ali., 2012. *Teori-teori Seni*. Selangor: Univision Press Sdn. Bhd.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2012. *Zaman Proto Sejarah di Malaysia: Satu Pengenalan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*.
- <https://arkeosungaibatu.blogspot.com/2011/02/sungai-batu-di-lembah-bujang.html>
- <http://www.arkib.gov.my/web/guest/lembah-bujang>
- <https://my.carousell.com/p/set-tepak-sireh-perak-925-117506142/?hl=en>
- <https://www.pinterest.com/pin/100697741649335035/?lp=true>
- <https://susorgalar.blogspot.com/2011/01/istinggal-terakol-pemuras-senjata.html>
- <https://warisanmelayuseniukiran.weebly.com/sejarah.html>
- <https://www.writework.com/essay/melentur-buluh-biarlah-daripada-rebungnya>



# INDEKS

- abstrak 4
- akid 38, 79, 97
- akses 79, 97
- akta 32, 53, 65, 80, 93, 113, 126
- apresiasi 26, 27, 28, 30, 35, 62, 63, 64, 67, 93, 94, 127
- arkeologi 41, 40
- bajet 74, 75, 82, 85, 93
- dominasi 51
- ekspresi 4, 23, 31, 27, 37, 43, 59, 61, 62, 70, 92, 111, 123
- entrepot 99
- estetik 8, 9, 10, 11, 14, 60, 64, 79, 104
- formalistik 26, 59
- holistik 25
- imajinasi 70, 103
- intelektual 78, 79, 80, 93, 94, 114
- kod 6, 16, 32, 78, 87
- konsep 8, 14, 15, 16, 17, 19, 23, 27, 31, 33, 44, 45, 46, 47, 48, 52, 53, 54, 59, 61, 66, 71, 73, 74, 75, 76, 86, 87, 88, 97, 119
- kosmis 8
- kreatif 17, 23, 38, 59, 69, 70, 82, 88, 93, 100, 101, 103, 104, 105, 114
- kronologi 6, 40, 81
- kurator 15, 82, 84, 85, 94
- media 7, 11, 12, 13, 17, 19, 20, 21, 22, 26, 28, 30, 31, 34, 50, 54, 55, 56, 57, 58, 63, 64, 66, 72, 74, 83, 84, 87, 88, 92, 97, 108, 109, 110, 111, 112, 117, 122, 127
- overhead 120, 123
- paganism 8
- platform 107
- prasarana 114
- refleksi 33, 93, 94, 109, 124, 125, 127
- segmen 121
- semula jadi 8, 9, 10, 14, 26, 31, 37, 46, 47, 48, 51, 54, 63, 88, 89
- sosiobudaya 124
- syer 121, 125
- trend 16, 104, 107, 108, 109, 111, 116, 117, 119, 124, 127
- unsur 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 30, 31, 47, 49, 50, 51, 63, 64
- utilitarian 44, 52
- visual 11, 12, 13, 26, 29, 49, 50, 51, 71, 72, 101, 104, 108, 109, 124
- warisan 44, 60, 65, 96

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks			
Sekolah _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima
Nombor Perolehan: _____			
Tarikh Penerimaan: _____			
<b>BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL</b>			





RM20.45

ISBN 978-967-2212-74-4



9 789672 212744

FT504006